

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**

---

**Shah Alam, Khamis 15 Julai 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datuk Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**( Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )**

**Dewan disambung semula pada jam 10.00 pagi**

**TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.**

**SETIAUSAHA DEWAN : Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor Penggal Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.**

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan. Sambungan.**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER : Jeram.**

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Terima kasih Tuan Speaker, Jeram kemukakan pertanyaan No. 26.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

26. KUIS adalah milik penuh kerajaan negeri yang berpotensi menjadi hab pendidikan di kawasan selatan negeri Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor:-

- a) Apakah strategi KUIS untuk memastikan ia kompetitif dari segi kualiti kursus, yuran dan kakitangan akademiknya?
- b) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk meningkatkan tahap KUIS menjadi universiti penuh di masa hadapan?
- c) Apakah graduan lulusan KUIS kini cukup kompetitif untuk bersaing dalam pasaran kerja tempatan?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Assalamualaikum Warahmatulahi wabarakatuh**  
dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Jeram yang bertanya tentang KUIS. Sejak dari awal penubuhannya KUIS sentiasa memastikan aspek kualiti terutama dari

segi akademik dan pembangunan kurikulum diberikan fokus utama. Sebagai sebuah IPTS KUIS sentiasa dipantau sepenuhnya oleh MQA atau Agensi Kelayakan Malaysia yang akan menilai dari masa ke semasa penawaran kursus-kursus baru dan juga pelaksanaan kursus-kursus yang sedia ada agar kualiti dan kandungan kurikulum adalah selaras dengan keperluan guna tenaga kerja negara. Program-program akademik yang ditawarkan kepada pelajar telah mendapat perakuan akreditasi manakala semua kursus baru yang hendak ditawarkan dipastikan mendapat kelulusan standard minimum penawaran. Selain memastikan pembangunan kurikulum juga mengambil kira kepentingan dan sumbangannya kepada modal insan negara. Sebagai testimoni kekuatan PMP dalam sudut program akademik di peringkat pengajian tinggi KUIS telah di anugerah persijilan MSISO 9001- 2000.

Salah satu daripada keunikan KUIS ialah program-program akademik yang ditawarkan menggabungkan secara bersepada atau holistik antara ilmu *aqli* dan ilmu *naqli*. Disiplin ilmu yang ditawarkan tidak bersifat terpisah atau *compartmentalize* dengan izin sebaliknya diadunkan berdasarkan kepada prinsip tauhid, menggabungkan nilai-nilai murni, dan luhur yang bersifat universal. Kesepadan ilmu membolehkan pelajar-pelajar menguasai ilmu yang dipelajari dan dalam masa yang sama menjadikan Al-Quran dan As-sunah menjadi pegangan. Akhirnya seorang graduan yang dilahirkan bukan setakat sahaja menjadi seorang pekerja atau profesional tetapi memiliki sifat-sifat jujur, adil,. Amanah, telus, dengan izin *endearing Islamic and principle* dan meletakkan dirinya sebagai hamba Allah dan khalifah Allah. Kurikulum akademik yang ditawarkan menepati piawaian antarabangsa dan ini membolehkan bidang pengajian yang ditawarkan bukan sahaja sesuai untuk rakyat tempatan tetapi juga menepati keperluan pelajar-pelajar antarabangsa. Kurikulum pengajian yang ditawarkan digubal telah disesuaikan untuk menepati kehendak pasaran semasa melalui khidmat penasihat akademik dan industri. Contohnya seorang pelajar Usuluddin turut didedahkan kepada bidang keusahawanan dan pengurusan kewangan, begitu juga seorang pelajar jurusan pengurusan perniagaan didedahkan dengan pengetahuan era baru ekonomi contohnya ICT, multimedia dan globalisasi dan beberapa subjek pengurusan Islam.

Fokus kepada pembelajaran sepanjang hayat penekanan diberi terhadap aspek peningkatan kemahiran atau pun *skill* dengan izin, pengetahuan nilai tambah *value added* dan mendukung tradisi serta budaya ilmu yang bersifat dinamik. Fokus kepada *k-management* dengan izin *knowledge management* contoh program Sarjana Pengajian Syariah turut memasukkan subjek dan input terkini berkaitan *k-management* sesuai dengan trend dan aliran terkini dan masa depan global. Fokus kepada aplikasi penyelidikan dan pembangunan R & D, semua kursus pengajian terutama di peringkat pasca siswazah menekankan terhadap aspek metodologi, penyelidikan dan *problem base learning* dengan izin. KUIS mengutamakan pembangunan sumber manusia sebagai salah satu aset penting di dalam membangun dan mencapai matlamat organisasi. Oleh itu pihak pengurusan KUIS sentiasa menitikberatkan proses pembangunan staf dengan merancang dan melaksanakan program-program secara berperingkat dan bersepada dari masa ke semasa. Kaktangan akademik mempunyai peluang mengembang dan membangun kerjaya mereka , dengan izin *career pass, career development* melalui skim latihan akademik KUIS atau SLAT dan kursus pemantapan bahasa. SLAT diperkenalkan kepada semua staf akademik yang berkelayakan dengan menawarkan pembiayaan untuk menyambung pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Soalan kedua, tentang perancangan, tentang apakah kerajaan negeri bercadang untuk meningkatkan tahap KUIS menjadi universiti penuh di masa hadapan. Perancangan dan persediaan ke arah universiti penuh sedang dilaksanakan terutama dari segi pemantapan pengurusan universiti, penawaran program –program peringkat sarjana dan PHD,

pengambilan pelajar-pelajar yang lebih berkualiti dan juga peningkatan keupayaan dana universiti.

Ketiga, soalan ketiga apakah graduan lulusan KUIS kini cukup kompetitif untuk bersaing dalam pasaran kerja tempatan. Sehingga kini KUIS telah melahirkan seramai lebih kurang 6,500 graduan dalam pelbagai bidang dan telah berkhidmat di dalam masyarakat sama ada di dalam struktur kerajaan mahu pun swasta. Dan KUIS juga telah merangka pelan tindakan *best student* merangkumi aspek berikut:

Pertama pemilihan pelajar, yang kedua bantuan penajaan, ketiga pengembangan potensi, keempat penguasaan kemahiran tujuh insaniah, kelima pembelajaran berdasarkan pelajar dan keenam pengujian dan penilaian berterusan. Selain itu program-program pemantapan dan bimbingan seperti usrah, *ta'adib*, *mentoring* serta program pengukuhan kemahiran, contoh latihan industri organisasi pelajar turut dilaksanakan. Selain daripada itu penerapan aspek kemahiran insaniah menjadi fokus dan *priority* dalam program-program pelajar seperti kemahiran sosial, kemahiran kerjaya, kemahiran inovasi dan keusahawanan. Melalui pelan ini graduan KUIS akan menjadi lebih kompeten, *marketable* dan serba boleh di dalam pelbagai bidang insya-Allah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hanya bagi setakat ini, setakat sehingga 2009 daripada data yang kita perolehi 42.1% daripada graduannya masih menganggur, 49.65 % terbahagi kepada dua bidang, satu bekerja, sudah bekerja 32.7% dan tengah melanjutkan pelajaran 16.95%. Sekian.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sebelum saya memanggil Bangi, saya ingin mengingatkan kepada juru gambar, saya sudah memberi arahan jangan gunakan *flash light* dalam dewan, kalau tidak saya akan arahkan juru gambar keluar dari dewan. Saya sudah memberi kebebasan untuk mengambil gambar dalam dewan tetapi ada peraturannya dan sudah saya berikan peringatan demi peringatan dan tolong balik beritahu rakan-rakan juru gambar yang lain. Jangan setiap kali datang juru gambar yang baru tak tahu peraturan. Silakan Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker, KUIS di bawah DUN Bangi. ADUN sering menerima aduan tentang bayaran kos di KUIS ni terlampaui tinggi. Kita dimaklumkan antaranya oleh kerana di KUIS asrama atau kolejnya diberi kepada pihak swasta mendirikan kolej. So ertiinya pihak KUIS dan pelajar terpaksa menanggung beban mesti membayar lebih tinggi untuk melunaskan hutang pihak swasta yang mendirikan kolej. Saya nak tahu pihak swasta manakah yang mendirikan kolej ini dan berapakah jumlah modal yang didirikan yang terpaksa menanggung hutang untuk KUIS membayar balik modal yang didirikan oleh pihak swasta. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI :** Terima kasih kepada Bangi. Memang tentang yuran pengajian sekurang-kurang saya rasa telah 2 (dua) kali dibangkitkan di dalam Dewan ini. Daripada segi yuran pengajian, saya telah pun bertanya kepada KUIS sama ada benar yuran pengajian di KUIS ini lebih tinggi daripada IPTS-IPTS yang lain. Jawapan daripada KUIS ialah KUIS membuat kajian penelitian terhadap yuran-yuran yang dikenakan di IPTS dalam kursus yang setaraf dengan kursus-kurus yang telah ditawarkan oleh KUIS. Tetapi kita melihatkan KUIS menyatakan yuran yang ditawarkan, yang dikenakan oleh KUIS adalah lebih kurang dengan IPTS-IPTS yang lain. Tentang nama dan berapa jumlah yang perlu ditanggung oleh KUIS, jumlah itu adalah fakta saya perlu mendapatkan yang tepat daripada KUIS dan kita akan memberikan jawapan secara tulis kepada Yang Berhormat Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, tidak menjawab soalan, syarikat mana yang mendirikan asrama itu sebagai dia menanam modal di situ yang terpaksa KUIS dan juga pelajar tanggung untuk membayar balik modal yang dia dirikan kolej itu. Ini saya diberitahu oleh pelajar di KUIS itu sendiri yang sering menemui saya. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Insya-Allah, nanti Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai Pengurus Lembaga KUIS akan menjawabnya dengan lebih tepat. Insya-Allah. Tetapi memang kita faham apa-apa yang masalah yang berkaitan dengan kewangan yang selama ini kita bangkitkan di dalam Dewan ini memang ada *modes operandi* lebih kurang sahaja. Itu agak standard. Jadi saya rasa yang paling layak menjawabnya adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri kerana *info* itu ada di tangan beliau.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih Selat Klang. Mengambil kira faktor ekonomi yang gawat ketika ini dan mengambil kira faktor kecemerlangan pelajar pada hari ini Kerajaan Persekutuan atau Kementerian Pelajaran ada memberikan biasiswa JPA kepada semua pelajar tanpa mengambil kira bangsa atau latar belakang yang mencapai 9A. Pertanyaan saya adakah Kerajaan Negeri ada menyediakan kemudahan sedemikian kepada pelajar-pelajar kita yang di bawah pengendalian Kerajaan Negeri dan jika ada apakah taraf kelayakan yang diberikan sebagai garis pandu kepada pelajar-pelajar berkenaan. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Terima kasih kepada Jeram. Alhamdulillahlah kalau JPA memberi baru menyatakan bantuan kerana kegawatan ekonomi diberikan kepada bantuan pinjaman dan biasiswa diberikan kerana kegawatan ekonomi baru-baru ini, maka kita di negeri Yayasan Selangor dan juga Bahagian Sumber Manusia di mana kita ada tabung pinjaman biasiswa yang kita beri kepada mana-mana warga Selangor tanpa mengira kaum di negeri Selangor ini dan kita memberi sehingga 25,000 sebagai pinjaman dan bagi kedua-dua Yayasan Selangor dan Bahagian Sumber Manusia ini iaitu Tabung Biasiswa dan Pinjaman daripada Kerajaan Negeri Selangor ini adalah *convertible loan*. Maknanya CGPA kalau melebihi 3.75 pinjaman ini akan berubah menjadi biasiswa dan tidak perlu dibayar dan juga keunikannya yang ditawarkan di Selangor ialah ianya tidak mengenakan *interest* 4% seperti di bawah PTPTN. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK** : PELANCONGAN

27. Kerajaan negeri telah melancarkan Tahun Melawat Selangor 2010 dengan tema "Selangor Shines".

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Berapakah jumlah pelancong yang telah berkunjung ke Selangor, khususnya daerah Kuala Langat bagi tahun 2009 dan 2010?

- b) Apakah produk-produk pelancongan yang menjadi fokus kerajaan negeri untuk dibangunkan dan dipromosikan seluruh Selangor dan khasnya di Kuala Langat?
- c) Berapakah peruntukan untuk memelihara produk-produk pelancongan sedia ada dan pembangunan produk pelancongan baru di Kuala Langat?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, jumlah pelancong yang telah berkunjung ke Selangor khususnya daerah Kuala Langat bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti berikut. Bagi tahun 2009, jumlah pengunjung ke Negeri Selangor adalah 5.6 juta. Maaf Tuan Speaker. 5,647,641. Untuk tahun 2010 dari bulan Januari hingga akhir bulan Mei adalah 2,522,512. Jadi jumlah antara tahun 2009 sampai bulan Mei 2010 jumlah pengunjung ke Selangor adalah 8,170,153 orang. Jumlah pengunjung ke daerah Kuala Langat dari 2009 dan juga 2010 adalah berikut. Dalam tahun 2009 terdapat 1,060,850 orang yang telah mengunjungi ke daerah Kuala Langat dan untuk tahun ini dari Januari hingga Mei seramai 625,600 orang telah melawat Kuala Langat. Antara produk-produk pelancongan di Kuala Langat fokus pembangunan adalah di Bukit Jugra yang terkenal dengan acara paragliding di mana bukan sahaja di kenali oleh masyarakat tempatan malah masyarakat antarabangsa yang cintai sukan paragliding. Selain daripada itu, Pantai Kelanang yang terletak berhampiran dengan Pantai Morib yang mana berpotensi menarik ramai pengunjung seperti di Pantai Morib. Selain daripada itu, Pantai Batu Laut juga menjadi pilihan untuk dibangunkan. Pantai Batu Laut pernah terkenal pada suatu ketika dengan aktiviti sukan perahu layar. Aktiviti itu dirancang dan akan dihidupkan kembali dan mampu menarik tumpuan pengunjung dan boleh dimasukkan ke dalam pakej lawatan ke *homestay-homestay* di mana kita ada sebanyak 16 di Negeri Selangor. Soalan Y.B. Morib tentang produk-produk pelancongan yang lain yang menjadi fokus di Kuala Langat termasuk Thong Jen, Bukit Jugra, Makam Di Raja, Istana Bandar, Muzium Jugra, produk IKS, *homestay-homestay* dan juga Kampung Orang Asli. Soalan ketiga di mana Y.B. menyoal tentang peruntukan untuk memelihara produk-produk pelancongan yang sedia ada antaranya adalah peruntukan yang diterima untuk produk-produk pelancongan di Kuala Langat adalah berjumlah RM7.2juta. Jumlah ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Majlis Daerah Kuala Langat. Dan ada beberapa produk di mana penyelenggaraan dijalankan seperti di Bukit Jugra sebanyak RM2,072,000. Untuk Pantai Kelanang pula peruntukan sebanyak RM4,028,000 diperlukan untuk memelihara kawasan tersebut dan untuk kawasan Pantai Batu Laut pula peruntukan yang digunakan adalah sebanyak RM1.1 juta. Kos-kos ini digunakan untuk memelihara dan membaik pulih segala kemudahan yang terdapat di produk-produk pelancongan di Kuala Langat. Dan selain daripada itu terdapat peruntukan yang akan diberi untuk memelihara produk-produk lain seperti di Pulau Carey, Muzium Jugra dan juga produk-produk industri kecil sederhana (IKS) di daerah Kuala Langat.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM** : Terima kasih Bukit Lanjan. Terlebih dahulu dewan yang mulia ini ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Mungkin Bukit Lanjan tak sebut tadi atas peruntukan bagi pembangunan Pantai Morib sebanyak RM6juta. Soalan tambahan saya Tuan Speaker, adakah di dalam menjaga aktiviti-aktiviti pelancongan atau produk pelancongan Kerajaan Negeri prihatin atau peka tentang kemusnahan alam sekitar yang boleh menjelaskan pusat pelancongan atau pantai atau taman-taman rekreasi serta ekosistem yang ada seperti di Wet Land yang berhampiran dengan perlombongan pasir yang rakus. Terima kasih.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Morib. Mengenai peruntukan yang kita dapat dari Kerajaan Persekutuan untuk memelihara Pantai Morib sebanyak RM6juta.

Memang peruntukan ini kita telah mendapat sejak 2008 dan ini adalah peruntukan di mana kita berusaha bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapat peruntukan yang sebenarnya adalah hak untuk Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapat peruntukan pembangunan tapak-tapak dan juga produk-produk pelancongan. Jadi ini bukan satu keistimewaan yang diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor tetapi ini merupakan satu hak. Negeri Selangor yang memberi cukai pendapatan yang paling banyak kepada Kerajaan Persekutuan. Apa yang kita dapat untuk produk-produk pelancongan ini terlalu kecil dan saya harap dengan kerjasama Y.B. dari Morib kita boleh membangun lagi kawasan tapak-tapak pelancongan di kawasan Morib. Kita ada banyak masalah. Saya memang nak maklum kepada dewan ini tentang isu memelihara dan memulihara pantai-pantai yang terdapat di sana. Ada beberapa pantai-pantai di sana sebenarnya tidak sepatutnya dibangunkan tetapi pada masa dahulunya mungkin ada tekanan politik atau dan sebagainya terdapat pula pantai itu. Lepas itu, bangunan itu jadi macam *leaning tower of Pisa* (sebagai contohnya) dengan izin. Ataupun paras laut menaik sampai pantai pun di liputi oleh air laut. So, kita ada masalah besar seperti yang di Pantai Kelanang. Jadi saya harap dengan kerjasama semua, saya rasa untuk pelancongan kita tak kiralah Pakatan Rakyat ke Barisan Nasional ke kita mesti sama-sama membangunkan produk-produk pelancongan. Saya amat minat untuk membangunkan beberapa tapak-tapak di Sabak Bernam sebagai contohnya. Tapi Sabak Bernam kebanyakannya YB-YB di sana pun dari Barisan Nasional. Saya tak kira. Saya harap kita bekerjasama. Ini satu isu di mana saya rasa kita boleh jadi *bipartisan*. Isu kedua tentang isu alam sekitar khasnya Wet Lands. Saya ingin maklum kepada dewan yang mulia ini memang Kerajaan Negeri Selangor telah lama prihatin dengan isu Wetlands iaitu khasnya Paya Indah yang diwarkan di dalam akhbar. Sebenarnya di kawasan Wetlands itu selama lebih 10 tahun kawasan itu terdapat pembakaran terbuka, tanah semua dibuka dengan cara pembakaran terbuka dengan izin *open burning*. Parit-parit pun dikorek, longkang-longkang pun dibuat. Ada beberapa kawasan pembangunan perumahan pun dijalankan. Oleh sebab itu paras air di kawasan itu yang kebanyakannya paya gambut, paras airnya dengan izin *water tabor* nya itu turun. Kita telah meneliti paras air di Paya Indah dah lama bukan yang baru. Ini isu. Jadi memang kita prihatin. Apa yang kita buat di sana kita pertamanya kita cuba memberhentikan semua aktiviti *open burning* (dengan izin) ataupun pembakaran terbuka. Keduanya kita cuba mendakwa orang-orang yang membuat paras air itu turun atau buat *open burning*. Tapi selama dua tahun kita menunggu *eternally general office* untuk membuat siasatan dan juga pendakwaan di mahkamah belum jalan. Mengapa? Ketiganya kalau kita lihat akhbar, foto-foto yang kita tengok di merata tempat itu *porn-porn* (dengan izin) *the lakes that surrounding the area where they said the sand mining* (dengan izin). Itu semua lombong-lombong, bekas timah, bekas lombong timah (maaf) dan juga bekas lombong pasir ini bukan perkara yang baru. Apa yang kita sedang buat masa ini, kita ada EMP (*Environment Management Plan*) kita ikut EMP itu. Lepas itu orang kata kita ada KSSB itu hanya memohon untuk 48 hektar. Itu saja kita ada 48 hektar. Kalau nak korek lagi 50 hektar dan sebagainya itu masuk dalam kolam. Jadi di samping itu, saya ingin maklum kepada dewan yang mulia ini bahawa sudah ada satu kajian yang dibuat ataupun di komisen oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dari bulan Januari. Kajian ini diberi kepada pihak NRE untuk mengkaji hidrologi kawasan itu. Bukan saja *sand mining* (dengan izin) tetapi ada beberapa aktiviti-aktiviti yang mengelilingi Paya Indah Wet Lands di mana kita semua mesti prihatin bukan saja *sand mining*, pembangunan satu, pertanian dua, pembakaran terbuka tiga. Jadi saya harap kalau Morib dan juga rakan-rakan ini semua YB-YB dari Barisan Nasional kita sama-sama menjaga, memelihara dan memulihara kawasan tersebut.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, Sungai Pelek. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Soalan 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: SIMPANAN TETAP PBT**

28. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar
  - a) Apakah tujuan utama simpanan tetap PBT ?
  - b) Adakah PBT menggunakan simpanan tetap untuk tujuan pembangunan kemudahan asas ?
  - c) Berapakah jumlah simpanan tetap bagi Majlis Perbandaran Sepang ?

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW** : Tuan Speaker. Soalan Sungai Pelek adalah mengenai simpanan tetap PBT. Tuan Speaker, tujuan utama simpanan tetap PBT adalah sebagai sumber kewangan kontingensi untuk PBT menampung perbelanjaan sekiranya sasaran kutipan hasil tidak dapat dicapai. Simpanan tetap PBT merupakan simpanan berjangka yang bertujuan untuk memperoleh keuntungan mengikut kadar dan tempoh masa simpanan. Sumber simpanan tetap PBT terdiri daripada wang cagaran serta deposit yang dipegang oleh PBT serta lebihan tunai yang dimiliki oleh PBT. Dividen atau keuntungan atas simpanan tetap akan diambil kira sebagai hasil bukan cukai PBT. Bagi PBT yang kurang berkemampuan, geran MARRIS dan geran-geran peruntukan pembangunan akan disimpan sebagai simpanan tetap dalam jangka masa singkat iaitu satu hingga tiga bulan bagi mendapatkan hasil dividen sementara menunggu projek-projek berkenaan siap dilaksanakan. Kebanyakan PBT menggunakan peruntukan sedia ada iaitu kutipan cukai taksiran untuk menyediakan kemudahan asas di kawasannya. Bagi PBT yang berkemampuan wang simpanan tetap yang benar-benar merupakan lebihan tunai akan digunakan bagi meningkatkan serta memantapkan lagi mutu perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan yang diberikan untuk keselesaan dan kesejahteraan penduduk di kawasan majlis. Satu contoh baru –baru ini di MBPJ wang akan digunakan untuk memberi bantuan kepada pangsapuri-pangsapuri untuk mengecat semula. Jumlah simpanan tetap bagi Majlis Perbandaran Sepang berdasarkan penyata kewangan yang belum diaudit lagi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah RM39.4juta. Simpanan tetap ini terdiri daripada RM21.07juta wang cagaran dan selebihnya iaitu RM18.33juta merupakan wang tunai simpanan majlis. Dan nampaknya kedudukan kewangan di kesemua 12 PBT telah menampakkan satu telah dilihat ada *improvement* (dengan izin). Seperti biasa MBPJ merupakan PBT yang ada kewangan yang paling kukuh misalnya tunai dan kesetaraan tunai bagi MBPJ pada 31 Disember 2009 yang juga belum diaudit menunjukkan bahawa adalah sebanyak RM177juta dan cagarannya RM47juta. Ini bermakna PBT seperti MBPJ sekarang ada tunai yang merupakan yang dimiliki oleh PBT MBPJ adalah RM129juta. Dan saya nampak saya tidak bercadang untuk membaca semua tetapi saya akan bagi kepada pemberita dan juga semua YB-YB selepas ini. Ini telah menunjukkan kita ada nampak *improvement* (dengan izin) tidak semacam zaman pembangkang iaitu Sungai Panjang di mana selalunya tidak nampak cara mereka mentadbir kurang hemat dan selalunya ada hutang-hutang yang besar. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sebenarnya kalau YB nak mengedarkan angka itu kepada pemberita sepatutnya diumumkan di sini. Di sini lebih penting daripada pihak pemberita, pihak akhbar tidak penting. Sepatutnya yang hendak diumumkan kepada pihak akhbar diumumkan di sini. Saya rasa dah terbalik dah. Keutamaan tu silap.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Boleh.

**TUAN SPEAKER** : Tapi saya serah kepada YB tapi saya cuma nak ingatkan sebab itu maklumat yang diminta oleh dewan melalui Adun. Jadi sepatutnya maklumat itu disalurkan melalui dewan ini bukan melalui akhbar.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Ok. Tuan Speaker, bolehkah saya ambil sedikit masa untuk baca?

**TUAN SPEAKER** : Ya, sila.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Ok, terima kasih. MBSA tunai RM87.56 juta, cagaran RM122.9 juta. Jadi, perbezaannya kurang RM35.34 juta. MBPJ RM177.08 juta, cagaran RM47.39 juta, perbezaan RM129.69 juta. MPK tunai RM16.31juta, cagaran RM51.32 juta, kurangnya RRM35.01 juta. MPAJ tunai RM51.62 juta, cagaran RM10 juta, perbezaan RM41 juta. MPSJ tunai RM80 juta, cagaran RM62 juta, perbezaan RM18.18 juta. MPS tunai RM27.54 juta, cagaran RM36.04 juta, kurangnya RM8.5 juta. MPKj tunai RM166 juta, cagaran RM98 juta, perbezaannya RM68.41 juta. MPSp iaitu Sepang tunai RM53.99 juta, cagaran RM21.07 juta, perbezaan RM32.92 juta. MDKS (Majlis Daerah Kuala Selangor) tunai RM3.27juta, cagaran RM8.07juta, kurangnya RM4.8juta. MDHS (Hulu Selangor) tunai RM9.33 juta, cagaran RM9.46juta, kurangnya RM0.13 juta. MDKL (Kuala Langat) tunai RM24.89 juta, cagaran RM10.18 juta, perbezaan RM14.71 juta. Akhirnya Majlis Daerah Sabak Bernam tunai RM13.03 juta, cagaran RM1.87 juta, perbezaan RM11.16 juta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sebelum saya memanggil Sri Muda, saya ingatkan saya ingin mengambil kesempatan ini mengingatkan pemberita di atas. Dua pemberita di atas saya sudah perhatikan dari tadi, kamu pakai kot dalam dewan. Ini bukan tempat bersalin. Kamu gunakan cermin itu untuk nak betulkan, nak kemaskan pakaian ini bukan tempatnya. Saya sudah berkali-kali mengingatkan, saya memberi kebebasan untuk pihak wartawan masuk dewan tetapi hendaklah berperangai dengan baik. Jadi sekarang ini sebagai hukuman saya arahkan kedua-dua kamu keluar daripada dewan sekarang ini juga. Silakan Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Kalau diikutkan kepada angka yang telah dikemukakan oleh Y.B. Pandamaran tadi kita nampak terlalu banyak sebenarnya simpanan-simpanan tunai dan saya juga ingin tambah ada juga kemungkinan lagi simpanan-simpanan dalam untuk aset. Dan saya berpandangan ini adalah wang pembayaran cukai. Jadi kenapa perlu dibuat begitu banyak simpanan sedangkan sebagai contoh di Majlis Bandaraya Shah Alam,kita memerlukan sebuah bangunan baru untuk pasar dan juga *parking* di Taman Sri Muda. Padahal peruntukannya itu yang diperlukan sekitar RM8juta sahaja. Tetapi kalau ditengok pada simpanan yang ada ini dia terlalu besar. Apakah tidak ada satu polisi daripada Kerajaan Negeri untuk mengehadkan simpanan-simpanan ini kepada satu jumlah yang lebih kecil sedikit supaya duit ini, aset ini boleh dicairkan untuk tujuan pembangunan. Terima kasih.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, cadangan ataupun pandangan Sri Muda memang tepat dan EXCO baru-baru ini telah mengadakan mesyuarat dan juga perbincangan bahawa memanglah kalau ada tunai yang *cash* yang benar-benar dimiliki oleh PBT masing-masing tidak haruslah disimpan begitu banyak dan haruslah digunakan untuk balik, dipulangkan kepada rakyat setempat untuk memantapkan lagi mutu dan juga perkhidmatan. Dan kita akan buat demikian. Tetapi untuk MBSA sampai hari ini masih belum

boleh dikatakan kukuh kerana cagarannya lebih daripada simpanan daripada MBSA. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih. Soalan tambahan. Memandangkan MBPJ banyak wang dia dan juga kita menganggapkan bahawa wang digunakan untuk mengimbangkan pembangunan, apakah soalnya sekarang kenapakah PPR tidak dapat layanan khususnya dari segi lif, dari segi sampah, dari segi penyelenggaraan, dari segi pembaikan. Perkara ini sudah berpanjangan. Kalau MBPJ itu kaya kenapa tidak ditolong masyarakat yang miskin di PPR khususnya?

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih Kota Damansara. Dan saya ingin memaklumkan kepada dewan yang mulia ini, Y.B. Kota Damansara telah sebagai seorang YB yang prihatin dia telah menghantarkan satu *proposal* ataupun cadangan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri sedang mengkaji *proposal* itu dan haraplah mudah-mudahan kita dapat memberi bantuan kepada bukan saja Kota Damansara dan juga semua kawasan di Petaling Jaya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batu Caves. Kota Alam Shah.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM** : Tuan Speaker, soalan 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN M MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PENGANGKUTAN**

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah masalah-masalah pengangkutan yang sering kali dihadapi oleh para penduduk di Negeri Selangor?
- b) Di manakah jalan raya - jalan raya yang paling sesak sepanjang masa di dalam Negeri Selangor pada masa kini?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya – jalan raya di Negeri Selangor pada masa kini?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Kota Alam Shah. Tuan Speaker, pertanyaan berkisar kepada permasalahan pengangkutan dan jaringan pengangkutan tentang masalah-masalah yang dihadapi dan bagaimana menyelesaikan masalah tentang hal mengenai pengangkutan yang berlaku di kawasan kita ini terutamanya di Lembah Klang. Tuan Speaker yang dimuliakan, pertama sekali kita pun mengakui bahawa mengenai tentang pengangkutan yang melibatkan sama ada jalan raya, sama ada *rail*, bas, teksi dan sebagainya dan termasuk kenderaan-kenderaan *private* kepunyaan-kepunyaannya persendirian memang pertambahannya keseluruhannya di Negeri Selangor ini ialah 100,000 bagi satu tahun. Tiap-tiap 100,000 bertambah. Maknanya dalam 10 bulan begitu kita akan dapat 1juta kenderaan bertaburan di jalan raya. Dan sebagaimana yang kita tahu bagi seluruh Negara ini tumpuannya ialah di Lembah Klang yang melibatkan Kuala Lumpur dan Shah Alam dan kawasan-kawasan

yang berdekatan. Di sinilah kawasan industri, di sinilah kawasan-kawasan pusat-pusat pengajian tinggi, di sinilah kawasan-kawasan kolej, di sinilah kawasan hospital dan di sinilah kawasan tumpuan yang menjadikan semakin hari makin kita bina lebuh raya, bina jalan raya daripada dua *lane* menjadi tiga *lane*, daripada tiga *lane* menjadi empat *lane* tetapi kita dapat masalah terus menjadi masalah. Dan ini Tuan Speaker dia mengakibatkan langsung kepada *quality of life*, kepada bagaimana kita menikmati kesejahteraan hidup yang lebih baik di Negeri Selangor ini. Dan kalau kita lihat sebagaimana kajian-kajian yang dibuat tak silap saya bila kita mengeluarkan pelan pembangunan hingga tahun 2025, kita menekankan penting sangat diambil satu perhatian yang serius mengenai pengangkutan awam, pengangkutan di Negeri Selangor ini kerana ini berkaitan sebagaimana saya katakan tadi dengan *quality of life* di negeri ini. Saya tak tahu sebenarnya tidak pernah pun di kajian dikira secara kuantitatifnya berapa jumlah rugi orang yang mati dalam *ambulance* misalnya yang tak sampai ke hospital pada masa-masa yang ditentukan. Oleh kerana kelewatan tersebut dengan takdir Allah S.W.T dia mati dalam *ambulance*. Berapa ramai pula misalnya orang-orang yang pergi *meeting* tak dapat pergi *meeting* pada masa-masa yang ditetapkan. *Meeting* dengan pelabur-pelabur asing yang menyebabkan kerugian antaranya mungkin berbilion hasil daripada tidak terlaksananya mesyuarat yang diaturkan. Dan bagaimana pula misalnya orang yang telah merancang untuk menunaikan sembahyang misalnya tapi tidak dapat menunaikan sembahyang akibat daripada kenderaan tak boleh pergi kiri, tak boleh pergi kanan, tak boleh pergi depan, tak boleh pergi belakang. Inilah merupakan kerugian-kerugian yang besar. Bukan saja kerugian fizikal, bukan saja kerugian mental, bukan saja kerugian intelektual tetapi yang pentingnya kerugian *spiritual* pun sebenarnya dialami oleh penduduk di Lembah Klang ini terutamanya. Dan kawasan-kawasan yang paling mendesak akibat daripada kesesakan ini ialah misalnya Lebuh raya Persekutuan (FT02) iaitu Kuala Lumpur - Klang dengan jumlah kenderaan sebagaimana yang saya sebutkan sebanyak hampir 400,000 kenderaan yang lalu di jalan raya setiap hari. Jalan ini adalah jalan piawaian U5 *dual three* sepanjang 21 kilometer. Kemudian itu yang kedua ialah Jalan Negeri B22 (Jalan Batu Caves) sebanyak 192,982 kenderaan Tuan Speaker. Jalan ini adalah sepanjang 2.3 kilometer. Yang ketiga ialah Jalan Persekutuan FT3215 (Jalan Putra Permai) sebanyak 189,045 kenderaan setiap hari. Jalan ini adalah sepanjang 9.5 km. Kemudian diikuti dengan jalan negeri B11 Jalan Kajang/Puchong sebanyak 165,406 kenderaan sehari. Jalan ini adalah sepanjang 23km dan akhirnya Tuan Speaker, jalan-jalan yang sesak itu termasuklah Jalan Persekutuan FT 54, Jalan Kuala Selangor/Kepong sebanyak 131,808 kenderaan setiap hari. Jalan ini adalah kurang adalah sepanjang 47.3 km. Jadi apa yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tidak berdiam diri dalam hal ini bahkan ada satu konsep yang dikemukakan. Konsep itu ialah "*one hour public transport model*" *One hour* maksudnya sebagaimana yang disebutkan YAB Menteri Besar pun telah memasukkan sebagai satu rancangan *stemules economic* negeri Selangor ini dalam mana orang dari Sepang misalnya, orang dari Sabak Bernam misalnya orang dari Hulu Selangor akan dapat sampai ke Shah Alam ini dalam jarak masa hanya satu jam sahaja. Ini boleh dilakukan kalau kita tengok Negeri China sekarang ini, Jepun dan juga beberapa tempat di Eropah kita dapat masa yang diambil walaupun perjalannya ratusan, ribuan kilometer tetapi masa yang diambilnya begitu sedikit dan ini sebenarnya banyak menyelamatkan yang saya katakan yang patut diselamatkan perkara-perkara yang menimbulkan kerugian besar kepada mana-mana negara, mana-mana negeri termasuk kita di Selangor termasuk kita di Lembah Kelang ini. Jadi yang kedua cara yang kita ambil ialah pendekatan yang kita ambil, kita akan telah pun membuatkan, menyediakan pelan rancangan pembangunan untuk jaringan pengangkutan. Jaringan pengangkutan "*The Network of Transportation*" dan jaringan pengangkutan ini penting berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 RSN Negeri Selangor 2020 yang telah diwartakan pada 14 Jun 2007 bahawa kita pun merancangkan secara jangka panjangnya bagaimana caranya kia hendak menyelesaikan permasalahan besar yang dihadapi oleh rakyat negeri Selangor terutamanya di Lembah Klang sebagaimana *concern* ini

ditunjukkan oleh teman kita daripada Kota Alam Shah. Kemudian yang ketiga ialah tentang konsep kia memperkenalkan konsep “*transit oriented development*”. “*Transit oriented development*” ini ialah menggabungkan seluruhnya dalam satu kesatuan. Kita akan lihat nanti komuter misalnya, LRT misalnya, *Priorety Bus Line*, Jaringan Jalan raya, Terminal Pengangkutan Awam bersepadu yang inilah yang kurang. Kalau kita pergi ke negara-negara Barat misalnya pergi ke Jepun bahkan Korea walaupun Korea sendiri tidak dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas ini tetapi mereka telah airdupt konsep yang dinamakan TOD “*Transit Oriented Development*” yang akhirnya ia dapat menyelesaikan sedikit masalah besar yang dihadapi oleh bandar-bandar besar seperti Tokyo, bandar-bandar besar seperti Seoul, bandar besar seperti Bangkok, bandar besar seperti Jakarta dan sebagainya. Dan konsep ini telah diambil oleh kebanyakan para-para ahli pakar-pakar dalam bidang pengangkutan awam ini terutamanya dan kita dapati di Malaysia pun konsep ini sedang dicuba uji dan kita di negeri Selangor ini insya-Allah dengan bantuan pakar-pakar dan teman-teman daripada JKR, teman-teman daripada Jabatan Perancang kita dan teman-teman yang lain dapat membantu kita dalam hal ini untuk mentadbir konsep yang dinamakan “*Transit Oriented Development*” atau TOD. Kemudian yang ketiga ialah konsep yang kita panggilkan sebagai “*Rail Base*”. Hari itu kita mengatakan kajian kita menunjukkan bahawa di Selangor, dan di Malaysia ini kebanyakannya “*Line Base*” bukan “*Rail Base*” tetapi kalau kita tengok di negara-negara maju mereka mula pergi kepada “*Rail Base*” “*Where serse at a post to line base*” dengan izin. Maka dengan itu Tuan Speaker, kita mengharapkan ada jaringan-jaringan nanti pada masa jarak panjangnya dan jangka pendek dan jangka panjangnya kita mengharapkan satu bentuk baru dalam *mod system* pengangkutan lalu lintas di negeri Selangor ini terutamanya di Lembah Kelang ini yang menghadapi masalah. Satu lagi perkara yang perlu disebutkan Tuan Speaker, ialah negeri Selangor ini negeri tumpuan, negeri industri maka perkembangannya ialah perkembangan urbanisasi bahkan 65% daripada penduduk Selangor hampir 70% sekarang ini sudah masuk dalam kumpulan penduduk urbanisasi Bila urbanisasi sudah tentulah banyaknya motosikal, banyaknya kenderaan yang namanya motokar, bas, lori dan sebagainya dan ini berlaku secara natural yang sebenarnya dan inilah yang sedang dihadapi dan ini kalau tidak ditangani masalah ini, masalah bertambah berat, bertambah berat dan kesan langsung daripada itu akan merugikan kebangunan negeri Selangor itu sendiri. Dan akhirnya ialah masalah sikap. Saya nak menyebutkan masalah sikap ini Tuan Speaker, ini adalah masalah yang dihadapi dan tuan-tuan dan teman-teman kalau boleh pergi ke Negara Barat kita dapati betapa sedapnya kita memandu dalam keadaan yang sesak tetapi pemanduan oleh kerana hormat menghormati di antara pemandu. Pemandu yang tua menghormati yang muda, yang mana memerlukan *priority* kita berikan *priority*, orang pejalan kaki pun diberikan penghormatan, orang OKU diberikan penghormatan. Penghormatan yang sesungguhnya menggunakan *system* daripada zahir, daripada batin manusia, menghormati sesama manusia. Tapi perkara ini tak berlaku di Negara kita ini. Tapi inilah sebenarnya, saya harap SPIES yang dijalankan oleh Selat Kelang dan teman-teman yang lain, mungkin SPIES Public, SPIES Masyarakat, mungkin ini antara jalannya untuk membentuk satu bentuk masyarakat yang mempunyai *mood*, pemikiran, *atitude*, sikap yang dapat menyaingi dengan pembangunan dengan keadaan pembangunan yang menjadi negeri maju di negeri Selangor ini. Akhirnya Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih terutamanya kepada Kota Alam Shah yang memang antaranya begitu prihatin kepada permasalahan-permasalahan ini sebab saya memikirkan bukan beliau sahaja bahkan teman-teman yang lain pun mempunyai *concern* mempunyai pemikiran yang begitu berat untuk memikirkan permasalahan yang kita nampak masih tidak dapat mencari jalan penyelesaian tapi apa pun kerajaan baru, pentadbiran baru negeri Selangor ini dengan program rangsangan ekonomi kita dan sama ada rancangan pembangunan semula bandar, rancangan kita membangunkan semula kawasan-kawasan yang perlu dibangunkan seperti di Bukit Beruntung dan sebagainya salah satu daripada benda yang akan diberikan perhatian besar perkara itu ialah tentang *Public Transportation*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, soalan no. 31

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK** : SELANGOR HAB KEWANGAN ISLAM

31. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 7, 10 Nov 2009); “Kebanyakan pusat kewangan, bank dan institusi dalam landskap sistem kewangan Islam mempunyai ibu pejabat dan juga cawangan mereka di Selangor.”:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bank-bank dan institusi-institusi kewangan Islam yang beribu pejabat di Selangor dan di manakah lokasi-lokasinya?
- b) Apakah peranan yang telah dilaksanakan oleh institusi-institusi ini untuk menjadikan Selangor sebagai hab kewangan Islam dan hab industri halal bertaraf dunia?
- c) Sejauh mana usaha dan kajian telah dijalankan oleh Kerajaan bagi menjayakan impian Selangor sebagai hab akuakultur moden, hab pendidikan tinggi dan sekolah swasta serta hab industri solar?

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, Jawapannya ialah lebih kurang 21 bank Institusi-institusi Kewangan Islam yang terdapat di Malaysia dan kebanyakannya beribu pejabat di Kuala Lumpur. Kebanyakannya Institusi-institusi Kewangan Islam ini mempunyai cawangannya di Selangor ini kerana negeri Selangor menjadi lokasi pilihan utama Ibu Pejabat syarikat-syarikat dalam dan luar negara.

Senarai 18 buah bank-bank dan Institusi-institusi Kewangan Islam di Malaysia adalah:

- i) Affin Islamic Berhad
- ii) Bank Islam (M) Berhad
- iii) Al Rajhi Bank
- iv) Alliance Islamic Bank
- v) Am Islamic Bank Berhad
- vi) Asian Finance Bank Berhad
- vii) Bank Muamalat (M) Berhad
- viii) CIMB Islamic Berhad
- ix) Eon Cap Islamic Berhad
- x) Hong Leong Islamic Bank
- xi) HSBC Amanah (M) Bhd
- xii) Kuwait Finance House (M) Bhd.
- xiii) Maybank Islamic Bhd.
- xiv) OCBC Al Amin Head Office
- xv) Public Islamic Bank Bhd.

- xvi) RHB Islamic Bank Bhd.
- xvii) Unicon International Islamic Bank (M) Bhd.
- xviii) Standard Chartered Seadic Bhd.

Ketetapan tiga buah bank, Islamic Bank berstatus International Islamic Bank ia itu Al Rajhi Banking and Investment Corporation (M) Bhd. Dosh Bank , Bank Syariah Muamalat Indonesia sebagai contoh Bank Islam mempunyai lebih kurang 16 cawangan di Selangor iaitu cawangan di setiap daerah di Selangor. Begitu juga dengan Bank Islam Antarabangsa seperti Al-Rajhi Bank. Ia mempunyai 9 cawangan di negeri Selangor. Iaitu di Petaling Jaya, Ampang, Kajang, Kelana Jaya, Klang, Kota Damansara, Puchong, Shah Alam dan Subang Jaya. Manakala Kuwait Finance House mempunyai 3 cawangan di Negeri Selangor, iaitu di Shah Alam, Klang dan di LC City hanya khidmat biro *the change*. HSBC Amanah pula mempunyai 4 cawangan perbankan Islam yang terletak di Shah Alam, Bandar Utama Ampang dan Bukit Tinggi, Klang. Kesemua maklumat ini terdapat daripada Bank Negara Malaysia. Yang Berhormat Hulu Kelang juga bertanya tentang peranan yang dilaksanakan oleh Institusi-institusi ini untuk menjadikan Selangor sebagai hab kewangan Islam dan hab industri halal bertaraf dunia. Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang, peranan yang dilaksanakan oleh Institusi Kewangan Islam yang berlandaskan syariat Islam amatlah penting dalam memberikan perkhidmatan modal pinjaman, simpanan dan transaksi kewangan untuk dalam dan luar negara kepada para pelabur tempatan dan antarabangsa. Sekali gus dengan wujudnya lebih banyak Institusi-institusi Kewangan di negeri ini ia akan memperkuatkan kedudukan negeri Selangor sebagai hab kewangan Islam dan hab industri halal di negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor melalui SSIC Berhad sering kali mengadakan pertemuan bersama dengan Institusi-institusi Kewangan di Malaysia bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor untuk menarik lebih banyak Institusi-institusi ini untuk beroperasi di negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Kalau kita lihatlah nama bagi bank Islam ni berbagai-bagai. Apakah umpamanya kita pergi ke Bank Muamalat, Al Raqhi, ada musyarakah. Pergi ke Bank Rakyat, Taswib, ada Wadi'ah dan tadi Bank Islam pada bank-bank konvensional apakah perbezaan ini menunjukkan perbezaan pendekatan dari segi urus niaga mereka dan ada lebih kurang dari segi kemungkinan kita dapat dividen. Saya cuba beberapa tempat yang saya nampak Bank Rakyat lebih tinggi jadi ertinya Islam Bank Rakyatlah jadi di situ dividennya tinggi. Saya nak tahu yang lain-lain tu macam mana apa bezanya peluang bagi apa dia ni kita mendapat pulangan yang lebih tinggi. Kalau ada yang lebih baik mengapa dia biarkan begitu banyak tumbuh berbagai-bagai nama bank yang kalau yang terbaik itu patut yang kita kembangkan ataupun belum mantap lagi masing-masing mencari pendekatan. Kalau boleh barangkali kerajaan negeri mengadakan satu pusat latihan kewangan Bank Islam yang boleh diberi bukan sahaja kepada pengusaha-pengusaha bank tetapi bagi sesiapa yang berminat dari segi pendekatan itu baik di dalam atau di luar negeri. Jadi saya masih *confuse* mana yang sebenarnya betul, semua halal ke atau pun yang mana ada separuh halal ke atau tidak.

**TUAN SPEAKER :** YB, soalan tu baik, tapi masalahnya ini di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini patut ditanya di Dewan Rakyat. Saya berharap YB dapat bertanya di Dewan Rakyat pada penggal yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan. Terima kasih YB EXCO. Adakah pihak Kerajaan Negeri telah membuat kajian adakah peruntukan undang-undang untuk membolehkan Kerajaan Negeri mewujudkan Institusi Kewangan ataupun Bank Negeri seiring dengan apa yang pernah dilontarkan oleh Menteri Besar iaitu baitulmal, Konsep Baitulmal dan sekiranya ada peruntukan dan ada rancangan, apakah tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri?.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Klang. Sebenarnya pihak Kerajaan Negeri sedang mengkaji tentang cadangan yang di sebutkan oleh Yang Berhormat ini tapi ini masih dalam kajian, kerana kajian yang permulaan ini menunjukkan bahawa ini tidak mudah di laksanakan dan juga dengan izin ini *not suitable*. Ini adalah kajian pada tahap permulaan. Tapi kita masih akan berhubung dengan pakar-pakar kewangan dalam bidang ini untuk melihat sama ada kita boleh macam mana kita boleh menujuhkan perbankan Islam di Negeri Selangor ini.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE** : Tuan Speaker soalan nombor 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK** : **GERAN JALANRAYA BERDASARKAN MAKLUMAT REKOD-REKOD  
JALANRAYA MALAYSIA (MARRIS)**

32. Peruntukan MARRIS merupakan duit peruntukan daripada kerajaan pusat ke kerajaan negeri bagi kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan di jalan-jalan pentadbiran yang telah digazetkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila jelaskan berapakah jumlah peruntukan daripada MARRIS yang diperoleh oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor setiap tahun.
- b) Berdasarkan pembahagian peruntukan kerajaan pusat, berapakah jumlah penerimaan yang akan di peruntukan kepada setiap kilometer jalan yang perlu di selenggara.

**YB TUAN LIU TIAN KHIW** : Terima kasih. Soalan Sri Muda mengenai MARRIS. Peruntukan MARRIS merupakan duit peruntukan daripada Kerajaan Pusat ke Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan di jalan-jalan pentadbiran yang telah digazetkan. Untuk makluman jumlah peruntukan penyelenggaraan tahunan jalan raya yang disediakan dalam geran sistem maklumat rekod jalan raya Malaysia ataupun MARRIS bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti jalan raya di negeri Selangor daripada tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti yang berikut:

Tahun 2006 terimaan peruntukan MARRIS sebanyak seratus tujuh puluh empat, seratus tujuh puluh empat dan sembilan puluh lima juta. Dan seratus tujuh puluh empat juta ini JKR mendapat tujuh puluh empat perpuluhan lima juta, JPS dapat satu juta dan PBT dapat dua

puluh tujuh perpuluhan lima juta. Baki yang dimasukkan ke dalam akaun amanah adalah tujuh puluh satu juta. Ini untuk 2006. Untuk 2007 terimaan peruntukan MARRIS sebanyak dua ratus tujuh puluh enam perpuluhan tujuh juta, JKR dapat tujuh puluh tiga perpuluhan dua juta. JPS dapat satu juta dan PBT dapat lima puluh perpuluhan lima juta. Baki yang dimasukkan ke dalam akaun amanah sebanyak seratus lima puluh satu perpuluhan sembilan juta. Bagi tahun 2008 terimaan peruntukan MARRIS sebanyak seratus tiga puluh sembilan perpuluhan enam juta. JKR mendapatkan seratus tiga puluh sembilan perpuluhan enam juta, JPS dapat satu perpuluhan lima juta. PBT dapat seratus tiga puluh juta. Bakinya masuk ke dalam akaun amanah dua puluh sembilan perpuluhan tujuh juta. Bagi tahun 2009 terimaan peruntukan MARRIS sebanyak 183.1 juta, JKR dapat 183.1 juta JPS dapat 90 ratus ribu dan PBT dapat enam juta. Bakinya 55.6 juta masukan ke dalam akaun amanah. Bagi tahun 2010 kita telah menerima sampai hari ini dapat 142.7 juta dan JKR akan diberikan dan JPS pun akan diberikan dan untuk PBT tahun ini kita akan beri sebanyak 61.8 juta. Jadi bagi tahun 2010 jumlah 325 ribu yang dinyatakan adalah merupakan anggaran terimaan dan daripada jumlah tersebut. Ini ada satu kesilapan lah. Saya ulang lagi. Bagi tahun 2010 wang MARRIS akan diberikan kepada JKR sebanyak 142.7 juta, bagi JKR sebanyak 2.4 juta kepada JPS sorry, dan untuk PBT adalah 61.8 juta. Dan wang yang akan dimasukkan ke dalam akaun amanah adalah 117.8 juta. Peruntukan yang telah disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya adalah bagi menurap dan menampal jalan. Jabatan Parit Dan Saliran bagi menurap jalan-jalan di ladang dan kepada Pihak Berkua Tempatan bagi menaik taraf jalan di bawah kawal selia PBT berkenaan. Jumlah anggaran penerimaan yang akan diperuntukkan pada setiap kilometer jalan mengikut jenis jalan yang perlu di selenggara adalah seperti berikut:

Untuk jenis jalan standard jumlah ringgit sekilometer adalah 25,6040.21 sen. Sub standard untuk jenis jalan sub standard adalah RM 11,827.00. Untuk perbatuan lorong belakang atau pun PLB adalah RM10,600.00. Untuk jalan kawasan perumahan murah atau pun JKPM adalah RM 19,33.00 Jumlah penyelenggaraan dan kos setiap kilometer adalah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam. Tidak hadir.

**TUAN SPEAKER** : Sri Serdang. Tidak hadir.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Bharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Tuan Speaker soalan nombor 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK** : **SALAHGUNA TANAH UNTUK MEMELIHARA BINATANG**

35. Laporan media dan aduan orang ramai menunjukkan terdapat salah guna bangunan di Kawasan Perindustrian Bukit Beruntung dan kawasan hutan di Hulu Selangor untuk memelihara binatang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah dilaksanakan mengenai isu salah guna bangunan di Kawasan Perindustrian Bukit Beruntung dan kawasan hutan di Hulu Selangor untuk memelihara binatang?
- b) Adakah kejadian ini terlibat penjualan kulit binatang haram?

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** *Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera, *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalah yang dibangkitkan adalah berpunca daripada premis-premis yang tidak berpenghuni di kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Ianya adalah masalah yang melanda kawasan tersebut di mana kegiatan ekonomi yang tidak mencukupi untuk mengisi premis-premis perniagaan ini. Akibatnya kawasan-kawasan tersebut telah di biarkan ataupun terbiar selama lebih dari sepuluh tahun dan pemilik-pemilik tidak membayar yuran penyelenggaraan, cukai tanah dan cukai pintu yang dianggarkan jumlah tertunggak sekitar RM42 juta. Akibat dari keadaan sedemikian, syarikat yang menyelenggarakan kawasan tersebut telah menyewakan premis-premis itu kepada pengusaha-pengusaha. Mereka telah melakukan menurut mereka berdasarkan beberapa peruntukan iaitu dalam Akta 663 dan juga Akta Kerajaan Tempatan. Di antara aktiviti-aktiviti para pengusaha adalah seperti mana yang dibangkitkan adalah memelihara binatang ternakan di dalam bangunan. Di antara yang dipelihara adalah rusa, kambing dan juga ayam. Selain daripada itu terdapat aktiviti-aktiviti menanam cili, sawi, cendawan dan juga menternak ikan keli. Jumlah unit yang terlibat adalah di Jalan Kemboja 40 unit, di Jalan Ros 10 unit. Tindakan yang dilakukan oleh pengusaha-pengusaha ini adalah penyalahgunaan premis iaitu daripada perniagaan kepada pertanian. Iaitu menyalahi akta jalan dan perparitan, akta jalan parit dan bangunan seksyen 7011. Ianya juga telah mendatangkan masalah kerana pihak syarikat telah tidak dapat menghubungi pemilik-pemilik premis terlebih dahulu dan terus melakukan dan menyewakan aktiviti-aktiviti itu. Sehubungan pada itu aduan dan bantahan diterima daripada pemilik-pemilik premis malah ada yang telah membuat laporan polis. Saya telah mengadakan perbincangan dengan Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor dan telah meminta mereka memberi penjelasan dan mencari satu penyelesaian pada bulan Disember 2009 lagi. Dan menurut laporan daripada Majlis Daerah Hulu Selangor MDHS mereka telah mengadakan dialog dan perbincangan dengan pemilik-pemilik premis yang terlibat sebanyak empat kali iaitu pada 7 November 2009, 14 November 2009, 28 Mac 2010 dan Jun 2010. Saya juga telah bertemu dengan sebahagian daripada pembeli-pembeli atau pun pemilik-pemilik premis yang terlibat pada Mac 2010. Kerajaan negeri menyokong sebarang usaha untuk menghidupkan kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Ia akan memberi manfaat kepada para pemilik premis yang telah ditinggalkan lebih sepuluh tahun akibat dari perancangan yang salah. Tetapi beberapa perkara penting mesti dipatuhi iaitu penggunaan premis atau penyewaan premis itu mesti mendapat restu atau kebenaran daripada pemilik. Nombor dua, aktiviti yang hendakkan dijalankan mestilah selaras dengan syarat guna tanah atau bangunan. Majlis Daerah Hulu Selangor telah di arah agar mengadakan perbincangan dengan pemilik supaya satu penyelesaian menang-menang atau *win-win* dapat dihasilkan. Premis yang tidak mematuhi syarat-syarat di atas hendaklah dikosongkan, dibersihkan dan di baik pulih dan di pulangkan kepada pemiliknya. Setakat ini cuma ada daripada peringkat awal 40 dan 10 unit yang terlibat setakat ini lima unit atau lima premis rumah kedai sedang dalam proses dikeluarkan mereka-mereka yang telah menyewa tanpa kebenaran daripada pemiliknya. Walau bagaimana pun dalam perbincangan di antara pihak Majlis dan pemilik-pemilik premis sebanyak lapan belas pemilik telah bersetuju agar rumah kedai mereka atau premis mereka itu disewakan untuk aktiviti-aktiviti yang disahkan atau aktiviti-aktiviti yang dibenarkan dan terdapat juga pelabur-pelabur dari luar Negara yang berminat untuk melabur di kawasan tersebut. Di antara kegiatan yang dicadangkan adalah pasar raya, kolej, dan pejabat. Soalan yang seterusnya sama ada kejadian terlibat penjualan

kulit binatang haram. Setakat ini tidak ada laporan terdapat penjualan kulit binatang haram. Terima kasih.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Tuan Speaker soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Bharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Ok. dalam perkara in saya nak tanya sama ada pihak Majlis dalam segi undang-undang dia boleh membenarkan syarikat untuk menyewa sebagai tempat memelihara binatang. Soalan satu, kedua, apa tindakan akan diambil selepas sekiranya pengusaha telah keluar dari kawasan di atas kerosakan fizikal, kekotoran dan kesumbatan pembetungan, siapa akan mengambil tanggungjawab. Sekiranya ada premis ingin menjalankan usaha seperti restoran di kawasan tersebut tetapi telah nampak kawasan itu telah jadi tempat untuk memelihara binatang, boleh ke ambil undang-undang untuk mencabar kepada Majlis.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima kasih. Ketiga-tiga soalan itu telah saya jawab semasa jawapan saya yang pertama. Tak apalah saya ulang balik yang pertama adalah kenapa atas undang-undang apa atau akta apa di mana syarikat ataupun syarikat penyelenggaraan mengambil alih premis-premis itu. Ianya kalau kita lihat bawah akta 663 di mana sekiranya pemilik-pemilik tidak membayar yuran penyelenggaraan di mana terdapat suatu prosa di dalam seksyen dalam akta tersebut di mana agen penyelenggaraan kalau atau pun JMB kali ini tempat ini tidak ada JMB, agen penyelenggaraan boleh menyatakan premis itu. Walau bagaimana pun dari segi penggunaan untuk memelihara binatang memang tidak boleh sebab kawasan tersebut bukan untuk memelihara binatang. Dan kita telah mengarahkan Majlis Daerah Hulu Selangor untuk mengarahkan mereka yang terlibat di dalam aktiviti ini supaya mengosongkan juga membaik pulih, mengosong bukan mengosong sahaja tetapi membersihkan dan juga membaik pulih sebab ada kes di mana pengusaha-pengusaha ini telah memecahkan dinding-dinding dan memecahkan lantai dan memecahkan dinding-dindinglah membuat *extentions* dan sebagainya. Kalau pemilik-pemilik itu tidak bersetuju untuk disewakan kepada pemilik, kepada pemilik-pemilik pengusaha-pengusaha ini maka ianya perlu di baik pulih dan diserahkan balik kepada pemilik-pemilik. Jadi untuk soalan yang akhir sama ada, kalau ada yang nak buat restoran atau pun kedai makan dan sebagainya dan ianya akan terjejas akibat ada mereka yang memelihara rusa di sebelahnya saya rasa ini tidak akan berlaku dan kita tidak akan membenarkan mereka memelihara rusa atau kambing di dalam rumah-rumah kedai ini..

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker soalan 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK: PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN SELANGOR(PADAT)**

36. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan program dan peruntukan bagi PADAT untuk tahun 2009 dan 2010?

- b) Senaraikan ahli lembaga pengurusan PADAT dan elaun/emolumen setiap ahli.
- c) Apakah rancangan dan struktur yang diwujudkan di setiap daerah pentadbiran untuk mempertingkatkan penghayatan terhadap adat Melayu dan warisan Selangor?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Kajang, Tuan Speaker. Peruntukan tahun 2009 yang diperolehi oleh Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Selangor atau singkatnya PADAT ialah sebanyak 5.4 juta manakala pada tahun 2010 pula berjumlah 6.0 juta, 6 juta. Yang kedua ialah perbelanjaan yang terlibat dalam program pada tahun 2009 adalah sebanyak 3 juta 32,437 manakala bagi program-program tahun 2010 pula anggaran perbelanjaan yang dijangka akan terlibat adalah sebanyak 735,900.05 ringgit. Senarai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor bagi penggal pertama Mac 2010 hingga Februari 2013 adalah seperti berikut:

Pengerusinya saya sendiri atas sifat saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam Adat Melayu Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor. Timbalan Pengerusi ialah Yang Berhormat Puan Rodziah Binti Ismail iaitu Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Kebajikan Sains Teknologi Inovasi dan Kebudayaan Negeri Selangor. Bendahari ialah Yang Berbahagia Dato' Mohd. Arif Yang Berhormat Dato' Mohd. Arif bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Dan Setiausaha ialah Puan Azlinda binti Azman, Ketua Eksekutif Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor. Ahli-ahlinya termasuklah Yang Mulia Profesor Emiratus Tan Sri Dato' Dr. Fu Kay Kim, kemudian itu Yang Berbahagia S.M. Dato' Dr. Annuar bin Haji Ridzuan, Sasterawan Negara Pakar Budaya, kemudian itu Yang Berbahagia Profesor Dato' Noriah binti Mohamad Pakar Dan Ahli Bahasa, yang berikutnya ialah Yang Berbahagia Dato' Dr. Siti Zainon binti Ismail, Pakar Dan Seni Ahli Budaya, yang berikutnya ialah Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Redhuan bin Tumin, Pakar Dah Ahli Museologi Dan Museografi dan kemudiannya Profesor Madya Dato' Dr. Tengku Jamaluddin bin Tengku Mohamad Shah Al-Haj, wakil pihak istana, kemudian itu Yang Berbahagia Dato Dr. Chia Ooi Pen, Pakar Dan Ahli Budaya Cina, kemudian itu Yang Berbahagia Dr. R. Sivaparagasm P. Rajatheran iaitu Pakar Sejarah dan akhirnya ialah yang Berbahagia Dato' Aidid bin Razali, Pakar Sumber Manusia dan Pengurusan. Pecahan emolumen ialah seperti berikut sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Lembaga PADAT Bil. 1/2010 yang bersidang pada 23 Mac 2010, Pengerusi 800.00 ringgit bagi mesyuarat dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan permesyuaratan, Timbalan Pengerusi 500.00 ringgit dan ahli-ahli ialah 400.00 ringgit. Tuan Speaker untuk pergerakan yang berikutnya sebagaimana yang kita tahu waktu pelancaran PADAT dahulu daripada ucapan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menggariskan lima enam perkara yang perlu diambil kira oleh PADAT maka dengan itu kita akan berusaha sedaya upaya dengan langkah-langkah yang diambil dengan program yang dirancangkan seperti membina pusat penyelidikan dan pengajian adat Melayu sebagaimana cadangan daripada baginda, kemudian itu jalinan untuk negara-negara luar bagaimana kita nak menjalin PADAT dengan organisasi-organisasi yang sama ada di rantau ini ataupun di luar daripada rantau ini, kemudian ialah tentang *convention* adat Melayu yang hendak dijalankan dengan skala yang melibatkan negeri-negeri di Malaysia dan juga negeri-negeri di daerah di kawasan ini dan juga kemudian tulis adat yang dicadangkan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di tempat-tempat pintu masuk akan diadakan desa adat untuk membolehkan para pelancong terutamanya sama ada dalam dan luar negeri untuk melihat sendiri dan untuk merasakan tentang apa sebenarnya adat-adat terutamanya adat Melayu di Negeri Selangor ini dan mereka akan dapat menghayati terus dan menikmati adat-adat tersebut dan akhirnya ialah tentang identiti Negeri Selangor ini yang dalam ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menentukan telah memberikan komentar bahawa di Negeri Selangor ini tidak terdapat satu identiti yang menggambarkan Negeri

Selangor sebagaimana identiti Negeri Kelantan, identiti Negeri Pahang, identiti Negeri Terengganu dan yang jelas identiti Negeri Sembilan misalnya tetapi identiti yang sama tidak terdapat bagi kita rakyat Negeri Selangor ini. Inilah di antara garis-garis kerja yang akan dilaksanakan pada tahun 2010 paling tidak hingga 3 tahun yang akan datang ini dan kita berharapkan dengan sokongan semua pihak kita akan dapat menjalankan perkara-perkara yang digariskan tersebut. Tuan Speaker, terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker soalan tambahan.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan program yang diadakan ataupun skim adakah skim atau bantuan di mana dapat disalurkan untuk membangunkan program ataupun inisiatif setempat di setiap daerah dalam Selangor.

**YB DATO DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Sebagaimana yang kita tahu, PADAT mempunyai kalau hendak dikatakan cawangan-cawangan kita ada muzium-muzium kita di Kuala Selangor, muzium kita di Sabak Bernam, muzium kita di Klang dan sebagainya. Untuk itu dengan sendirinya apa yang kita jalankan di ibu pejabat ini akan diperkembangkan di tempat-tempat tersebut. Adapun ada tempat-tempat yang di luar daripada itu kita memikirkan mungkin dalam fasa-fasa berikutnya kita akan meneroka bidang-bidang yang melibatkan adat Melayu seperti di Kajang di tempat Yang Berhormat dan sebagainya, sekurang-kurangnya kita akan menentukan tapak-tapak warisan. Saya fikir di Kajang banyak tapak-tapak warisan yang boleh diwartakan ini pun sebenarnya termasuk di dalam bidang dan tugas dan tanggungjawab PADAT. Jadi bukan hanya yang berkaitan langsung dengan muzik dengan tarian dengan nyanyian dengan pakaian tetapi sebagaimana yang telah ditetapkan bahawa PADAT juga mempunyai tugas langsung untuk menjaga warisan di Negeri Selangor ini termasuklah warisan masyarakat Indianya, warisan masyarakat Cinanya, warisan masyarakat Melayunya dan apa-apa juga bentuk warisan yang satu masa nanti mempunyai nilai yang sangat tinggi dan akan mencerminkan kebudayaan bagi kita di Negeri Selangor ini. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B PUAN LEE YING HA** : Ya terima kasih pada Tuan Speaker. Soalan saya ialah, saya tidak faham kenapa melantik Encik ataupun Tan Sri Khoo Khai Ting menjadi seorang ahli lembaga sebab orang ini memang banyak kontroversi di masyarakat Cina dan kenapakah kerajaan tidak mendapatkan nasihat daripada Thou Chung ataupun Chiow Chung sebagai untuk mencalonkan orang yang lagi sesuai untuk dijadikan sebagai Lembaga Ahli dan kalau saya tak, tadi saya tak dengar ada nama orang Asli ataupun orang India terlibat di dalam PADAT ini. Sekian terima kasih.

**Y.B DATO DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih. Cadangan-cadangan ini kebanyakannya kita terima daripada pakar-pakar dan kita mempunyai konsultasi dengan universiti-universiti konsultasi dengan pemimpin-pemimpin yang mempunyai kewibawaan tentang adat Melayu terutamanya dan kita dapati antara cadangan-cadangan yang paling popular ialah mencadangkan supaya Tan Sri Khoo Ke Kin diambil untuk menjadi salah seorang

ahli lembaga dan sehingga ini sudah beberapa mesyuarat diadakan dengan beliau, saya lihat pandangan beliau begitu cantik, pandangan beliau begitu mendalam, pandangan beliau nampaknya begitu *profound* dengan izin jadi sebab itu saya merasakan dengan pengalaman sedemikian kalau atas dasar dia menimbulkan sedikit kontroversi itu mungkin intelektual kontroversi tapi yang kita hendak ini apa *output* daripada cadangan-cadangan itu. Saya sendiri sebagai pengurus misalnya tidaklah se *profound* dari segi ilmu kepakaran dan dari segi pengalaman dalam bidang-bidang ini dibandingkan dengan Tan Sri Khoo Ke Kin sebagaimana yang kita tahu baru-baru ini pun kita mengadakan tentang satu *convention* yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan sendirinya menjemput beliau sebagai *the main presenter* kepada membentangkan yang tuan-tuan ingat yang kita buat dulu di Jubli Perak dan kita dapat pembentangannya begitu pada sayalah begitu mendalam dan saya sangat-sangat mengagumi kemampuan dan kebolehan Profesor Tan Sri Khoo Ke Kin. Adapun yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang ya ada dua lagi yang seorang itu ialah Yang Berbahagia Dr. Chiah Ai Peng ialah seorang Pakar Dan Ahli Budaya Cina dan seorang lagi ialah Dr. R Sivaparagasm P. Rajatheran seorang Pakar Sejarah dan saya lihat dalam mesyuarat yang kita adakan dengan mereka saya nampak sumbangan input-input yang diberikan saya rasa satu input yang pada sayalah input yang dapat memberikan manfaat yang besar sama ada jangka pendek atau jangka panjang kepada perkembangan adat di negeri ini. Saya ini pun kita dah bawa dalam berbagai-bagi peringkat dan saya harap perkara ini memang pun telah diterima EXCO pun telah menerima dan saya rasa bagi kami setakat yang saya tengok *performance* kepada mereka yang menyertai kita ini saya rasa *performance* mereka sangat-sangat dibanggakan dan boleh dibanggakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Yang Berhormat Tuan Speaker saya kemukakan soalan nombor 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PERSATUAN BOLA SEPAK (FAS)**

37. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan untung rugi dan jumlah aset serta liabiliti Persatuan Bolak Sepak (FAS) bagi setiap tahun sepanjang lima tahun yang lepas. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan audit kewangan ke atas FAS ?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Bukit Antarabangsa bertanya tentang penyata kewangan Persatuan Bola Sepak FAS dan sama ada ia sudah diaudit atau belum dan juga bagaimana keadaan kewangannya. Pertama, Persatuan Bola Sepak Selangor sudah diaudit dan saya ada mendapat penyata kewangannya yang diaudit sehingga 2009. Ia diaudit oleh Firma Azman Bong dan Salleh, iaitu akauntan bertauliah. Untuk mengetahui tentang keadaan kewangan iaitu yang paling penting hasil yang FAS mengalami defisit terkumpul. Maknanya ia dalam keadaan masih lagi berhutang besar. Dalam tahun 2004 ia terhutang 8.9 juta, 2005 turun menjadi 7.07 juta, 2006 naik semula jadi 7.57 defisit . Maknanya terpaksa bayar pada orang sebanyak 7.57 juta, 2007 menurun menjadi 6.6 juta, 2008 menurun lagi 5.3 juta, 2009 menurun lagi 4.3 juta. Kita mengarahkan FAS menjaga kewangannya tetapi masih lagi belum *in the black is in the rate* macam baju. Jadi, walau

bagaimanapun kita juga melihat daripada segi pendapatan dan perbelanjaan. Tahun 2005 pendapatan FAS adalah 12 juta tetapi perbelanjaannya 11 juta. Jadi lebihhanya 1.8 juta dan jumlah pendapatan pada tahun 2006, 9.3 juta, perbelanjaannya 9.7 juta. Jadi, ada kerugian sebanyak 494,000. Pada 2007 pendapatan 6.6 juta perbelanjaan 5.7 juta dan ia mendapat lebihan atau boleh dikatakan untung 931.9 ribu jadi dan pada 2008 ia dapat mengumpul 9.2 juta dan perbelanjaan 7.9 juta dan dapat terkumpul untungnya 1.2 juta. Tahun 2009 jumlah pendapatan 8 juta, jumlah perbelanjaan 7 juta dan terkumpul 1 juta. Asetnya adalah aset yang saya dapat dalam akaun ini aset yang tidak dinilai tetapi ia aset yang disimpan mengikut harga buku bukan *market price*. Jadi ia bukan bermula 2 juta pada tahun 2005 dan sekarang sudah *depression* ia ada susut nilai.

Sekarang nilainya dalam buku bukan mengikut harga pasaran 1.8 juta ringgit dan Kerajaan Negeri untuk menolong Persatuan Bola Sepak ini sudah berbelanja banyak untuk 2 tahun. Pada 2008 setengah dibiayai oleh Puncak Niaga tetapi kita rasa agak keterlaluan untuk menggunakan Puncak Niaga dan SYABAS sebab SYABAS itu bayaran nya kepada F.A.S mereka masukkan dalam *expenses* untuk di *claim*. Jadi, oleh sebab itulah sebenarnya kita Kerajaan Negeri membiayainya 93 juta setahun sekarang. Pada 4 juta setahun kita kawal perbelanjaannya. Jadi gambaran ini, kalau ditanya adakah satu gambaran yang baik untuk Persatuan Bola Sepak Negeri, maka negeri Selangor antara yang terbaik. Maknanya, walaupun rugi begitu banyak antara yang boleh juga.... dan akaun F.A.S tidak sama dengan akaun Yayasan FA. Satu lagi akaun yang lain. Jadi jangan tiada. Hanya saya hendak menerangkan akaun FAS adalah akaun persatuan. Yayasan FAS adalah akaun yang lain tetapi ia mempunyai aset yang lebih banyak daripada FAS.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Kita melihat bahawa angka defisit yang disebut oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi semakin menurun dan sehingga 2009 tercatat RM4.3 juta. Dan bagi saya ini satu jumlah yang masih besar kalau diambil kira tentang peranan persatuan bola sepak. Maka persoalan saya apakah peranan Kerajaan untuk membantu mengurangkan defisit ini kerana bagi saya kita tidak harus membebankan kepada persatuan. Kita mahu persatuan lebih fokus kepada mutu permainan bola sepak dan meningkatkan kualiti pemain-pemain dan tidak dibebankan dengan hutang yang begini besar. Maka apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh Kerajaan? Dan yang keduanya kalau kita lihat pendapatan FAS ini juga agak besar dan bolehkah Dewan dimaklumkan di manakah sumber pendapatan kepada persatuan? Dan akhirnya apakah kaitan dengan Yayasan FAS yang saya juga dimaklumkan memiliki hartanah dan aset yang begitu besar dan mengapa Yayasan FAS ini dibiarkan memiliki aset yang begitu besar tanpa menyumbang kepada peranan persatuan dalam meningkatkan kualiti bola sepak di Negeri Selangor. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, soalan Bukit Antarabangsa, Yang Berhormat agak tepat. Apabila saya mengkaji akaun Yayasan FAS saya lihat nilai asetnya jika dibangunkan melebihi RM40 juta. Oleh sebab itu saya hendak menggabungkan harta daripada Yayasan FAS untuk disalurkan kepada FAS, iaitu Persatuan Bola Sepak supaya itulah tujuannya mengapa Kerajaan Negeri dahulu memberikan tanah, hartanah kepada Yayasan FAS supaya Yayasan FAS dapat menggunakan wang untuk membiayai Persatuan Bola Sepak. Bagaimanapun, sekarang terdapat perbezaan ataupun Yayasan FAS terasing daripada Persatuan Bola Sepak, terasing. Jadi apabila terasing, mereka tidak menolong antara lain. Tanah Kerajaan Negeri yang diberi pada dasarnya untuk membangunkan bola sepak negeri Selangor, tidak berlaku. Dan saya sudah membuat beberapa keputusan iaitu supaya Pengerusi

Yayasan FAS ditukar supaya mereka yang menjadi Menteri Besar juga menjadi Pengerusi FAS supaya dapat disatukan. Sebab biasanya Kerajaan Negeri terpaksa memberi sokongan dalam usaha membangunkan bola sepak. Sebab kita dapat sehingga hari ini begitu ramai, lebih RM1 bilion masyarakat demam bola sepak. Jadi Negeri Selangor pun tidak ketinggalan dalam minat, dalam permainan ini dan sudah tentulah Kerajaan Negeri sepatutnya mengambil inisiatif untuk mempertingkat permainan bola sepak ini dan saya anggap sebagai permainan untuk rakyat. Jadi ini kita mula lakukan tetapi terdapat keengganannya. Maknanya mereka enggan untuk melakukan perkara-perkara tersebut. Jadi Pengurusnya mula bersetuju, Yayasan FAS, Tan Sri Muhammad Taib mula bersetuju tetapi ahli-ahli yang lain tidak bersetuju untuk digantikan. Perkara ini hendak kita selesaikan oleh Kerajaan Negeri sebab pembangunan tanah-tanah itu adalah tanah-tanah asal daripada Kerajaan Negeri. Jadi kita boleh cuba selesaikan perkara tersebut.

Soalan yang kedua, adalah mengenai bentuk pendapatan. Sebagai contoh, saya ambil contoh untuk pendapatan tahun 2009 sebanyak RM8 juta, yang banyak adalah hasil pendapatan. Pertandingan bola, kita ada dapat tiket-tiket bola semua tu, kita mendapat RM1.5 juta. Tajaan dan pengiklanan RM4.6juta. Tajaan yang paling banyak di situ... Tapi di sorokkan di sini dalam akaun. Yang sebenarnya Kerajaan Negeri yang beri RM4 juta untuk 2009 jadi hadiah. Kita tak hendak tunjukkan di sini dan yang lain tu subsidi daripada Majlis Sukan Selangor, subsidi daripada Persatuan Bola Sepak Malaysia kita dapat RM300,000.00, yuran pendaftaran RM102,000.00. Kita dapat pajak orang sewa rumah dapat RM266,000.00. Kita menang, kita pergi buat Piala Selangor. Selangor lawan Persit Bandung, kita dapat *gate collection* RM295,000.00 dan kita dapat juga menang hadiah wang tunai. Kita menang beberapa *cup* tahun 2009 RM500,000.00 dan legenda pendapatan dari Petronas juga menyumbang RM283,000.00. Dan kita adakan satu pertandingan futsal FAM dengan FELDA beri geran RM87,000.00. Jadi mereka kumpulkan tetapi yang paling besar adalah *gate collection*, apabila Selangor menang *gate collection*. Tettapi kalau Selangor kalah, *gate collection* turun. Jadi tajaan Kerajaan Negeri, yang lain tu adalah pendapatan sambilan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, waktu pertanyaan sudah tamat. Aturan mesyuarat seterusnya.

### **III. USUL**

#### **i) Usul No. 5 Tahun 2010, Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2010**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul No.5 Tahun 2010, Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2010.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya dengan sukacitanya memohon membuat satu usul dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi sebagai berikut:

“ Bahawa menurut Seksyen 9, seksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan dan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM7,000,000.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2010, dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sebagaimana yang terdapat di Jadual yang hendak diluluskan iaitu Bajet Tambahan Pembangunan Tahun 2010 Kepala P29 Jabatan Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) Peruntukan RM7,000,000.00. Jumlahnya, adalah RM7,000,000.00

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam Persidangan Dewan Negeri yang diadakan pada 9 November 2009, satu usul bajet pembangunan yang diluluskan berjumlah RM590,400,000.00 bagi perbelanjaan pembangunan tahun 2010. Jadi jumlah tersebut sebanyak RM28,189,000.00 diperuntukkan kepada Kepala P29 Perbendaharaan Negeri ataupun Perbelanjaan Am.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berdasarkan perbelanjaan yang dibuat sehingga akhir Jun 2010, terdapat kekurangan anggaran peruntukan sebanyak RM7 juta. Oleh itu satu peruntukan tambahan bertujuan menampung kekurangan peruntukan dalam perbelanjaan pembangunan yang sejumlah RM7 juta adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan, iaitu sebagai berikut:

- a. Bagi Pecahan Kepala (PK)-01001 diperlukan sejumlah RM7,000,000.00 bagi bayaran pendahuluan pembinaan serta pemberian Jalan Masuk Keluar Projek Perumahan Bukit Beruntung. Jalan ini sepatutnya dibina oleh Syarikat Talam Corporation dan syarikat-syarikat yang mempunyai projek pembangunan di Bukit Beruntung. Dan Kerajaan Negeri hendak mendahulukan kos bagi pembinaan jalan tersebut dan tuntutan boleh dibuat kepada syarikat-syarikat berkenaan kemudian.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Oleh sebab kita sudah membahaskan tentang keperluan bagi tambahan peruntukan ini, maka saya memohon supaya Usul ini diluluskan.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker saya menyokong.**

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2010. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Dan memandangkan usul ini telah pun, kandungannya telah pun dibahaskan di peringkat Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan No.2/2010, maka saya akan hadkan masa kepada setengah jam sahaja.

Kalau tidak ada, maka saya teruskan. Melainkan ada penjelasan. Tak ada? Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang berbunyi:

“ Bahawa menurut seksyen 9, seksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM7,000,000.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2010, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”

Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2010

Kepala P29 Jabatan Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) Peruntukan RM7,000,000.00. Jumlah RM7,000,00.00.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul seterusnya Usul No. 6 Tahun 2010. Usul Pelantikan Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad Shamsudin bin Haji Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan.

- ii) **Usul No. 6 Tahun 2010, Usul Pelantikan YB Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias, ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Kerajaan.**

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL** : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon untuk membawa suatu Usul seperti berikut; "Bahwasanya menurut Peraturan 68, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini melantik Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong, menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan bagi menggantikan Y.B. Tuan Lee Kim Sin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang, seterusnya mengekalkan Y.B. Tuan Lee Kim Sin, Ahli Dewan Negeri Selangor sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan".

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam ataupun PAC merupakan Jawatankuasa yang dilantik pada awal tiap-tiap penggal persidangan mengikut amalan negara-negara Komanwel. Jawatankuasa ini mengandungi seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada 6 orang Ahli yang dilantik oleh Dewan dengan seberapa segeranya selepas dimulakan tiap-tiap penggal persidangan. Lantikan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri pada ketika ini adalah merupakan di kalangan ahli Dewan Negeri Kerajaan. Cadangan lantikan Pengerusi Jawatankuasa Ahli Dewan Negeri yang mewakili Pembangkang adalah merupakan satu lagi detik sejarah di mana kita menyaksikan sebuah Kerajaan yang memberikan ruang kepada amalan *check and balance* dengan izin di praktis kan di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Amalan ini walaupun bukanlah sesuatu yang diwajibkan atau dimestikan namun dalam usaha untuk menerap dan mempraktikkan amalan-amalan yang dilaksanakan oleh negara-negara Komanwel ianya wajar dilaksanakan. Oleh itu, dengan melantik pihak pembangkang ke Jawatankuasa Awam Negeri Selangor mendahului negeri-negeri bukan sahaja di Malaysia termasuk Dewan Rakyat sendiri.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini merupakan salah satu usaha dari Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dalam menunjukkan komitmen dan sokongan mempraktikkan amalan-amalan urus tadbir CAT iaitu kompeten, bertanggungjawab dan telus dan mewujudkan suasana politik yang sihat dalam urus tadbir Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Ini menunjukkan Kerajaan Pakatan Rakyat telus kerana sedia melantik Ahli Pembangkang ke Jawatankuasa Kira-kira Awam. Ini menunjukkan juga keterbukaan Selangor dalam menghadapi isu-isu yang senantiasa ditimbulkan kepada Kerajaan ini. Di antaranya kalau isu kecurian pasir ini merupakan satu isu penting jadi tidak ada masalah lah saya rasa selepas ini akan kita melantik Pembangkang dan isu ini tak lahir kita tutup tetapi malah kita buka dan sekarang atau pun akhirnya yang mempengaruhi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam itu adalah terdiri daripada Pembangkang. Selaras dengan usaha itu, untuk menerapkan amalan daripada negara anggota Komanwel tersebut adalah wajar dicadangkan supaya Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias, ADUN Kawasan Sungai Burong yang juga merupakan mempunyai latar belakang pengalaman dalam bidang audit selain pernah bertugas sebagai Pegawai Daerah untuk dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam

Kerajaan iaitu PAC Negeri Selangor bagi menggantikan Y.B. Tuan Lee Kim Sin, ADUN kawasan Kajang. Pada masa yang sama juga Y.B. Tuan Lee Kim Sin akan kekal menjadi salah seorang daripada Ahli dalam Jawatankuasa ini. Maka dengan ini saya mohon supaya Usul ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Tuan Speaker. Sekinchan ingin turut serta dalam membahaskan Usul pelantikan Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor Kawasan Sungai Burong sebagai Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor bagi menggantikan Y.B. Tuan Lee Kim Sin ADUN daripada Kajang. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, seluruh barisan EXCO dan juga Tuan Speaker tidak saya lupakan juga semua kepada semua Ahli-ahli daripada BBC ini kerana saya sendiri sebagai Ahli Jawatankuasa *Public Account Committe* ini amat berbangga dengan keputusan ini, ia merupakan satu detik yang baru yang penting dan bersejarah serta merupakan lembaran baru bagi Dewan Negeri Selangor yang sudah genap 50 tahun. Tambahan pula langkah berani ini sudah pasti akan mengangkat martabat dan memperkasakan Dewan Negeri Selangor yang berperanan sebagai forum yang tertinggi untuk menggubal Rang Undang-undang dan membahaskan segala dasar Kerajaan serta membincangkan segala permasalahan rakyat.

Tuan Speaker, setelah ku renung setiap negeri di tanah air kita sehingga setakat ini tiada satu pun negeri yang berbuat cadangan pelantikan sedemikian. Oleh itu untuk melantik wakil dari pihak Pembangkang mestilah mempunyai kekuatan dan keberanian serta keazaman yang tinggi. Kita di negeri Selangor ini begitu bertuah kerana mempunyai seorang Speaker yang cukup berwibawa serta berpengalaman oleh itu beliau telah mengambil pendekatan mengikut praktis di United Kingdom dan negara-negara Komanwel lain dengan mengiktiraf peranan dan kedudukan Ahli Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini tidak perlu kita renung jauh, tengoklah bagaimana praktis di peringkat Parlimen yang dikuasai oleh Barisan Nasional, dulu, kini dan sementara waktu sahaja sampai hari ini tidak berani dan berhasrat untuk melakukan pelantikan, pelantikan Ahli Parlimen lain pihak Pembangkang untuk dijadikan Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam.

Tuan Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar begitu komited dalam memperjuangkan agenda reformasi dan melakukan pembaharuan demi pembaharuan Dewan sambil dibantu oleh Tuan Speaker dengan harapan Dewan Negeri Selangor akan menjadi model ataupun contoh ikutan negeri-negeri lain termasuk Parlimen. Sehingga hari ini, Dewan Negeri Selangor merupakan Dewan yang paling komited dan konsisten dalam melakukan perubahan dan pembaharuan selepas berlakunya tsunami politik pada 8 Mac yang lalu malah tidak keterlaluan saya sifatkan Yang Berhormat Tuan Speaker kita adalah Speaker yang terbaik di kalangan negeri-negeri dan juga disanjung serta dihormati oleh kawan dan lawan. Tepuk meja. Kita sedia maklum sebelum keputusan melantik Y.B. Sungai Burong sebagai Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam, Dewan Negeri Selangor telah mengorak langkah ke hadapan dengan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan iaitu SELCAT yang begitu berperanan dan berkesan untuk membantu melicinkan sistem pentadbiran negeri dengan mengadakan pendengaran awam yang terbuka. Perkara ini juga tidak pernah dilakukan oleh mana-mana negeri termasuk Parlimen. Di samping itu, beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas

yang telah ditubuhkan seperti Jawatankuasa Pilihan Khas PADAT. Pejabat Daerah dan Tanah, Jawatankuasa Pilihan Khas PBT dan Jawatankuasa Pilihan Khas ABAS untuk tujuan membantu menyemak dan menambah baik seluruh sistem pentadbiran negeri Selangor.

Tuan Speaker, saya ingin berkongsi sedikit pengalaman dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin maklumkan bahawa peranan Dewan ini sewaktu zaman Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Berhormat Sungai Panjang memang cukup terbatas pada ketika itu. Lesu dan hanya berperanan sebagai *rubber stamp* sahaja untuk meluluskan segala Rang Undang-undang Perbekalan, Bajet dan sebagainya tanpa banyak berbahasan. Apabila saya renung kembali perjalanan persidangan Dewan ketika itu, memang jauh berbeza dengan apa yang berlaku sekarang. Sebagai contoh, Dewan Negeri zaman Yang Berhormat Sungai Panjang sering kali hanya bersidang 6 hari setahun sedangkan sekarang ini kita bersidang satu sesi sahaja kadang-kadang pun sudah melebihi 6 hari dan kalau di campur dengan tiga sesi setahun lebih daripada 20 lebih hari manakala ruang perbahasan pada waktu itu amat terhad di mana saya sebagai wakil pembangkang hanya diberi, diberi 15 minit sahaja untuk berbahas dan hanya ditambah lagi 15 minit lagi menjadi 30 minit sewaktu rakan saya Yang Berhormat ketika itu Sungai Pinang digantung daripada Dewan, saya ketika itu memangku jawatan Pemangku Ketua Pembangkang, hanya diberi tambah 15 minit iaitu 30 minit sahaja walaupun wakil Pembangkang seorang sahaja ketika itu di dalam. Ruang untuk diberi perbahasan memang cukup terhad.

Tuan Speaker, walau bagaimanapun saya merasa lega dan bangga selepas pertukaran Kerajaan perkembangan dan praktis amalan demokrasi di Dewan Negeri semakin bermaya dan semakin sihat. Di mana ruang untuk perbahasan semakin luas tanpa sekatan dan mutu perbahasan semakin di samping itu yang paling penting ialah sidang Dewan Negeri telah disiarkan secara langsung oleh web TV Selangor ke seluruh dunia tanpa sebarang suntingan ataupun penapisan. Sehubungan itu, ia juga merupakan satu rekod, rekod yang bersejarah bagi sidang Dewan Negeri Selangor kerana ghairah siaran langsung tanpa sekatan ini tidak pernah berlaku di lain-lain negeri. Namun begitu yang pelik ialah ruang perbahasan yang luas tanpa sekatan ini diberikan kepada pihak Pembangkang pun tetapi mereka begitu lesu dan gagal memainkan peranan sebagai Ahli Dewan Negeri di mana kehadiran mereka ini begitu rendah dan tidak mengambil peluang untuk memanfaatkan ruang perbahasan yang ada serta sering kali kita nampak mereka kosongkan sesi di sebelah petang dan mereka dilihat tidak begitu berminat berperanan sebagai Ahli Dewan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, sehubungan itu 3 hari yang lalu Yang Berhormat Sungai Panjang selaku Ketua Pembangkang Dewan Negeri Selangor apabila ditanya oleh media tentang bagaimana pandangan keputusan Kerajaan untuk melantik ahli dari pihak pembangkang sebagai Pengerusi PAC, malangnya beliau mendakwa sekiranya Kerajaan Pakatan Rakyat benar-benar ikhlas patut dipanjangkan pelantikan jawatan Pengerusi ke semua Jawatankuasa Dewan yang lain. Akan tetapi beliau sudah lupa, wes *lali*, sudah lupa ataupun Jawa atau Melayu cepat lupa kerana sepanjang lebih 50 tahun Barisan Nasional memerintah tidak pernah mereka lakukan semua ini. Lebih teruk dan lebih parah lagi zaman beliau memegang jawatan selaku Menteri Besar selama 8 tahun berturut-turut tidak teringin pun beliau nak melakukan pembaharuan seperti ini. Maknanya ngomong sahaja lah. Cakap sahaja, omong-omong kosong.

Tuan Speaker, oleh yang demikian, pada pandangan saya, Yang Berhormat Sungai Panjang juga agak dangkal dalam pengetahuan, dalam aspek ini kerana kalau cadangan nak panjangkan Pengerusi kepada semua Ahli Jawatankuasa yang lain kalau ikut praktis negara-negara Komanwel pun hanya Pengerusi PAC sahaja dilantik daripada pihak pembangkang. Jadi kita itu amalan, praktis demokrasi daripada negara-negara Komanwel. Manakala

jawatankuasa-jawatankuasa yang lain kita akan lantik ahli-ahlinya mengikut nisbah. Mengikut nisbah di mana wakil pembangkang dan berapa wakil dari kerajaan. Ini amalan praktis negara-negara Komanwel tetapi Yang Berhormat Sungai Panjang selaku Ketua Pembangkang nampaknya beliau agak kekurangan dalam aspek ini. Saya minta beliau semak balik amalan demokrasi di negara-negara Komanwel.

Tuan Speaker, oleh yang demikian saya yakin dan percaya dengan pelantikan Yang Berhormat Sungai Burong sebagai cadangan sebagai Pengerusi PAC memang dialu-alukan tambahan pula Yang Berhormat mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran kerana pernah menjawat jawatan Pegawai Daerah Kuala Selangor dan wakil rakyat masuk penggal yang kedua, rakan saya yang lama Sungai Burong dan beliau juga Ahli PAC dalam PAC kali ini. Beliau sebagai Ahli biasa selalu memberi kerjasama yang baik kepada PAC Negeri Selangor ini atas prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban serta prinsip semak dan imbang dengan izin *check and balance* tentu jawatankuasa PAC ini di bawah pimpinan Yang Berhormat Sungai Panjang, eh.. Sungai Burong, minta maaf lah asyik panjang dengan burong aje. Sungai Burong akan membantu menyiasat dan mengenal pasti apa punca kelemahan-kelemahan yang berlaku semasa penemuan dari jabatan audit dalam semua laporan penyata kewangan sama ada daripada Jabatan Kerajaan, JRC, anak syarikat, MBI dan sebagainya sebagai contoh, sekiranya sekarang isu pasir digembar-gemburkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang kononnya KSDB, KSSB Sdn. Bhd. yang mengurus pasir di negeri Selangor, sekiranya mereka didapati oleh Jabatan audit ada kelemahan, ada kepincangan, maka kita PAC yang diketuai oleh Pengerusi yang baru Sungai Burong, besok nanti boleh mengadakan pendengaran atau mengadakan siasatan panggil KSSB untuk jawab apa permasalahan dan kena pasti apa kelemahan dan ini ketelusan. Ini ketelusan yang Dewan Negeri Selangor lakukan. Kita tidak mahu tutup. Kalau ada kepincangan seperti yang dinyatakan diwar-warkan oleh Sungai Panjang ini kononnya kita rakus dalam pasir ini, nak jadi juara pasir, juara pasir, saya fikirkan Ketua Pembangkang ini patut tukar lama. Dulu Dr. Mahathir mantan Perdana Menteri pernah menyatakan George Soros sebagai penyangak mata wang. Saya sifatkan Ketua Pembangkang Sungai Panjang Yang Berhormat Sungai Panjang sebagai penyangak pasir kerana sebelum ini banyak masalah pasir ditutup tidak dibuka kepada pengetahuan rakyat seluruh negeri Selangor tetapi dalam Pakatan Rakyat ini kita buka di bincang kalau ada masalah, ada kecurian, ada penyalahgunaan kuasa SPRM tololng masuk siasat tak perlu digembar-gemburkan konon saya juara pasir ini semua perwatakan, peranan bagaiakan pemimpin yang munafik nampaknya.

**TUAN SPEAKER :** Tapi Yang Berhormat, KSSB sedang disiasat oleh SELCAT.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Oh ya, ya, ya minta maaf kalau sedang disiasat saya buat hormat, saya hormat saya tidak sentuh lah. Ya, saya cuma sepintas lalu terlepas dari satu bala dan apa yang saya kata, ingin saya timbulkan beberapa contoh ya di bawah Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam di peringkat Parlimen. Di peringkat Parlimen kita selalu tengok PAC di Parlimen. Mutakhir ini masih lagi dipengerusikan oleh Ahli Parlimen daripada Kerajaan daripada Barisan Nasional dan mereka tidak berani melakukan perubahan dan tidak berani menunjukkan sikap ketelusan, kebertanggungjawaban kerana kes-kes yang besar seperti Port Klang Free Zone, PKFZ yang mereka siasat dan pembelian kapal selam Scorpion yang sampai sekarang ini masih tidak boleh menyerang. Sampai sekarang ini tak ada perkembangan pun, jadi saya nampak kalau sekiranya PAC ini tidak dibuat pembaharuan di peringkat Parlimen tidak mungkin akan menunjukkan sebarang ketelusan. Maknanya mereka mewar-warkan kepada rakyat kononnya Barisan Nasional mampu berubah itu hanya retorik sahaja semata-mata

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Yang Berhormat tak beri kredit kepada Yang Amat Berhormat dengan EXCO dengan BBC ke?

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ada-ada belakang ni ada. Ada-ada sabar-sabar Tuan Speaker. Kredit akan saya berikan sebab saya nampak ya, tolonglah Tuan Speaker sabar sebentar. Sementara itu, tidak saya lupakanlah jasa-jasa yang dicurahkan oleh Yang Berhormat Kajang semasa menerajui Jawatankuasa PAC dalam tempoh masa 28 bulan ni. Jawatankuasa PAC telah memainkan peranan yang penting dan lebih kerap bermesyuarat jika di banding dengan sebelum ini. Pada masa yang lalu, saya semasa berada di dalam PAC bukan sahaja pada ketika ini saya ucapan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang Sg. Panjang pada zaman beliau pun 2004 saya diberi peluang untuk menjawab sebagai Ahli PAC hah! ini kita kena ucapan terima kasih waktu tu saya belajar di dalam PAC dalam tempoh 4 tahun tersebut ada perkara yang saya belajar tetapi agak malang sedikit kerana kekerapan mesyuarat itu, PAC dua bulan sekali, tiga bulan sekali itu agak lesu. Hah di situ kelemahan tu kita nampaklah. Saya sebagai ahli PAC saya akur memang agak kurang dan tidak begitu berani untuk mengadakan lawatan-lawatan terbuka pergi ke tempat yang sensasi yang menimbulkan pertikaian. Walau bagaimanapun di bawah Pengerusi PAC yang baru selepas Pakatan Rakyat mengambil tumpuk pemerintahan di bawah Yang Berhormat Kajang, lawatan demi lawatan turun padang bersama Jabatan Audit, PWN, Ahli-ahli PAC yang lain termasuk Yang Berhormat Sungai Burong kita sama-sama memantau, mencari apa yang berlaku, mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan akhirnya kita memberi cadangan-cadangan penambah baik kepada Dewan dengan menerusi laporan penyata PAC. Hah ini cara PAC ber 'function'.

Tuan Speaker, saya tidak lupakan mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Kajang kerana telah membuat pembaharuan di bawah pimpinan beliau sebagai Pengerusi PAC selama 28 bulan, jasa mu dikenang dan saya berharap beliau selepas lepas jawatan sebagai Pengerusi sebagai Ahli PAC biasa kita sama-sama lagi dapat berganding teruskan kesinambungan untuk menjayakan PAC ini sebagai satu Jawatankuasa Dewan yang begitu berperanan, begitu disegani oleh Jawatankuasa-jawatankuasa yang lain dan seterusnya saya juga tidak melepaskan kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan serta setinggi-tinggi tahniah dan syabas Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama Barisan EXCO serta Ahli-ahli Dewan daripada BBC yang selama ini mendukung, memberi sokongan penuh kepada pembaharuan-pembaharuan di dalam Dewan ini. Itu agenda pembaharuan reformasi yang kita dukung bukan kita omong-omong kosong tapi kita buat, kita buat berbagai pembaharuan kita sudah buat kalau dulu bahas masa terhad kita sekarang masa tidak terhad. Ruangan sepenuhnya diberikan sama ada dewan daripada barisan ataupun daripada kerajaan. Kita beri seluas-luasnya, hah ini perbezaan yang berlaku dan tidak pernah berlaku sebelum ini. Akhir sekali saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Sungai Burong kerana dipilih untuk dicadangkan menjadi Pengerusi PAC yang baru. Saya berharap dengan lantikan tersebut walaupun kita berlainan fahaman politik namun semangat dan keinginan untuk berkhidmat untuk rakyat dan negeri Selangor tetap sama untuk berjasa kepada rakyat, kepada Negeri Selangor untuk sama-sama berperanan di dalam PAC. Ayuh marilah kita ketepikan segala perbezaan dan bekerjasama untuk mempraktikkan amalan demokrasi yang sihat dan efektif serta sekali gus memartabatkan dan memperkasakan Dewan yang mulia ini demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Sekian sahaja saya mohon menyokong Usul ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kg. Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih, Tuan Speaker, Kg. Tungku juga ingin berdiri dan menyokong Usul ini. Tuan Speaker, persidangan Dewan Negeri Selangor pada kali ini

sedang mencipta sejarah. Kita bukan sahaja mencipta sejarah dari segi sejarah politik dan sejarah demokrasi berparlimen di Selangor tetapi kita mencipta sejarah di seluruh negara Malaysia. Selepas menggubal Enakmen Kebebasan Maklumat yang pertama di Selangor dan barangkali yang pertama di Malaysia kini Dewan Negeri Selangor mencipta sejarah lagi buat kali yang pertama di Malaysia di mana Dewan perundangan meluluskan Usul untuk melantik wakil dari pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam ataupun nama singkatannya *Public Account Committe*, PAC. Dan kerana sebelum ini belum ada lagi mana-mana ataupun apa-apa Dewan perundangan di negeri ataupun di Dewan Rakyat yang berbuat seperti apa yang akan kita lakukan pada hari ini untuk melantik wakil daripada Pembangkang sebagai Pengerusi PAC. Ini akan menetapkan satu Presiden baru dalam sejarah demokrasi berparlimen di Malaysia dan akan mencetuskan status negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang betul-betul maju bukan sahaja dari segi fizikalnya tetapi juga dari segi sahsiah politiknya kerana ini adalah kali pertama kita ada seorang wakil dari pembangkang yang dilantik menjadi Pengerusi kepada sebuah Jawatankuasa yang begitu penting dalam demokrasi berparlimen ini. Usul ini juga mencerminkan cita-cita Kerajaan Selangor untuk memastikan prinsip keupayaan, kebertanggungjawaban dan beramanah betul-betul diterap di dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor dan bukan sahaja cakap kosong ataupun retorik semata-mata.

Tuan Speaker, PAC merupakan satu Jawatankuasa Dewan yang paling penting dan diberi tanggungjawab untuk menyiasat dan menyemak semua penyelewengan jabatan-jabatan kerajaan dan memastikan eksekutif bertanggungjawab terhadap Dewan melalui pengawalan perbelanjaan wang ringgit orang ramai. Pengerusi PAC yang baru perlulah menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama. Beliau harus mengetepikan perbezaan politiknya dan bekerja keras dengan memartabatkan prinsip ketelusan dan beramanah dalam pentadbiran Kerajaan Selangor iaitu cabang eksekutif kerajaan Selangor ini walaupun secara biasanya. Kebiasaan Ketua Pembangkang dilantik yang dilantik menjadi Pengerusi PAC tetapi saya difahamkan kali ini wakil-wakil daripada pembangkang telah diberi peluang untuk memilih wakil mereka sendiri. Ini menunjukkan keterbukaan Dewan Negeri Selangor dan saya berharap tradisi cemerlang ini dapat diteruskan di Dewan yang mulia ini walau pun kerajaan bertukar tangan pada masa nanti. Siapa pun kerajaan saya berharap ini dapat dikekalkan dan dijadikan sebagai satu tradisi di mana Dewan Negeri Selangor boleh banggakan. Pengerusi PAC yang bakal, yang dilantik ini akan menghadapi cabaran besar. Pengerusi baru perlu berusaha untuk membawa perubahan dalam gerak kerja dan fungsi PAC serta menjadikan struktur pentadbiran Kerajaan Selangor semakin cekap tanpa mengira siapa yang jadi kerajaan. Pengerusi baru juga perlu memastikan wang ringgit orang ramai digunakan dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan sebarang bentuk ketirisan. Saya juga menggesa anggota-anggota PAC yang lain serta kakitangan Kerajaan memberi segala bantuan dan kerjasama yang diperlukan kepada Pengerusi PAC yang baru ini supaya beliau boleh menjalankan tugas dengan baik dan cekap. Jangan pula Pengerusi PAC ini datang daripada pembangkang maka pandangan ataupun keputusan beliau itu dipandang remeh. Tidak, kita tidak buat begitu dan jangan sekali kita buat begitu. Negara dan negeri kita sekarang ini, Tuan Speaker sekarang ini sedang mengalami perubahan. Budaya politik yang lapuk yang mementingkan petisyen sekarang ini semakin pudar atau usang. Keterbukaan, keupayaan beramanah pula merupakan kata-kata keramat untuk menentukan bangun atau jatuhnya sesebuah negeri. Saya berharap dengan pelantikan ini dewan-dewan negeri termasuk Dewan-dewan termasuk negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat dan Dewan Rakyat di peringkat Persekutuan akan mengikut jejak langkah Dewan negeri Selangor ini. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih juga kepada Pengerusi PAC yang lama iaitu Yang Berhormat Kajang dan saya mengucapkan tahniah dari hati saya yang ikhlas kepada Pengerusi PAC yang baru iaitu Yang Berhormat Sungai Burong semoga PAC di bawah Yang Berhormat Sungai Burong akan bertambah mantap dan dapat

membantu rakyat dan kerajaan Selangor ke arah mercu tanda yang tinggi. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Panjang.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasih, Tuan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan selamat pagi. Salam satu Malaysia. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas pada hari ini walaupun hari ini hari pertama saya hadir selepas digantung setahun kerana sikat *favarotisme* yang diamalkan oleh Dewan ini bila mana saya mengkritik SELCAT saya digantung setahun tetapi bila Gombak Setia terus mengkritik SELCAT sampai sekarang tiada tindakan. Tepuk meja. Yang Keduanya, Tuan Speaker sebelum saya pergi ke arah PAC ni saya terus terang saya katakan memanglah apa yang dikatakan Sekinchan itu betul perbahasan dibuka dengan panjang dan semua boleh bercakap sehingga kualiti perbahasan itu amat kurang. Saya lihat hari ini, contoh yang paling baik Tuan Speaker, bila mana Pandamaran menjawab soalan tadi saya nak tegur tapi sangat susah nak mencelah saya terang sekarang. Yang dikatakan cagaran, *fixed deposit* pun dia tak tahu Tuan Speaker. Cagaran yang dinyatakan oleh Pandamaran tadi bermaksud cagaran pelanggan. Duit cagaran setiap pembangunan itu dicagarkan dalam PBT. Duit itu hak pelanggan. Pelanggan boleh dapatkan balik duit itu dan tidak boleh dibelanjakan. *Fixed Deposit* maksudnya simpanan tetap yang semakan yang ada hanya MBPJ RM120 juta yang lainnya hanya ada simpanan tunai untuk pengurusan pentadbiran PBT-PBT. Sebab itulah tadi bila mana Seri Muda bangun dan minta peruntukan sebagainya saya harap ini perlu dibetulkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO kena bertanggungjawab. Jangan kita bercakap perkara yang kita tak reti yang tak telus di antara cagaran, simpanan tetap dengan simpanan tunai tak dapat dibezakan. Saya minta maaf, saya tegur untuk kebaikan.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, peraturan tetap.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Yang Kedua, Tuan Speaker. Saya tak bagi peluang.

**TUAN SPEAKER** : Tak apa. Sungai Panjang duduk. Sebab dia membangkit peraturan tetap.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, terima kasih. Peraturan tetap 36 (1) seseorang ahli hendaklah mengehadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja yang tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan. Nampaknya Sungai Panjang telah terkeluar dari perbincangan tadi.

**TUAN SPEAKER** : Memang melencong sedikit. Saya minta kalau sentuh tak apa, jangan mendalam.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasih Tuan Speaker. Ini pun satu kegagalan PAC yang tak menjelaskan tentang sistem *accounting*. PAC tak buat kerja sangat, jadi Pandamaran bermasalah. Kalau disiasat betul-betul, diterangkan semua tak ada jawapan yang silap. Ini yang saya nak tengok. Yang keduanya, saya lihat selama setahun ini saya tidak berada di Dewan saya telah mengkaji Tuan Speaker, jawapan dalam Dewan dan jawapan bertulis Wakil-wakil Rakyat atau bahan EXCO-EXCO banyak bercanggah. Saya harap sangat yang ini kalau boleh EXCO-EXCO semua tengok balik jawapan bertulis. Jangan sampai bercanggah. Ucapan di surat khabar lain, ucapan dalam Dewan lain, jawapan secara bertulis

lain. Ini akan menjatuhkan maruah dan kredibiliti Dewan yang mulia ini. Benarlah kata orang tua-tua. Banyak bercakap banyak silapnya, banyak bercakap hilang pengetahuannya.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga rasa berterima kasih kepada Tuan Speaker kerana memanggil saya untuk berbincang tentang Pengerusi PAC. Dan saya difahamkan bahawa peraturan ini ada mengikuti praktis yang dibawa oleh Negara-negara Komanwel. Jadi bila mana saya dibenarkan masuk Dewan, jadi saya pun membuat sedikit *research* dalam negara-negara yang mengamalkan demokrasi yang dianggap terbaik di dunia. Saya lihat PAC yang diamalkan di United Kingdom. Yang itu kita lihat *Government*, dia ada 9 wakil, *position* 5 termasuk pengerusi. Sekinchan jangan bercakap kalau tak buat kajian, susah. Yang keduanya, New Zealand. *Government* 7 *including chair person and deputy*, di New Zealand. *Positon* 5 tak mempengerusikan PAC. Australia, *Government*, Kerajaan 9 termasuk Pengerusi PAC *position* 7. Tapi di Australia, dia melantik 6 daripada Ahli Dewan dilantik oleh wakil daripada Kerajaan yang ada, 4 ahli daripada yang dilantik oleh ketua pembangkang, 3 wakil rakyat daripada *Government* ataupun Senat, 2 Senator atau Senat yang lain daripada pembangkang dan 1 didominasikan, dinamakan oleh kumpulan minoriti. Jadi, Di Singapura Tuan Speaker, ada 8 *public account commeetee*. Lapan-lapan Kerajaan tidak ada pembangkang. Jadi saya hendak terangkan secara *overview* apa yang telah kita laksanakan dan saya telah berbincang Tuan Speaker dengan rakan-rakan dalam Barisan Nasional. Kita berbincang tentang tanggungjawab yang akan dilaksanakan, tentang perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan dan kita lihat sekiranya hanya Speaker, hanya PAC sahaja ditawarkan kepada Yang Berhormat Sungai Burong dan PAC Negeri Selangor mengandungi 7 orang, 2 daripada pembangkang termasuk kalau dilantik nanti PAC nya Sungai Burong, maka ini tidak akan memberikan kekuatan kepada Pengerusi PAC. Kalau benar-benarlah Kerajaan Negeri ingin mengamalkan ketelusan, jujur dalam tindakan. Bak kata orang, kalau bagi parang, parang itu tajam. Kalau bagi senapang, ada pelurunya. Kalau bagi meriam, ada pencucuhnya. Kalau hendak beri jawatan, biar ada kekuatan. Kami telah berbincang. Kalau hanya Pengerusi dan seorang wakil dalam PAC, maka sukar bagi pihak kami untuk *cheque and balance* Kerajaan Negeri. Kalau ingin buat perubahan, kita buat perubahan yang sebenar-benarnya. Saya mohon mencadangkan, kami berterima kasih kepada Speaker tetapi kalau dengan Pengerusi sahaja tanpa tambahan ahli PAC, saya tak nampak ada kekuatan kepada Pengerusi. Sebab itulah kita mohon kalau hendak betul-betul bagi Pengerusi Tuan Speaker, bagi lagi 4 ahli PAC kepada kami, kami akan usaha dan melakukan sejurus-jujurnya untuk melihat setiap aktiviti dalam Kerajaan. Kerana dalam dunia moden Tuan Speaker, bukan dunia zaman badang. Zaman badang yang kuat dia menang. Tapi dalam dunia moden ini yang ramai itu menang, yang sedikit walaupun kuat akan kalah. Jadi kita mengharapkan perkara ini dipertimbangkan dan Yang Berhormat Sungai Burong akan bercakap bagi pihak dirinya sekejap lagi tapi kita mengharapkan perubahan yang sebegini dapat dijalankan dengan baik.

Tuan Speaker yang saya hormat sekalian, saya melihat kegagalan PAC yang menyebabkan banyak *contradiction* jawapan dan juga.....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker, minta laluan

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Jadi, saya harap sangat Tuan Speaker. Saya hendak habiskan ucapan saya Tuan Speaker tak panjang kerana ini kali pertama saya berucap dan

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta laluan Tuan Speaker

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Dan saya akan benarkan Sungai Burong berucap bagi pihak dirinya. Tuan Speaker yang saya hormat sekalian.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Seri Setia hendak tanya saja.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Panjang. Kalau benar pihak pembangkang menghargai peranan dalam Dewan, kenapa dalam isu SELCAT wakil pembangkang tidak pernah hadir ke SELCAT sehingga isu Kumpulan Semesta baru-baru ini? Jadi saya nak bertanya, adakah kalau benar-benar pihak pembangkang menghargai peranan jawatankuasa dalam Dewan?

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Seri Setia. Sebab peringatan saya

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Ini terkeluar dah

**TUAN SPEAKER** : Ini SELCAT saya kena betulkan kenyataan Yang Berhormat tadi. Memang kedua-dua wakil pembangkang hadir dalam pendengaran SELCAT.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasih Tuan Speaker. Sebab itulah saya katakan Tuan Speaker memang orang yang baik. Walaupun dia balas dendam pada saya.

**TUAN SPEAKER** : Saya tak balas dendam.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Bagi saya Tuan Speaker yang betul, betul. Tapi *favoritism* itu kena kurangkan.

**TUAN SPEAKER** : Saya tak ada *favoritism*

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Kalau Sungai Panjang kena setahun, Gombak Setia patutnya kena setahun, barulah betul. Janganlah kita hendak main wayang dekat luar.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat sebenarnya itulah apabila Yang Berhormat kata saya ada *favoritism* itu dah melanggari 36 (6). Tak boleh ada sangkaan jahat. Kalau Yang Berhormat rasakan memang Gombak Setia telah pun melanggari mana-mana peraturan, buatlah aduan kepada jawatankuasa berkenaan, kita akan kaji dan ambil tindakan. Yang Berhormat juga tahu ada salurannya bukan kita buat kenyataan-kenyataan adalah tidak adil. Baru seminit sebelum tu kata saya orang baik. Minit kemudiannya dia kata *favoritism*.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kenalah konsisten ya. Tak apa saya rasa jangan sentuh tentang Speaker ini sebab dah sentuh tak baiklah sebab saya hendak pengerusikan ini. Dan saya kena *stand neutral*, saya kena bebas daripada perkara ini.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker, bagi saya yang betul itu betul. Yang salah itu salah tetapi jangan buat cerita yang bukan-bukan dalam Dewan. Luar Dewan, tunggu surat saman.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Tuan Speaker.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya ambil contoh sampai pada Sekinchan. Tentang rumah saya RM24 juta, sampai hari ini tak dapat buktikan. Bukankah ini berbohong dalam Dewan? Inilah kualiti yang dikatakan hebat oleh Sekinchan. Tuan Speaker dan rakan yang saya hormat sekalian. Jadi kita haraplah kalau hendak buat perubahan, buat perubahan sejurus-jujurnya. Berikan peluang kepada kami, berikan kekuatan kepada kami. Kami akan laksanakan dengan baik. Mengenai KSSB ini, saya pun kenapa hendak berisensitif? Tuan Speaker, sebab dia sentuh. Saya bagi cadangan kerana bila KSSB korek pasir tak ada orang hendak timbus balik. Apa akan jadi dengan *ex-mining land*? 120 kaki, berpuluhan ekar.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Minta laluan sikit. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Saya terkilan dengan dakwaan mengatakan *ex-mining* dikorek tanpa ditimbus balik dan sebagainya. Saya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat Sungai Panjang. Waktu zaman Yang Berhormat Sungai sebagai Menteri Besar ketika itu 8 tahun adakah industri perlombongan pasir di Selangor ini *ex-mining* dikorek, ditimbus balik? Cuba tunjukkan fakta..... terima kasih.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker, Sekinchan ini jadi Wakil Rakyat tapi nampaknya dia buta maklumat. Zaman kita jadi Kerajaan, kita tutup terus semua lombong-lombong tanah Kerajaan. Tidak keluar lesen. Buktinya dulu berapa banyak jentera-jentera berat kita letakkan dalam kompaun SUK. Jangan cakap 2, tanyalah pegawai Kerajaan yang ada rekod hari ini. Dan kita terpaksa berhadapan dengan gengster dan sebagainya. Sebab itulah kita tutup tahun 2005, 2006 kita berjaya tutup. Kita guna RELA, kita gunakan Polis, Ketua Kampung. Saya bergerak tengah malam kerana melihat perkara ini. Bila kita buat dan kita hanya benarkan lombong pasir di tanah persendirian. Yang mengeluarkan EMP dalam pengeluaran pasir, siapa dia? Kerajaan mana? Kita buat, saya hendak bagi tahu ini bukan masalah peribadi. Ini masalah kemusnahan. Kalau korek setakat 10 kaki boleh timbus, 120 kaki. Bukit mana kita hendak timbus dan kita buat kajian nak timbus balik. Nak *rehabilitate* dia kena makan sekurang 4 hingga 5 kali ganda daripada hasil pasir. Kita jangan kita katakan politik. Yang Amat Berhormat Ijok, ini soal masa depan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, saya kata menyentuh ok jangan mendalam sampai 120 kaki dah ini.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, oleh sebab Sungai Panjang berhasrat murni saya cabar Sungai Panjang untuk sama-sama dengan saya mendengar penjelasan daripada KSSB bersama dengan *engineer-engineer* mereka bersama dengan ahli pengarahnya dan bersama dengan Dato' SUK untuk menerangkan keadaan yang sebenar. Jadi Sungai Panjang, jadi saya tak hendak menjawab Sungai Panjang ini kerana saya faham Sungai Panjang ada mempunyai maklumat yang Sungai Panjang ketahui. Tetapi Sungai Panjang tidak mempunyai maklumat yang kita ketahui. Jadi oleh sebab itu kita boleh mengadakan perjumpaan terbuka dan saya telah menunjuk, memberikan surat-surat kepada Timbalan Perdana Menteri tentang pencurian-pencurian pasir yang dilakukan di tempat-tempat mana, di lombong-lombong mana? Dan Sungai Panjang juga tidak bertanya kepada KSSB apakah perancangan masa hadapan daripada segi perlombongan?

Saudara tidak bertanya. Jadi oleh sebab itu, saudara membuat andaian, itu cara yang kita lakukan. Dengan adanya ini saya telah menunjukkan beberapa fakta. Semasa zaman Sungai

Panjang menjadi Menteri Besar, jumlah kecurian pasir sangat tinggi, sangat tinggi. Saya buktikan. Jadi saudara boleh mendengar esok. Saudara boleh bawa pakar saudara. Saya pun ada pakar kita. Saudara bawa dan saudara tunjukkan. Kita tunjukkan bukti-buktinya. Jadi kalau cara itu dan panggil rakan kita daripada sungai Burong yang sekarang kita akan minta supaya jadi seorang yang melihat sebagai orang yang boleh melihat sebagai bebas daripada itu. Kita boleh. Jadi pada saya ini semua boleh kita lakukan. Tapi saya harap sebelum kita bawa kepada Dewan ini, berilah satu usaha supaya semua fakta itu diambil kira dan itu sebab saya ada kalanya tidak menjawab tentang perkara ini sebab saya seronok menengok saudara ada fakta di bahagian saudara sebelum mengetahui fakta yang ada pada kita. Jadi saya harap ini yang tujuan kita membawa perkara ini di Dewan beberapa perubahan yang kita bawa. Jadi kalau saudara macam saudara Kuang menjerit tak tentu pasal aje pun tak guna.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR MOHD IDRUS:** Tuan Speaker, ini peraturan mana ni.....

**TUAN SPEAKER :** Tolong duduk. Saya bagi peluang secukup-cukupnya. Jangan cuba kesabaran saya.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ok....saya selesai. Saya berharap perkara ini kita tidak bangkitkan di Dewan ini sehingga kita boleh bangkitkan di Dewan masa hadapan, sehingga Sungai Panjang, saya dan beberapa rakan, kita boleh jemput Bukit Antarabangsa dan kawan PAC untuk mendengar ...aa...apa ni....aa...perkara yang boleh kita betulkan dan bukan saya bercakap dengan Setiausaha Kerajaan Negeri yang juga mempunyai pengalaman semasa Sungai Panjang menjadi Menteri Besar dan semasa saya menjadi Menteri Besar. Dan boleh kita buat untuk penerangan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** YB sekalian, YB sekalian ....saya tidak mahu mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya tidak mahu tahu merit perbahasan, saya minta semua ikut peraturan. Jadi saya rasa ni, soal pasir ni sudah melencong daripada usul pelantikan. Saya dah cakap, menyentuh bolehlah jangan mendalam. Sekarang dah dalam sampai 120 kaki. Jadi saya minta yang Sungai Panjang, ya saya....saya memang mempertahankan hak setiap ahli untuk berucap tapi kita ikutlah peraturan. Ya...saya menjaga hak setiap ahli. Tapi saya tak boleh....saya nak jaga rimba saya tak boleh jaga pokok....saya tak boleh nak jaga sebatang pokok sebab dia nak cakap saya nak jaga pokok tu, tapi saya kena jaga kepentingan hutan. Jadi saya minta semua pihak memahami kedudukan saya ya...jangan nak paksa saya, saya memang tak mahu hukum siapa-siapa, saya tak mahu arahkan siapa-siapa keluar sebab dulu saya pembangkang saya tahu saya lebih berpengalaman daripada mana-mana pembangkang yang duduk di sini. Jadi saya menghayati sebenarnya semangat itu. Jadi saya berharaplah bila saya dah buat arahan ni ikutlah ya. Kalau isu lain boleh sentuh lagi. Jadi isu pasir saya rasa dah sampai satu tahap ya...tak boleh...kita tak henti-henti.....kita kena kerja ni...ya...saya silakan Sungai Panjang.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker, saya pun tak bercadang nak menimbulkan isu ini kalau tidak Sekinchan yang mengatakan dahulu. Jadi ...kita harus ingat apabila isu ditimbulkan kita perlu jelaskan. Jadi Tuan Speaker, kesimpulannya Tuan Speaker, kami, Barisan Nasional mengucapkan terima kasih pelantikan itu tetapi kami tak boleh terima pelantikan tersebut selagi tidak diberikan lebih tempat dalam PAC. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.....

**YB PUAN LEE YING HA :** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi Teratai untuk mengambil alih dalam Perbahasan Usul ini. Tadi Sungai Panjang buat...kata ada buat

beberapa "research" mengenai ini, Negara-negara yang PAC tidak dipimpin oleh pembangkang. Dengan masa yang singkat Teratai juga buat sikit "research" untuk membetulkan sikit fakta yang pertama kali mengenai Singapura. Singapura terdapat 94 ahli Parlimen tapi hanya 3 orang sahaja daripada pembangkang dan kalau gunakan contoh Singapura.....

**YAB. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, fakta tak betul...kalau ikut data ini 82 PAP 2 position bukan 94.....

**YB PUAN LEE YING HA** : Jumlah 3 orang...3 Ahli Parlimen. Ada satu S....website sini ada....SPP. Ada seorang dari *Worker's Party* adalah dilantik bukan dipilih. Jadi itu pembetulan, ini dari "Wikipedia"....sini ada *on the spot*....jadi....itu contoh Singapura bukan satu contoh yang baik kerana Singapura tidak dikenali sebagai satu Negara yang berdemokrasi. Dia punya....itu Negara Singapura juga ada banyak maslah dengan isu-isu masalah demokrasi hak asasi manusia dan kebebasan. Kalau gunakan contoh Singapura lagi bagus kita guna Zimbabwe ataupun gunakan China, China ada satu parti sahaja tak ada parti lain. Jadi PAC dengan tak PAC semua parti sama. Dan yang ke dua ialah mengenai New Zealand, mungkin Sungai Panjang pun tak sedar lagi New Zealand sudah tukar kerajaan. Dulunya "*Labour*". Pada masa "*Labour*" tahun 2001 sampai 2010 "*Konservatif*" yang menjadi ketua PAC di New Zealand. Dan juga mulai 2010 "*Labour Party*" sudah kalah dalam pilihan raya. Jadi sekarang ketua PAC adalah dari "*Labour Party*". Jadi itulah fakta yang terbaru yang saya dapat dari Internet tadi. Walau bagaimanapun saya tidak ada apa ....saya memang bersetujulah kalau boleh kita boleh masukkan beberapa ahli lagi dalam PAC tetapi ini adalah kita kata "*the first step*" dengan izin. Kita yang mula sahaja. Dalam Negara Malaysia ....dalam sejarah yang 50 tahun dulu tak pernah ada satu kerajaan yang di Malaysia boleh mencalonkan Pihak Pembangkang sebagai ketua dalam PAC. Jadi inilah bersejarah macam "*baby*" ini .....bayi yang baru lahir kita bagi dia peluang satu step demi satu step bukan sekali gus kita nak lompat. Jadi kita berharap pembangkang sabar sikit, inilah kita pun boleh berjuang bersama-sama dan kerana ada ini kalau kita lantikan ketua PAC dari pembangkang saya nampak ini adalah satu sistem yang amat bagus sebab boleh menaikkan .....menjalankan sistem pemantauan dengan lebih cekap dan telus. Kita sini di Negeri Selangor ada Selangor Cat, SELCAT, saya berharap Sungai Burong, burung tak akan takut dengan cat lah...kucing....sebab kita bersama-sama telah memperjuang untuk rakyat Malaysia dan juga kita Pakatan Rakyat memang ada berbeza dengan Barisan Nasional la...kita mengamalkan sistem demokrasi. Jadi kalau bagus untuk rakyat kenapa kita tak buat bersama-sama berjuang bersama-sama...mungkin ada sebahagian sebab tadi ada radio *interview* saya itu mengenai *due to enakmen Freedom of Information Act*. Ulasan saya ialah itu memang bagus bagi cahaya masuk, siapa tikus siapa kucing kita nampak dengan jelas. Mungkin ada orang di dalam adalah kucing, masih bersembunyi di dalam bilik. Jadi dia takut. Kalau cahaya masuk, oo...orang nampak inilah tikus. Tikus itu sudah 50 tahun makan beras rakyat. Banyak beras, berjuta-juta ringgit sudah dimakan sehabis sampai kita pun tak tahu di mana ....itu wang pergi ke mana.....mungkin simpan di Mongolia...saya pun tak pasti la...jadi inilah peluang memang bagus kita bukan sahaja menjadikan Negeri Selangor sebagai satu *state* ataupun negeri yang memang mengamalkan sistem berdemokrasi tetapi kita juga mengamalkan *competency accountability transparency* yang selalu dialu-alukan oleh ahli-ahli Pakatan Rakyat. Jadi saya rasa pihak pembangkang tak perlu risau, ini adalah satu step yang bagus sebab kita boleh nampak kita ada satu sistem pemantauan yang lebih cekap dan lebih telus, membuka untuk orang ramai, jadi kalau perlu dalam perjuangan yang akan datang kita rasa itu perlu saya pun tak ada halangan ataupun saya setuju dengan kita memasukkan pelbagai ahli, mungkin boleh sebab saya nampak dalam Parlimen Australia dia pun adan masuk "*Unionies*" sebagai Ketua Pembangkang. Mungkin beliau dilantik sebagai senator atau lepas tu dijadikan Ketua PAC...itu...itu....cerita saya tak berapa pasti tapi nampak ada dalam

carta. Jadi itu sahaja Tuan Speaker, saya ingin menyokong....Teratai ingin menyokong usul ini. Terima kasih.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER** : Ya Seri Setia...

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih YB Tuan Speaker. Saya tak pasti, sama ada takut Tuan Speaker salah faham apa yang saya utarakan tadi. Yang saya maksudkan ialah sehingga kes KSSB dibawa ke SELCAT, anggota pembangkang tak pernah hadir ke SELCAT. Itu saja yang saya cuba utarakan. Saya cuba dapatkan kepastian daripada anggota SELCAT lain dan mereka mengesahkannya.

**TUAN SPEAKER** : Saya rasa mungkin tak tepat juga sebab memang anggota daripada pembangkang hadir tapi ketidakhadiran juga tinggi tapi dalam ketiga-tiga kes ada kehadiran mereka.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Cuma dalam isu pelantikan wakil daripada pembangkang sebagai pengurus Jawatankuasa Kira-kira Awam atau PAC ini saya seperti juga rakan-rakan lain di peringkat penyokong Kerajaan kita menyambut baik pembaharuan ini dan saya fikir kalau nak dipertikaikan isu bilangan dan sebagainya ini sebagai sebenarnya perkara yang tak pernah dibuat di Negara kita. Dan di peringkat Federal sekalipun mahupun waktu dahulu ketika Tuan Speaker menjadi Ketua Pembangkang perkara ini tidak berlaku. Jadi saya fikir kalau semua kita ambil sikap kita mahu bergerak ke hadapan ini satu perkara yang patut kita alu-alukan secara bersama-sama dan kita mengetepikan perbezaan politik dalam hal ini. Dalam hal ini juga YB Tuan Speaker saya merujuk bagaimana dalam apa yang kita buat, beberapa pembaharuan yang kita buat dalam Sidang Dewan kali ini sebenarnya kalau saya sebagai anggota pembangkang saya akan menyambut baik kerana dia mengukuhkan lagi kedudukan pembangkang untuk memantau Kerajaan seperti mana kita ada Enakmen Kebebasan Maklumat, Pelantikan Anggota Pembangkang sebagai Pengurus PAC dan sebagainya sebab selama ini banyak daripada pihak mereka memanglah bercakap tentang demokrasi dan sebagainya tetapi ujian terbesar ialah apabila mereka memegang kuasa sebab semua pihak apabila dia pegang kuasa dia tak nak lepas kuasa tersebut. Tapi dalam hal ini saya fikir pimpinan YAB Ijok dan EXCO serta rakan-rakan yang lain telah menunjukkan satu sikap yang begitu terbuka dan matang dalam membawa pembaharuan ini untuk memenuhi semangat demokrasi. Dan ini saya fikir satu pembaharuan yang patut kita alu-alukan dan menjadi satu "*benchmark*" dengan izin, bagi seluruh Negara di Malaysia. Jadi ini satu perkara yang baik yang mana semua orang boleh merujuk pada kita bagaimana kita boleh melakukan perkara ini dan menimbulkan perbahasan mungkin, kita harapkan di kalangan semua bagaimana hal ini tidak diperkenalkan di peringkat-peringkat yang lain di Negara kita. Jadi Dalam Hal ini Seri Setia ingin menyokong usul tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.....

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker, saya mohon berucap untuk menyokong usul yang dikemukakan untuk melantik Sungai Burong sebagai Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Awam dan ingin merakamkan ucapan terima kasih penghargaan kepada Kajang yang telah melaksanakan tugas ini dengan cukup baik dan cukup berani. Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat adalah untuk mewujudkan ketelusan dan menghidupkan suasana Demokrasi yang tulen di mana inilah pertama kali dalam sejarah Dewan Negeri Selangor begitu banyak tambahan

kepada Jawatankuasa Pilihan Khas diwujudkan dengan pengkhususan Jawatan Kira ....Jawatankuasa Kira-kira Awam(PAC) melaksanakan kajian terperinci tentang laporan Ketua Audit Negara, meneliti kelemahan, kepincangan, kekurangan dan kelemahan dan ulasan-ulasan untuk penambah baik pulih Jabatan-jabatan Kerajaan dan dengan mewujudkan tiga lagi jawatankuasa pilihan khas JPK PADAT, PBT dan ABAS ini mewujudkan satu pengkhususan yang lebih terperinci dan membolehkan anggota Ahli-ahli YB Dewan terlibat dengan lebih penuh dedikasi memantau setiap aspek pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah PBT dan GLC dan khusus terhadap apa yang telah dibuat dalam laporan Ketua Audit Negara di terperincikan. Dan apa yang dilakukan dalam konteks ini ialah kita melibatkan semua pihak pengurus, empat orang wakil Kerajaan dan dua wakil Kerajaan dalam setiap Jawatankuasa Pilihan Khas. Dan Semalam kita telah meluluskan Jawatankuasa Pilihan Dewan yang melibatkan juga dua orang wakil pembangkang dalam membincangkan undang-undang dan memperincikan undang-undang dalam Kebebasan Maklumat. Apa yang saya ingin tarik perhatian di sini adalah kita ingin melibatkan satu proses demokrasi. Kita tahu bahawa Dewan yang Mulia ini terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik oleh rakyat. Apa-apa pun parti, Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional kehadiran kita di Dewan ini adalah di atas suara rakyat di kawasan masing-masing. Mereka telah memberi kepercayaan kepada kita dan kita mesti, dengan izin, "*deliver*" hak mereka untuk memastikan pentadbiran kerajaan dengan lebih baik dan dedikasi. Dan oleh kerana itu dalam sejarah Dewan Selangor inilah pertama kali di mana bukan hanya Dewan bertambah aktif dengan ulasan-ulasan daripada kedua-dua pihak tetapi pendengaran terbuka seperti SELCAT melibatkan pembangkang untuk menyuaral mereka yang dibawa datang sebagai saksi cara terbuka, secara '*live*' dengan izin, dan juga dengan wujudnya jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas yang lain, pembangkang juga terlibat dalam pendengaran-pendengaran tertutup. Apa yang ingin saya tegaskan di sini adalah dengan aktifnya Dewan kita memerlukan satu sistem sokongan kerana saya ucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan, Kakitangan Dewan yang mengatur mesyuarat-mesyuarat, menghubungi semua pihak yang terlibat dalam mesyuarat yang akan diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas, membuat catatan, membuat pernyataan dan begitu sibuk. Dan saya juga sebagai Pengurus Jawatankuasa Pilihan Khas ABAS terfikir kerana saya sedang merangka untuk mengadakan mesyuarat tapi mesyuarat tersebut terpaksa ditangguhkan oleh kerana kekurangan tenaga Dewan untuk mengendalikan mesyuarat membantu membuat catatan mesyuarat tersebut mesyuarat-mesyuarat lain. Jadi inilah membuatkan saya memikirkan satu perkara yang telah dikemukakan oleh .....oleh Tuan Speaker oleh Kerajaan tentang Undang-undang Enakmen atau Rang Undang-undang Dewan selesa. Di mana dengan selesa ini bukan hanya mewujudkan satu pemisahan dasar kuasa *supervision of power* (dengan izin), mewujudkan demokrasi yang tulen tetapi yang lebih penting adalah untuk memberi sistem sokongan ADUN-ADUN, kepada jawatankuasa-jawatankuasa Dewan sendiri lebih merangka dengan lebih teliti. Di antara yang di bawah Rang Undang-undang selesa adalah pertambahan *staf* di mana setiap jawatankuasa akan diberi sokongan satu seorang Setiausaha, Pegawai-pegawai Penyelidik atau mungkin penasihat undang-undang peguam. Dengan itu bukan hanya jawatankuasa-jawatankuasa ini boleh membuat kerja dengan lebih meluas menyeluruh, tetapi boleh buat sokongan dengan lebih berkualiti, mendapat sokongan lebih padu lagi daripada kakitangan Dewan. Jadi dengan ini saya ingin menarik perhatian sempena menyokong usul ini saya ingin menarik perhatian kepada Kerajaan membawa secepat mungkin ke dalam Dewan Persidangan yang akan datang seboleh-bolehnya Rang Undang-undang Selesa. Agar bukan hanya dia memberi sistem sokongan kepada jawatankuasa sebahagian yang aktif dengan JFC yang bertambah dengan pemantauan yang kita akan lakukan di peringkat PBT, peringkat Pejabat Tanah dan Daerah GLC tetapi dia juga menyemarakkan satu konsep demokrasi yang memperkasakan. Di mana perkara terkandung dalam Rang Undang-undang selesa adalah tentang mewujudkan Suruhanjaya Dewan. Di mana dengan Suruhanjaya Dewan terdapat di situ peranan Ketua

Pembangkang. Jadi hala tuju Dewan telah ditentukan pada dasarnya oleh Suruhanjaya Dewan ini sekali lagi memperkasakan Pembangkang demokrasi Selangor Ketua Pembangkang duduk bersama-sama dengan Menteri Besar dalam merangka dengan dipengerusikan oleh Tuan Speaker dalam merangka dasar perjalanan badan perundangan tertinggi di Selangor. Dan sekali lagi dasar yang penting adalah apabila perkara ini diwujudkan *supervision power* ada peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan negeri. Dewan meluluskan bajet tahunan dan Dewan berhak memberikan peruntukan secukupnya agar Dewan dapat berjalan dengan baik *instrument* berjalan dengan baik, sistem sokongan berjalan dengan sempurna dan saya menyeru meminta jasa baik Kerajaan untuk merangka perkara ini sempena membentangkan bajet 2011 dan minggu depan juga diadakan satu dialog bajet diambil kira tentang semangat kita mahu merintis demokrasi tulen Negeri Selangor bukan hanya di peringkat GLC tetapi kemudian kita meredah terus mewujudkan satu sistem *supervision power* di peringkat Dewan dengan meluluskan Rang Undang-undang Selesa. Dengan ini saya menyokong usul yang dikemukakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Mungkin Sg. Burong kemudian ya. Kajian ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dengan usul sebelum berundur sebagai Pengerusi PAC. Tuan Speaker kerajaan mengucapkan terima kasih kepada Dewan dan juga rakan-rakan dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam PAC dan juga Jabatan-jabatan, Setiausaha Dewan yang telah memberi sokongan dan peluang dengan kerjasama selama 2 tahun ini. Tuan Speaker sepanjang 2 tahun ini 2008 dan 2009 PAC telah meneliti dan menyiasat laporan Ketua Audit Negara bagi 2006 dan 2007 yang merupakan penemuan kelemahan-kelemahan dan salah guna wang kerajaan sewaktu pentadbiran pada 2006 dan 2007 iaitu di bawah Barisan Nasional maka PAC yang dipengerusikan oleh pihak kerajaan memang wajar pemeriksaan ini ke atas laporan Ketua Audit tahun 2006 dan 2007. Dan apabila tibanya tahun laporan Ketua Audit tahun 2008 di mana di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat dilantik pengerusi yang baru kepada pembangkang memanglah wajar dan merupakan amanah negara-negara Komanwel yang memang sesuai dengan *check and balance*. kita harus diingatkan juga Dewan yang melantik Jawatankuasa PAC iaitu amanah diberi. Dan ahli-ahli dalam PAC tidak seharusnya mempunyai perasaan atau *sentimen* kepartian politik. Kita harus duduk di dalam Jawatankuasa ini sebagai seorang wakil rakyat yang mewakili rakyat, yang dimandatkan dan untuk memantau dan juga memeriksa kerajaan dan perjalanan kerajaan waktu menjalankan tugas dalam Jawatankuasa. Jadi masalah-masalah beberapa perwakilan tidak menjadi satu masalah yang besar sangat. Dan dalam pengalaman sebagai pengerusi PAC 2 tahun ini kita memang mendapati Sg. Burong menunjukkan minat dan komitmen yang cukup baik. Tetapi kita nampak juga wakil daripada pihak Pembangkang yang duduk dalam PAC dan juga dalam Jawatankuasa Pemilihan Khas yang lain juga menunjukkan komitmen yang memuaskan. Tapi Sg. Burong saya mengucapkan syabas dan terima kasih yang selama ini telah menunjukkan minat dan pelibatan yang baik. Bagi usul yang kita bentangkan ini kita harus melihat dari segi bukan sahaja untuk memuji kerajaan Pakatan Rakyat, bukannya Pakatan Rakyat ini berjiwa besar, tapi kita harus melihat dari segi kita melihat hanya diberi mandat oleh rakyat. Rakyat ini memberi mandat kepada Pakatan Rakyat untuk menerajui Kerajaan Negeri Selangor. Dan Pakatan Rakyat harus menunaikan mandat ini melalui baik sistem Dewan, baik di dalam Kerajaan. Jadi pelantikan Pengerusi daripada pihak Pembangkang merupakan satu langkah demokrasikan Parlimen kita dan Dewan kita. Dan kita mengharap di Dewan Rakyat atau di Parlimen kita haruskan amalkan sebegini supaya mandat yang diberi kepada wakil-wakil di Parlimen dan Dewan memang ditunaikan melalui amalan-amalan seperti kita usulkan di Dewan ini. Jadi sekali lagi di kesempatan di Dewan ini berdoa bersama-sama semoga usaha reform di Selangor ini dapat menjayakan mengujarkan negeri-

negeri lain dan di Parlimen semoga landskap politik di negara kita akan berubah akan memperkasakan rakyat . Sekian sahaja Kajang menyokong usul.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga sila menggulung.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker . Sebelum saya membuat penggulungan

**TUAN SPEAKER** : Suntuk. Saya sudah bagi 7, 8 orang berucap dah. Cukuplah untuk usul pelantikan yang pendek ini

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker pertama ada dua perkara yang saya mohonlah...mohon jasa baik Tuan Speaker. Pertama saya yang hendak dilantik, yang keduanya setiap kali saya berada di sini bangun selalulah soal jawab oleh sebab kedudukan kerusi ini selalu tertinggal ini jadi saya.....

**TUAN SPEAKER** : Tadi saya tunggu lama 2 , 3 minit tiada bangun-bangun pun...

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya

**TUAN SPEAKER** : Tuan Speaker bila tak bangun-bangun. Bila hendak bangun Tuan Speaker tak nampak salahkan Speaker. Tapi bila Speaker tunggu-tunggu tak menyalut pun

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya bangun tadi. Tapi Speaker tak panggil

**TUAN SPEAKER** : Dengar...Tapi saya rasa apa yang disampaikan oleh Ketua Pembangkang itu cukuplah... Bukan saya tidak beri peluang tapi kita kena jaga masa. Dan saya telah beri sampai 7 orang dan masa telah suntuk

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker saya beri tahu kepada pembangkang. Kalau saya tidak diberi peluang bercakap

**TUAN SPEAKER** : Sepatutnya Sg. Burong tadi pagi-pagi dah bangun dulu. Saya bagi sebab yang akan dilantik notis telah diberikan dari hari pertama kita bermesyuarat. Dari hari Isnin kita telah beri notis ini. Tak apalah kalau itu saya minta singkatkan

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya ringkaskan saja. Terima kasih banyak Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sg. Burong ucapan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas usul ini. Pertama sekali saya ingin beritahu bahawa saya terperanjat jugalah tak sangka duduk sebagai Jawatankuasa PAC kemudian itu dilantik pula sebagai Pengurus. Saya ingat hasrat Kerajaan Pakatan Rakyat untuk keterbukaan ini satu perkara tidak pernah terjadi lagi di Malaysia ini. Dari segi nawaitu memang saya lihat ini satu perubahan yang baik. Tapi saya lihat memang seronok juga tapi lama-lama apabila saya tengok perbahasan ahli-ahli dewan yang berbincang seperti Sekinchan nampak macam bermotifkan politik. Ada beberapa prinsip yang saya lihat dalam usul pelantikan ini. Pertama ialah prinsip yang saya lihat dalam usul pelantikan ini. Pertama ialah prinsip keikhlasan. Kalau betul-betul nak buat satu perubahan kita hendaklah melihat satu perubahan yang sebenar. Kalau kita nak melantik berasaskan demokrasi hendaklah ia dilihat sebagai pelantikan demokrasi yang berkesan.

Kalau hendak menjadikan PAC yang mantap dengan penglibatan pembangkang sebagai *check and balance* maka ia hendaklah dilihat sebagai berkesan. Untuk berkesan saya ingat tadi Sg. Panjang telah bangkitkan. Maknanya kita kena ada satu pasukan yang melibatkan lebih ramai pembangkang dalam keanggotaan PAC. Kalau saya sahaja seorang menjadi Pengerusi PAC sedangkan majoriti ahli terdiri anggota Kerajaan nati saya dianggap *lipservice* sahaja. Yang kedua sebenarnya saya duduk sebagai anggota PAC bersama rakan saya Kajang, saya lihat Kajang sebagai Pengerusi PAC telah meneraju PAC dengan baik. Tetapi kenapa tiba-tiba hari ini digugurkan. Jadi atas prinsip apa ? Janganlah main tukar-tukar sahaja. Adakah agaknya ini memang budaya amalan Pakatan Rakyat. Dulu Kepimpinan YAB Menteri Besar diberi kuasa mengetuai Politik dan Pentadbiran Negeri. Hari ini ditukar pula dengan berbagai alasannya. Alasan macam-macamlah untuk dikukuhkan lagi dan sebagainya. Kenapa tak buat pada 2008 dulu lagi. Jadi saya melihat dari segi keikhlasan, pelantikan PAC ini mohon diberi kekuatan yang sama supaya ia dapat menjalankan proses yang berkesan. Insya-Allah saya bersetuju, kalau Teratai perlu turut bersama PAC saya pun akan bersama dalam PAC sebagai anggota di bawah PAC pimpinan Kajang sebagai Pengerusinya dalam pentadbiran PAC ini. Dengan itu saya sendiri rasakan sepatutnya *continuelah* dengan Kajang sebagai Pengerusi PAC. Sebab sekarang pun PAC telah menjalankan tugas dengan elok dan baik. Jadi atas dasar itu kalau dari segi keikhlasan kalau saya terima saya tak ikhlas pada diri saya. Jadi kalau saya tidak terima saya lebih ikhlas

**TUAN SPEAKER :** Cakap tadi setuju. Kajang setuju

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya setuju tapi dia baik. Berjalan dengan baik  
Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Kenapa Sg. Burong mengatakan Kajang tidak ikhlas.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya

**TUAN SPEAKER :** Adakah Y.B. kata Kajang tidak ikhlas

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Kajang ikhlas, tapi

**TUAN SPEAKER :** Kalau Y.B. bersetuju Kajang tadi ikhlas jangan putar belit kenyataan dia, jangan belit keikhlasannya. Itu yang saya tidak suka. Saya telah beritahu Y.B. tadi. Saya telah menjadi Pembangkang YB. Saya menghayati saya tahu perasaan ini jangan tipu diri sendiri. Itu sahaja. Baik teruskan. Baik Sg. Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya bersetuju kalau Kajang terus memimpin saya sebagai PAC biasa ini satu perjalanan yang elok. Tapi dengan alasan tadi tidak lain bukan tentang ikhlas. Tadi bila saya nampak bila hari yang ke semalam yang kedua Y.A.B Menteri Besar kata kalau hendak di buat di Negeri Selangor kenalah dibuat di Persekutuan. Kalau inilah kita buat di Negeri Selangor dulu jadi adalah motif lain yang saya lihat sebagai lebih kepada politik. Kerana itu tidak menerima Tuan Speaker. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batu Tiga sila menggulung

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membuat sedikit pembetulan saya begitu hairan kepada Sg. Panjang yang mana walaupun Ketua Pemimpin untuk UMNO Barisan Nasional Selangor tetapi tidak membuat penyelidikan. Ingin saya

nyatakan di sini bahawa Peraturan 721 di mana Ahli Jawatankuasa pilihan seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pemilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing dalam Dewan. Jadi dengan itu ingin saya nyatakan di sini bahawa jumlah dari Jawatankuasa yang telah kita tentukan ini adalah mengikut peraturan yang telah digubal semasa Barisan Nasional yang kita ikut Jawatankuasa yang sedia ada 7 orang yang mana 2nya terdiri daripada Barisan Nasional. Dan hari ini kita mengangkat supaya Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira ini dipengerusikan oleh Pembangkang. Oleh itu, nisbah yang kita tentukan ini adalah mengikut peraturan saya ingin menyatakan di sini bahawa kalau ingin meminta pun perlulah ukur baju di badan sendiri. Jangan kita memilih atau meminta benda-benda di luar yang tidak kita peroleh. Dan ingin saya ingatkan kepada Sg. Panjang supaya kita konsisten dalam ucapan kerana tadi pada mulanya macam bahawa bekas PAC Pengerusi gagal selama mempengerusikan PAC kerana ianya dipengerusikan oleh Kerajaan tapi kenapa tidak mengambil peluang ini. Bila kita mencadangkan supaya ianya dipengerusikan oleh Pembangkang boleh ambil terus dan memastikan bahawa ketelusan dan kegagalan yang telah mungkin dibuat oleh Jawatankuasa yang lepas boleh diperbaiki. Oleh itu, saya mengharapkan Sg. Panjang supaya *konsisten* kerana inilah Dewan yang mulia, Dewan yang memerlukan satu fakta dan benar-benar yang tepat bila kita nyatakan. Dan saya ingin mengharapkan bahawa Tuan Speaker sebagaimana Sg. Burong menyatakan tadi kita *konsisten* Kerajaan Pakatan Rakyat jelas dan nyata konsisten ingin membuka seluas-luasnya amalan demokrasi dan *check and balance* yang selama ini tidak pernah ditunjukkan oleh Barisan Nasional. Oleh itu tidak ada notis niat politik yang diutarakan di sini, ini adalah satu ketegasan berprinsip yang kita nyatakan bahawa kami ingin menyusulkan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira kali ini diterajui oleh Pembangkang. Dengan ini ingin sekali lagi saya nyatakan bahawa saya mohon supaya usul ini diluluskan. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Sekalian adapun masalah di depan Dewan ini ada satu usul yang berbunyi Bahawasanya menurut peraturan 68 Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini melantik Y.B. Dato' Mohd Shamsudin Bin Hj. Lias Ahli Dewan Sg. Burong menjadi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan bagi menggantikan Y.B. Lee Kim Sim Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang, seterusnya mengekalkan Y.B. Lee Kim Sim menjadi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat kata setuju kata ya. Ahli-ahli Yang berhormat kata tidak setuju kata tidak. Dipersetujui. Ahli-ahli Hormat Sekalian memandangkan waktu telah sampai tengah hari maka saya tanggungkan Dewan ke 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 minit petang)**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya meneruskan aturan mesyuarat, sukacita saya mengalu-alukan rombongan daripada Kelantan yang diketuai oleh Yang Berhormat Siti Zaleha bt. Mohd. Yusof iaitu Ahli Parlimen Kawasan Rantau Panjang, Yang Berhormat Wan Zubaidah Wan Ubaidah Umar, Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Puan Rohaini Ibrahim ADUN Tanjung Mas dan rombongan beliau. Dialu-alukan. Aturan mesyuarat.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul-usulnya usul nombor 7 tahun 2010 usul di bawah peraturan tetap nombor 26 oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**ii) Usul No. 7 tahun 2010, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang berhormat Sekinchan**

“ Bahwasanya Dewan yang mulia ini, mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap tindakan Rejim Israel yang melakukan keganasan terhadap kumpulan sukarelawan pelbagai negara yang menghantar misi bantuan kemanusiaan ke Gaza “

**TUAN SPEAKER** : Silakan Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bahwasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap tindakan rejim Israel yang melakukan keganasan terhadap kumpulan sukarelawan berbagai Negara yang menghantar misi bantuan kemanusiaan ke Ghaza. Tuan Speaker, kita sedia maklum insiden keganasan tentera Israel menyerang kapal bantuan misi keamanan kemanusiaan ke Ghaza yang menyaksikan bagaimana kekejaman dan kebiadaban rejim Yahudi yang menyerang sukarelawan yang tidak berdosa dan tidak bersenjata. Seluruh dunia dan umat manusia yang cintakan wajib bangkit mengutuk sekeras-kerasnya terhadap keganasan tersebut. Yahudi sekemin mengganas saban hari tidak kira siang atau malam kita dengar berita keganasan Israel yang melakukan pembunuhan dan serangan terhadap rakyat jelata di bumi Palestin tidak kira lelaki dan wanita, yang tua hatta yang muda atau ibu-ibu atau anak-anak kecil yang tidak berdosa. Mereka membunuh umat Islam di bumi Palestin sejak dulu, kini dan kita harus berusaha dengan kekuatan yang ada untuk menghalang keadaan ini daripada berterusan selama-lamanya. Dalam Dewan yang mulia ini saya sebagai seorang yang bukan Islam rasa terpanggil untuk membawa usul ini supaya disokong dan dibahaskan oleh semua rakan-rakan Ahli Dewan Pakatan Rakyat termasuk teman dari pihak Pembangkang untuk diluluskan supaya kita sama-sama dapat berpaktat nyatakan hasrat dan pendirian tegas kita terhadap keganasan dan bantahan keras terhadap perbuatan zalim dan tidak berperikemanusiaan itu. Tuan Speaker, walaupun baru-baru ini Parlimen Malaysia juga telah meluluskan usul yang sama mengutuk kekejaman dan keganasan rejim Israel, namun saya merasakan ianya masih tidak cukup, menyeluruh kerana dalam usul tersebut tidak dinyatakan pendirian tegas Kerajaan Malaysia terhadap campur tangan dan sikap *double standard* pentadbiran Amerika Syarikat dalam isu ini. Sudah tentu kita bersetuju sekiranya tanpa penglibatan Amerika Syarikat enggak mungkin rejim Israel berani bertindak ganas dan zalim

sebegini rupa tanpa menghiraukan bantahan-bantahan keras dari masyarakat antarabangsa. Perkembangan mutakhir ini juga tidak menunjukkan sebarang reaksi yang positif dari pihak rejim Israel. Oleh yang demikian saya merasakan perlu dilakukan beberapa tindakan drastik termasuk memboikot barang keluaran dari rejim Israel sebagaimana yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan NGO. Di samping itu saya ingin mempersoalkan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap isu Palestin kerana sehingga sekarang ini Malaysia masih mengambil pendirian yang hipokrit iaitu tidak mengiktiraf Kerajaan HAMAS yang diangkat oleh rakyat mereka menerusi pilihanraya tahun 2006. Sebaliknya kita mengikut telunjuk kuasa besar Amerika Syarikat yang mengiktiraf kumpulan yang kalah iaitu Fatah, bukankah ini pelik dan ajaib namanya. Walau bagaimanapun Tuan Speaker, sekiranya kita imbas kembali perkembangan di tanah air kita, memang tidak pelik UMNO dan Barisan Nasional bersikap hipokrit sedemikian kerana insiden rampasan kuasa secara haram yang berlaku di Negeri Perak masih segar dalam ingatan kita di mana pada ketika itu sebuah kerajaan rakyat yang sah menang dalam pilihanraya umum secara demokrasi telah dirampas oleh Perdana Menteri satu Malaysia menerusi pendekatan ala lanun justeru itu tidak hairanlah kenapa sokong mereka ini sokong dan isytihar kerajaan yang tidak dipilih oleh rakyat iaitu Kerajaan Fatah di Palestin. Tuan Speaker, dalam isu keganasan rejim Israel ini kita nampak dengan jelas sikap hipokrit UMNO dan Barisan Nasional, pemuda-pemuda mereka kononnya turun berdemokrasi bersama rakyat ke hulu hilir kampung dan sekali gus memberitahu rakyat bahawa mereka ini terlalu serius dan tegas mengutuk kekejaman Israel. Akan tetapi pada masa yang sama Kerajaan Malaysia telah melakukan dosa besar dengan secara terbuka mengupah penasihat 1 Malaysia iaitu syarikat *proxy* kepada *Israel Apco Worldwide*. Persoalannya kenapa kita harus menggunakan khidmat nasihat daripada syarikat tersebut dengan membayar Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Tujuh Juta. Lebih parah lagi saya difahamkan bahawa kontrak Syarikat Apco yang menjadi *proxy* kepada ISRAEL ini telah disambung walaupun bantahan demi bantahan rakyat kitaran hari kian memuncak, namun UMNO tetap UMNO tidak mahu menghiraukan sebarang protes dan kemarahan rakyat. Tuan Speaker dalam konteks ini saya merasa marah dan kesal dengan sikap Kerajaan 1 Malaysia yang menggunakan wang para pembayar cukai untuk membiayai syarikat *proxy* Israel seolah-olah kita...

**YB TUAN WONG KOON MUN :** Tuan Speaker, ini peraturan tiga puluh enam, yang ini tidak ada kena mengena dengan...

**TUAN SPEAKER :** Nanti, nanti dulu, cara-cara bukan begini, Yang Berhormat, Yang Berhormat membangkitkan peraturan tetap, peraturan tetap yang mana?

**YB TUAN WONG KOON MUN :** Peraturan tiga puluh satu.

**TUAN SPEAKER :** Peraturan tiga puluh satu?

**YB TUAN WONG KOON MUN :** Peraturan tiga puluh enam satu.

**TUAN SPEAKER :** Tiga puluh enam satu ya.

**YB TUAN WONG KOON MUN :** Ya, seseorang ahli hendaklah mengehadkan percakapan. Tadi oleh kerana usul ini berkenaan kemanusiaan ke Gaza mengapa wang Malaysia disebut-sebutkan?

**TUAN SPEAKER :** Ya, boleh jelaskan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya sebutkan wang Malaysia ini sebab kita menggunakan khidmat nasihat proxy syarikat ISRAEL yang ada proxy syarikat ISRAEL. Jadi ia ada kaitan, jadi saya ini ada relevan, di Parlimen pun dia tidak nafikan, jadi tidak perlu Kuala Kubu nak cuba jadi hero di sini, tidak perlu. Semalam pergi mana ponteng di sini pergi mana pergi tengok pasir, ponteng di Dewan. Yang mana lebih penting, Dewan lebih penting tapi dia ponteng pergi tengok pasir.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kuala Kubu Baru saya rasa bantahan itu tidak dapat saya terima sebab ia memang relevan ya.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Tapi ayat jangan gunakan hero, hero. Itu bantahan pasir pun kepentingan rakyat ya. Baik terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih rakan saya dari Kuala Kubu Baru yang prihatin dengan pasir. Mungkin dulu dia pun tauke pasir lah. Mungkin lah. Dalam konteks ini saya merasa marah dan kesal dengan sikap 1 Malaysia yang menggunakan wang pembayar cukai untuk membiayai syarikat *proxy* Isreal seolah-olah kita ini lah menyumbang wang dan menghalalkan perbuatan rejim Israel untuk membunuh rakyat Palestin dan menyerang kapal bantuan misi kemanusiaan dari berbagai Negara. Apakah ini bukan satu pengkhianatan nombor *wahed* antarabangsa dan agama. Tuan Speaker, sehubungan itu bolehlah kita sifatkan UMNO ini hipokrit malah bersekongkol dengan rejim Yahudi untuk menindas umat Islam khususnya rakyat Palestin. Saya masih teringat tarbiah daripada YAB Dato' Menteri Besar Kelantan, Tok Guru Nik Aziz di mana beliau menegaskan di dalam Islam pentingnya dalam Islam dunia dan akhirat, dosa dan pahala, halal dan haram. Saya ingin memetik ayat-ayat suci Al-Quran untuk renungan kita bersama. Yang pertama, '*Janganlah kamu cenderung kepada orang yang zalim yang mengakibatkan kamu akan disentuh oleh api neraka*' surah Hud ayat 113. Yang kedua '*Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kepada Allah dan menjadi saksi kepada keadilan dan janganlah kebencianmu kepada satu-satu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil*'. Berlaku adil lah kerana berlaku adil itu lebih dekat kepada takwa' surah al-Maidah ayat 8. Maknanya jelas di sini kita tidak boleh sekali-kali menyokong orang yang melakukan kezaliman, malah bukan sahaja menyokong, condong ataupun cenderung pun tidak boleh. Saya orang bukan Islam pun saya faham bab ini, kalau UMNO yang kononnya satu Malaysia tak faham tak tau lah. Saya mintak insaflah segera bertaubat. Maknanya dalam Islam sudah jelas memberitahu kita jangan menyokong orang yang melakukan ke ganasan dan kezaliman, malah cenderung pun enggak bisa, tidak boleh. Oleh yang demikian saya ingin mendesak kerajaan pusat agar dapat segera menamatkan segala hubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan rejim Israel. Sementara itu adalah wajib..

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Speaker, speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Mohon penjelasan boleh?

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ok lah, kalau Permatang tu saya ok.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Sekinchan yang nampak bersungguh-sungguh bersemangat. Saya ingat yang bawak PAS tapi PAS tak berani, tapi PAS tak berani, DAP yang bawak. Saya nak tanya DAP lah, Sekinchan lah ya. Tadi mengatakan zalim. Peristiwa yang berlaku di Pulau Pinang di bawah kerajaan DAP betapa zalimnya, merobohkan gerai-gerai yang secara terpilih dan juga merobohkan rumah-rumah secara terpilih melibatkan kaum-kaum tertentu, juga apa yang berlaku di Kampung Buah Pala, di mana masyarakat India dihalau keluar dari tanah mereka, itu tak zalim ke namanya. Saya mintak pandangan DAP terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih di atas apa pandangan daripada Permatang. Isu ini saya rasa saya tidak perlu jawab, itu perlu dijawab oleh Kerajaan Pulau Pinang. Memandangkan isunya telah selesai dan diterima oleh semua rakyat saya rasa selesai lah isu tersebut. Terima kasih.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Takut DAP nak jawab.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tidak, benda tu tak berkaitan. Dia kalau Israel, zalim Israel dengan benda yang melanggar undang-undang tu lain. UMNO ni dia tak faham dengan perkara ni. Dia perbezaan perbandingan pun lain...

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ghaza pun isu Dewan Negara bukan isu dalam negeri tapi kita sebut..

**YB. TUAN NG SUEE LIM** : Kita prihatin, kita prihatin. Selangor ini satu Dewan yang kita angkat disegani bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Ini Selangor Darul Ehsan..

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya pun Permatang pun prihatin masalah di Pulau Pinang, dekat daripada Ghaza, Saya pun prihatin, Permatang lebih dekat dengan Pulau Pinang, empat jam memandu.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Dah selesai, benda dah selesai. Sejak bila nak jadi hero, dah selesai dah.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Bukan hero, nak kasi selesai.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Dah lama kita selesai masalah Selangor ah. Terima kasih Permatang kerana mencelah. Tak apa bagi dia mencelah supaya kita sama-sama belajar lah. Oleh yang demikian saya ingin mendesak Kerajaan Pusat agar segera menamatkan segala hubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan rejim Israel. Sementara itu adalah wajib batalkan sebarang *contact* dan kerjasama dengan syarikat *proxy Israel Apco Worldwide*. Sekiranya tidak saya pasti rakyat akan bangkit dan rakyat akan tahu dan menolak kerajaan hipokrit Barisan Nasional pada pilihanraya umum ke 13 nanti. Insya-Allah. Akhir kata saya menyeru seluruh umat Islam dan umat manusia agar terus komited dan memberi bantuan dalam apa bentuk sekalipun kepada rakyat Palestin dan seterusnya mengambil pendirian tegas tidak sekali-kali bersekongkol dengan rejim zalim Yahudi. Ayuh marilah sama-sama kita doakan, bagi orang yang bukan Islam kita sama-sama doakan, bagi yang Islam banyakkan solat hajat untuk meminta bantuan Tuhan yang maha kuasa supaya segera memberi petunjuk dan selamatkan rakyat Palestin daripada dizalimi oleh Israel.

Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri usul ini, ingin saya sampaikan serangkap pantun parian jawa untuk renungan kita bersama dengan izin saya akan *translate* sebentar lagi.

*Kembang kantil kembang konovo, gawi gasan karo embuk ngondo, Israel karo UMNO memang bodoh, apo war wo jadi koncho.* Maksudnya kembang bunga kantan, bunga kenanga, buat hiasan untuk mak janda, Israel dengan UMNO memang sama bodoh, Affo Worldwide jadi kawan, mumet, sekian terima kasih, saya mohon untuk mencadangkan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi berdiri untuk menyokong usul No. 7 Tahun 2010, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Sekinchan. Peristiwa yang membawa kepada ledakan kemarahan masyarakat dunia adalah berhubung dengan peristiwa puncak dalam mana pada 30 Mei 2010, berlaku pembunuhan terhadap pasukan kemanusiaan yang belayar menuju ke Ghaza melalui kapal yang dikenali dengan Mavi Malmara dalam mana yang menjadi mangsa ialah 9 orang ahli sukarelawan daripada Turki. Dalam kapal itu termuat lebih kurang 700 orang ahli dan termasuk di bawahnya ialah 12 sukarelawan dari Malaysia di samping kemudiannya sebuah kapal lagi iaitu kapal *Rachel Corrie* yang juga menuju ke Ghaza yang terdiri daripada 6 orang sukarelawan dari Malaysia. Jadi peristiwa pembunuhan ini telah membangkit kemarahan dan rasa kemanusiaan mengatasi rasa keagamaan bangsa dan geografi dalam mana rakyat dari berbagai-bagi bangsa keturunan di dunia ini seperti dari Malaysia, Greek, Sweden, Switzerland dan sebagainya telah bergerak menuju ke Ghaza melalui kapal-kapal yang tersebut tadi untuk menyampaikan bantuan. Tetapi sebagaimana kita maklum, kalau kita orang Malaysia rasanya tidak sampai hati, nak sekat pun mungkin tidak mungkin tetap ini sampai hati dia membunuh misi kemanusiaan yang dengan tujuan baik untuk menghantarkan makanan dan berbagai-bagi bantuan yang lain lagi ke Ghaza. Ini tidak lain daripada sebenarnya polisi kerajaan Zionis Israel yang memang mendapat sokongan daripada barat seperti Amerika, Britain dan French dalam mengukuhkan kedudukan Zionis Israel itu sendiri bahkan mereka yang sebenarnya yang menjadikan Negara Israel sejak 1948 dan diperkuuhkan lagi melalui penawanan tanah-tanah yang dimiliki oleh rakyat Palestin yang asal. Dan akhirnya mereka ini dizalimi dengan dipecahkan kawasan sempadan Baitulmuqaddis dengan HAMAS dalam mana HAMAS telah terpisah daripada kawasan Baitulmuqaddis di mana di sini adalah penduduk sebanyak 1.5 juta. Mereka ini merupakan manusia yang terpenjara, terpenjara secara terbuka bukan setakat mereka ini dikepung tapi ia ditahan daripada bantuan-bantuan yang hendak disampaikan oleh masyarakat antarabangsa. Bahkan kalau kita lihat kita tidak menyangka bahawa pihak *Egypt* sendiri bersekongkol menyekat jalan-jalan bantuan yang sepatutnya dibuka untuk penduduk di HAMAS ini sendiri. Jadi dalam hal ini, sebenarnya masyarakat dunia merasa kecewa dan marah terhadap peristiwa ini.

Sebenarnya peristiwa yang berlaku pada pagi minggu 30 Mei ini, kita ada mencatatkan sebuah puisi yang berhubung dengan peristiwa ini. Saya bacakan.....

*Freedom flourtila* menyaksi kejamnya *Zionism*, pada pagi minggu 30 Mei 2010 itu, Mavi Malmara membongkar sauhnya, bergerak beraspirasi *freedom flourtila*, dari Pelabuhan Angkara ke Gaza Dermaga, sarat membawa kemanusiaan bukan kebencian, dengan 680 aktivis bukan ketenteraan, dengan 10,000 tan bantuan bukan persenjataan, muh menagih simpati kepada 1.5 juta penghuni, 3 tahun berterusan mereka dalam kepungan, oleh Israel yang ganas tanpa kemanusiaan, oleh yang hasad menutup tali hayat, hari ini benteng itu muh dipecah lalu, semata-mata untuk ke dermaga, memunggah bantuan melimpah kasih sayang, tiba-tiba di tengah pelayaran, menyongsong arus kemanusiaan, masih dalam sempadan antarabangsa,

Mavi Malmara didekati kapal curiga, mengepungnya bot-bot menerpa, pagi muram langit menghitam, helikopter memuntah Yahudi komando, luar jangkaan pertimbangan kemanusiaan, mendarat di permukaan melakukan pembunuhan, pada yang tak bersenjata dan tidak melawan, di tengah kekalutan di luar pertimbangan, langit merah bersimbah darah, 9 terkorban berpuluhan kelukaan.

12 sukarelawan kita dari 700 peserta, turut menjadi mangsa ditawan mereka, dibawa menuju ke Ascot Pelabuhan di Hi Fi, digiring ke penjara bagi banduan, turut merasa seksanya tawanan Gaza, sesungguhnya dunia terkejut dengan kekejaman, tiada yang sanggup melakukan jenayah sekejam Yahudi yang memang kejam, berjuta kutukan dunia, meluah perasaan, di jalanan, di Kedutaan, di mana kemungkinan, Yahudi durjana di mana mereka bawa bahana, mereka adalah racun kemanusiaan, mereka adalah benih kebencian, mereka adalah punca persengketaan, memporak-perandakan dunia, hilang ketenteraman, kita yang berhimpun di sini sama mengutuk jenayah kezaliman, menyokong misi kemanusiaan, sesungguhnya tangan ganas itu perlu dipotong, kaki melangkah menjajah perlu dipasung dengan kekuatan dunia bersepadau, dengan kelantangan suara bersatu, mengatasi percaturan politik berkepentingan, sesungguhnya *freedom flourtila* adalah permulaan, diikuti *Rachel Corrie* melanjutkan perjalanan, membawa perwakilan perutusan kemanusiaan, mengetuk hati dengan kasih sayang, sesungguhnya misi-misi mesti diteruskan, merentas perjalanan membawa perutusan, melalui laut, darat, udara kemanusiaan.

Bahkan dari seluruh penjuru alam, biar keangkuhan cair oleh kemanusiaan, biar kesombongan runtuh oleh kemanusiaan, biar kezaliman terbakar oleh kemanusiaan, sesungguhnya seluruh manusia cintakan kedamaian.

Sebenarnya kita orang-orang Malaysia memang bersifat kemanusiaan, sebelum daripada itu pun di mana-mana sahaja berlaku perhimpunan dan menghimpun derma-derma yang dihantar terus ke Gaza bahkan hingga hari ini pun masih ada ertiinya himpunan-himpunan yang memungut derma-derma untuk disampaikan kepada Ghaza. Bahkan kita di Malaysia pun, sebelum berlakunya peristiwa pembunuhan itu, sudah ada usaha untuk menghantarkan misi bantuan, kebetulanlah pada tarikh 8 Mei sudah diadakan perhimpunan-perhimpunan di Masjid Negeri. Rombongan untuk ke Stadium Malawati untuk berhimpun bagi menyatakan kemarahan terhadap Israel.

Pada hari itu saya bersama mereka ini di Masjid Negeri kita. Saya sempat mencatat tentang peristiwa itu di mana rombongan itu dinamakan Viva Palestin. So, saya tersentuh dengan Viva Palestin. Viva Palestin atas nama jihad membela Palestin, dirompak hak, kita gemakan pembelaan, pada umat Palestin Allahuakbar, di anjung paling suci Masjid Negeri, Viva Palestin kami amat benci percaturan keji barat Zionis Yahudi, merampas tanah mengasing Wilayah Tebing Barat dan Ghaza, mencetus siri intifadah, menentang kekejaman sehingga syahidnya mujahid, sesi asing dan rentisi, penyerang-penyerang berani mati.

Di Tebing Barat Zionis merancang menguasai Baitulmuqaddis menyeluruh merosakkan Masjidul Al-Aqsar, merancang penempatan haram sedang rundingan dilakukan tidak lebih dari helah untuk mereka memerintah. Di Ghaza sekatan lebih kejam, terowong hayat disekat, dengan benteng besi, berkonspirasi dengan *Egypt*, menyekat bantuan dan makanan, rela melihat saudara kelaparan, menggabai desakan kemanusiaan, di mana PBB, di mana mereka yang simpati, di mana saudara seislam membela umat terancam, Viva Palestin terus berjuang, dalam kepayahan suara mu dari kepungan di dengar seluruh dunia, mengerak simpati menyahut seruan.

Sebab itu Tuan Speaker, kita berpendapat, kita harus menuntut supaya dibebaskan Ghaza dari kepungan Israel sepenuhnya. Kita juga harus menentang sebarang sekatan misi bantuan kemanusiaan ke atas Ghaza demi kerana kemanusiaan. Kita juga menuntut Mesir membuka sempadan Rafah untuk memudahkan kemasukan bantuan misi kemanusiaan. Kita juga menuntut supaya mengcam Amerika dan sekutunya yang senantiasa membela dan mempertahankan kebiadaban Israel. Kita juga mendesak PBB mengadakan sekatan dan tekanan terhadap Israel dan juga mendesak Kerajaan Malaysia tidak mengadakan sebarang hubungan secara rasmi ataupun tidak rasmi dengan Negara haram Israel dan menamatkan segala urusan dengannya. Kita juga menyokong sepenuhnya sebarang misi kemanusiaan membantu rakyat Palestin yang tertindas juga menggesa Negara-negara Arab tampil membela nasib rakyat Palestin yang tertekan lebih daripada 62 tahun. Kita juga menggesa Negara-negara OIC supaya membela dan lebih proaktif terhadap isu-isu Palestin. Kita juga mendesak supaya diwujudkan sebuah Negara Palestin yang merdeka dan diiktiraf dunia. Kita bukanlah sentimen kerana agama, tetapi sebenarnya lebih didorong oleh rasa kemanusiaan. Sebarang tindakan yang tidak berperi kemanusiaan terhadap umat Palestine dan juga Ghaza adalah juga tindakan terhadap kemanusiaan. Sebarang kelukaan dan kedukacitaan yang dialami oleh penduduk Ghaza adalah juga kelukaan dan kedukaan bagi kita sebagai umat manusia. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : macam sasterawan hari ini. Ucapan pun macam gaya sastera.

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. *Alhamdulliahirabilalamin, wassalatuwassalamuala asyrafil anbiamursalin waalaalihiwasahbi ajmain.* Salam sejahtera.

Meru bangun untuk menyokong dan membahaskan usul yang dibawa oleh Sekinchan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bumi Palestin ini sebenarnya mengikut cacatan sejarah telah berada di bawah pemerintahan Islam selama 12 kurun ataupun 1,200 tahun lamanya. Ini adalah cacatan pemerintahan terpanjang dan menyeluruh dalam sejarah Palestin. Bermula dengan pemerintahan Bani Ummaiyah selama 112 tahun diikuti dengan pemerintahan Bani Abbassiyah selama 349 tahun diikuti pula oleh pemerintahan Salahuddin Al-Ayubi selama 73 tahun dan diikuti pula dengan pemerintahan Raja Mablub dari Mesir selama 257 tahun dan akhirnya pemerintahan Usthmaniah di Turki selama 400 tahun.

Sepanjang 12 kurun di bawah pemerintahan Islam bumi Palestin menikmati erti keadilan dan kebebasan beragama yang sebenar. Sejarah membuktikan tidak ada langsung mana-mana pemerintahan Islam yang memaksa kaum atau bangsa lain untuk memeluk agama Islam ketika itu. Ini bertepatan dengan ajaran suci Al-Quranulkarim di surat Al-Baqarah Ayat 256 yang berbunyi dengan izin *Bismillahirrahmanirrahim Laikhrafiddin qattabaiyarushminalghaib kamayatulbilthogut wayukminbillah tokabisthambillah aurakhilyustholanfishomalah wallahu samiu alim* yang bermaksud tidak ada paksaan dalam pengikut agama Islam, sesungguhnya telah jelas perbezaan antara jalan yang benar dan jalan yang sesat, barang siapa yang ingkar kepada yang thogut dan beriman dengan Allah maka sesungguhnya dia telah berpegang teguh dengan tali yang sangat kuat dan tidak akan putus. Allah Maha mendengar dan lagi maha mengetahui. Walau bagaimanapun pada tanggal 2 November 1917 Lord Urthur James Balthon

Setiausaha Luar Negara Britain ketika itu telah melakarkan deklarasi yang Balthon telah sewenang-wenangnya memberi kebenaran kepada kaum Yahudi untuk mendiami Bumi Palestin. Sedangkan Kaum Yahudi adalah kaum pendatang di Bumi Palestin. Dari tarikh itulah bermulanya konflik pertelingkahan dan berdarah berterusan di antara bangsa Arab dan bangsa. Yahudi konon untuk menyelesaikan pertelingkahan berdarah itu, pihak PBB Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu telah meluluskan resolusi 181 yang telah membahagikan bumi Palestin kepada 2 bahagian. Bahagian pertama Negara untuk orang Arab sebagai penduduk asal bumi Palestin dan bahagian kedua untuk orang Yahudi yang merupakan kaum pendatang di bumi Palestin. Keputusan yang cukup tidak bertamadun yang cukup kejam dan zalim ini telah diluluskan pada 29 November, 1947. akibatnya 77 % daripada Wilayah Palestin yang dirampas oleh Israel pada 1948 kini sah menjadi milik Israel apabila PLO yang dilantik sebagai wakil rakyat Palestin oleh Israel itu sendiri menerima resolusi 181 yang mengiktiraf Negara kedudukan Israel.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini kekejaman Yahudi di bumi Palestin ini memang tidak ada maafnya. Pada tahun 1948 kumpulan Pengganas Zionis Yahudi yang dikenali sebagai Hajnah telah mengganas dan membunuh rakyat Palestin di perkampungan Abu Kabir di Yarsin dan Abu Jaza. Mereka telah membunuh kesemua penduduk Abu Kabir sama ada orang tua, kaum wanita dan kanak-kanak yang cuba melarikan diri dari serangan tersebut. Meneken Degin telah membunuh 250 orang Islam di perkampungan Jerjasin 100 daripadanya adalah kamu wanita dan penduduk yang masih hidup diangkut dalam trak dan diarak di hadapan penduduk Yahudi untuk dilontar dengan batu hingga mati. Pasukan Komando Yahudi yang diketuai oleh Rohidayan menyerang perkampungan Al-Lat seramai 176 umat Islam melarikan diri ke dalam Masjid tetapi Masjid itu dikepung dan setiap dari mereka telah dibunuhan dengan kejam.

Pada 16 September tahun 1982, tiga hari berturut-turut dunia dikejutkan dengan 3000 umat Islam Palestin disembelih hidup-hidup oleh tentera Zionis Israel di bawah arahan Menteri Pertahanan Israel Ariel Sharone di Kem Pelarian Palestin Syakilah di Lebanon. Agensi Palang Merah Antarabangsa RCRC mengesah pertemuan ini. Terkini 27 Disember 2008, 3 hari sebelum Umat Islam menyambut Hijrah yang baru tentera Israel laknatullah menghujani bumi Ghaza dengan serangan-serangan bom yang membedil penempatan awam, pusat perlindungan, hospital, sekolah, masjid malah pusat Bantuan PBB sendiri yang mengakibatkan 1000 orang PBB dibunuhan dan 8000 orang cedera. Perdana Menteri Israel Ohud Elmet yang mengarahkan serangan sekejam itu dikatakan telah melepaskan 100 tan bom dan 30 peluru berpandu ke atas Ghaza.

Saya ingin bayangkan Tuan-tuan Ahli-ahli yang berhormat sekalian, rakyat Palestin hidup merempat di tanah air sendiri. Bekalan elektrik mereka dipotong, air minuman mereka diracuni dengan arsenik yang menyebabkan setakat ini terdapat 30 kes kanser ataupun barah di Ghaza dalam tempoh sebulan. Hidup dalam keadaan cukup daif dalam ketakutan dan ditindas oleh tentera Zionis yang cukup zalim ini. Ketika seluruh dunia semua mengutuk berdemo dan memboikot barang-barang Israel amat mendukacita dan memalukan apabila UMNO dan Barisan Nasional membelanjakan RM77 juta kepada April World Wide sebuah firma Israel antara lain supaya dapat meneruskan pertemuan dengan Barak Obama. Tuan-tuan, Kerajaan Malaysia dengan beraninya telah menjemput Dr. Qhardawi seorang Ulama yang dilabelkan sebagai ekstremis. Dia dijemput oleh Kerajaan Malaysia dan diberi tokoh Maal Hijrah untuk tahun ini di Malaysia. Alhamdulillah, tetapi kita kena ingat apa pesan Dr. Qhardawi tokoh Maal Hijrah ini yang kita telah panggil dan dia bersyarah di Masjid Shah Alam dan Masjid Kuala Lumpur, antara lain Dr. Qhardawi mengingatkan kita, semua orang Islam, umat Islam Khususnya supaya lepaskan bumi Gaza ini dari cengkaman orang-orang Yahudi dan beliau mengingatkan kita satu dua perkara pertamanya kerana di situlah

duduknya Masjid Al- Asar kiblat yang pertama orang Islam sebelum dipindah ke Baitullahllham di Mekah.

Yang kedua Masjid Al-Aqsar dalam Al- Quran Nul Qarim dalam peristiwa Isra' Mikraj yang tidak perlu saya bacakan ayatnya. Tuan-tuan semua orang faham tentang peristiwa Isra' Mikraj ini.

Yang ketiganya apa yang penting yang perlu kita ingat dipesan oleh Dr. Qhardawi dia mengatakan bahawa sepertimana disebut oleh Sekinchan tadi kita kena ingat tuan-tuan kita hidup di dunia ini tak lama. Semua kita akan mati. Sama ada tuan-tuan Barisan Nasional mati dulu lepas itu saya akan ikut ataupun saya mati kemudian tuan-tuan mati dulu. Nak cerita bahawa kita akan ditanya di akhirat. Dr. Qhardawi mengatakan bahawa kehebatan Al-Quran itu Al-Quran menceritakan kepada kita apa yang berlaku yang dah lepas dan sekarang dan akan dating dan apa yang berlaku di akhirat Quran dan cerita dengan jelas. “.....” janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim tak pasal-pasal kamu akan disambar oleh api neraka jahanam. Kalau cenderung pun Allah larang, apa lagi menyokong melantik sebagai penasihat malah menggunakan duit rakyat untuk membayar kepada sebuah firma Zionis yang begitu kejam tuan-tuan.

Saya ingatkan tuan-tuan dan puan-puan, alhamdulillah saya rasa walau kalau ada orang lain tetapi sayalah antara orang yang pernah menjajak bumi Ghaza dan Januari tahun lepas 2009 dengan amanah yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juga Duli Yang Maha Mulia Sultan alhamdulillah Yayasan Amal Malaysia kita telah pun telah pergi ke Ghaza daripada Mesir ambil masa lebih kurang 6 jam daripada Cairo untuk sampai. Alhamdulillahlah dapat menjajakan kaki ke Ghaza walaupun tak lama 2 hari. Namun saya nak beritahu setakat ini kita dah *spend* dekat RM2 juta yang saya ada rekod yang *full* rekod di mana kita dah buat 4 tiub welth dan 4 perigi untuk korek dan mendapatkan air yang jernih sebab kalau kita buka paip sekarang di Ghaza kita minum kemungkinan kita akan kena kanser sebab arsenik dan fosforos disampaikan. Kemudian 2 bakeries kita dah buat alhamdulillah, 2 kilang roti kita telah bina dengan duit RM2 juta itu dan kini minggu lepas kita dapat e-mail dan juga gambar di mana 5 ribu peralatan sekolah termasuk beg-beg sekolah kita telah sampaikan kepada penduduk di Ghaza, dan terbaru tuan-tuan dengan kerja sama SIRIM dan USM kami Yayasan Amal Malaysia kita nak cuba buat *wheel Chairs*. Untuk pengetahuan tuan *wheel Chairs* tak boleh dibawa seperti *wheel Chairs* yang sekarang ini. Sebab asalkan besi tidak dibenarkan masuk. Kita cuba nak buat *wheel Chairs* daripada *fiber glass*. Ini dibenarkan masuk yang *comfortable* dan insya-Allah dengan SIRIM dan USM kita dah pun membuat anggota-anggota kaki palsu bagi mereka yang kehilangan kaki dan tangan untuk penduduk-penduduk Ghaza, dan alhamdulillah seperti mana yang saya katakan tadi itu trip yang pertama .tetapi apabila saya pergi trip yang kedua tuan-tuan, Israel telah menipu dunia ini saya pergi 13hb. baru-baru ini tidak dapat masuk lagi ke Ghaza ini.

Amat susah 10 kali susah daripada apabila saya hendak masuk pada tahun lepas. Sebab dulu kalau kita cukup surat kebenaran sifarah atau Kedutaan Malaysia dan juga surat daripada Arab American Union senang kita tunjuk kepada 20 sekatan sementara kita hendak sampai ke Ghaza kita boleh lepas. Sekarang kalau kita bawa surat Sifarah dikoyak depan kita. Sekarang ni dia hendak 5 surat yang diterima cuma surat URWNA. Sekarang ni kalau kita bawa duit, duit pun dirampas. Ini yang telah saya sampaikan kepada Wisma Putra. Saya dah bentangkan di Wisma Putra.

Saya ingatkan lagi sedikit saya hendak tambah sebelum saya akhiri ucapan saya ini, untuk pengetahuan yang berhormat sekalian, kalau kita buka kitab Talmud. Kitab Talmud ialah kitab baru yang sebenarnya Yahudi ortodoks menolak kitab Taurat dan mereka berpegang kuat pada

kitab Talmud. Dalam kitab Talmud ini semua manusia yang bukan Yahudi termasuk orang Melayu, Jawa, Cina, India semua ini, disebut sebagai Go yim. Saya hendak ambil sedikit sedutan-sedutan kitab Talmud ini. Kalau Yang Berhormat tahu kitab Talmud dibuka bab Qadrin bab 57, mereka mengatakan anak perempuan orang Goyim sama dengan najis sejak lahir lagi. Bab Goyim 57 b, jika seorang Yahudi membunuh Goyim atau kafir maka dia tidak akan dikenakan hukuman dan apa sahaja yang dicuri orang Yahudi daripada orang Goyim tidak perlu dikembalikan kepadanya.

Akhir sekali mereka berkata kepadanya sepotong kelingking Yahudi lebih bernilai daripada sejuta nyawa orang Arab. Ini tidak pernah dikata oleh mana-mana kitab sama ada kitab Al-Quran, sama ada dalam Bible, sama ada orang India *bagedeld kidel korikirel rayamanas*. Kitab Buddha kitab Sutras. Walau macam itu, Yahudi nak beritahu orang Yahudi cukup muliakan bangsanya. Dan tidak mensia-siakan bangsanya sendiri.

Malangnya di Malaysia Rakyat Kelantan 99 % Bumiputera berbangsa Melayu dan berbangsa Melayu dan beragama Islam tetapi ditindas dan ditolak royalti UMNO dan Barisan Nasional hanya kerana mereka memilih parti Islam dalam Pilihan raya. Siapakah yang lebih angkuh, sompong dan zalim dan menjadi pengkhianat kepada bangsa sendiri. UMNO atau Yahudi. Jawab di Akhirat. UMNO menghalau orang-orang Melayu di Kg. Bentong Tengah, Johor Baharu 60 buah rumah ditolak. Walaupun penduduk telah mendiaminya selama 30 tahun dan mereka yang penghuni tegar dan 100 % penyokong kuat UMNO. Akhirnya apa yang disebut oleh Sekinchan bahawa dalam sandiwara kononnya menyokong perjuangan penduduk Ghaza kerajaan Malaysia sendiri hari ini belum lagi menghormati dan menyantuni kehendak penduduk Ghaza. Apabila sampai ke hari ini belum lagi yang telah memenangi Pilihan raya secara sah di bumi Ghaza tahun 2006. HAMAS telah ditubuhkan pada 8 Disember 1987 serentak dengan tercetusnya Intifadah Palestin yang pertama. Antara tokoh Pemimpin HAMAS yang telah memimpin HAMAS ialah Sheikh Muhammad Yassin, Dr. Abdul Aziz Al Ramtisi, Sheikh Sala Shahadah dan Abdul Fatah Duhon yang kesemuanya telah mati Syahid yang memperjuangkan bumi Ambiya' .

Meru berharap jangan ada pemimpin Pakatan Rakyat khususnya dan rakyat Malaysia amnya yang tertipi dan terperangkap dengan dakyah Media Barat Zionis dan Zionis Amerika yang melabelkan HAMMAS sebagai kumpulan Ekstremis atau pelampau atau *terror list*.

Meru memohon Kerajaan Negeri Selangor akan mengeluarkan kenyataan dan mengiktiraf Kerajaan HAMMAS sebagai Kerajaan Rasmi yang memerintah bumi Ghaza setelah mereka mengambil bahagian dalam Pilihanraya dipilih oleh penduduk Ghaza yang terdiri daripada orang Islam dan orang Kristian.

Persoalan terakhir Meru dan bertanya kepada Yang Amat Berhormat sekalian, mengapakah peristiwa pembunuhan di kapal Mavi Malmara oleh Bangi tadi yang melibat 12 orang dibunuh setelah menyebabkan satu fenomena kebangkitan manusia yang begitu menakjubkan yang melintasi warna kulit, perbezaan-perbezaan agama tidak lain tak bukan tindakan yang diambil adalah tindakan bersepada NGO-NGO yang terlibat dalam *freedom Syakilah* dan *life - Ghaza* Palestin adalah terdiri dari pelbagai latar belakang agama dan bangsa.

Bukan semata-mata orang Islam sahaja yang berada di kapal Mavi Malmara tetapi ramai pemimpin dari 30 negara Eropah beragama Kristian termasuk juga orang-orang Yahudi yang turut bersama menentang tindakan zalim Zionis Yahudi ke atas penduduk Gaza. Sekian dari Meru.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kuala Kubu Ingin mengambil bahagian perbahasan Usul tentang tentera Israel Zionis terhadap sukarelawan Kemanusiaan Gaza. Pertamanya kami dari Barisan Nasional ADUN-ADUN dari Barisan Nasional Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sukarelawan yang tersalah misi menyampaikan bekalan kemanusiaan kapal *freedom* kepada penduduk-penduduk Genting Ghaza di Palestin menawar 2 Misi kapal. Paling utama kami juga berkongsi perasaan marah, geram dan juga benci terhadap rejim Zionis Israel kerana tindakan melulu komandonya menyerang dan menawan kapal sehingga membunuh sukarelawan yang tidak bersenjata yang tidak berdosa. Kami ADUN Barisan Nasional Selangor mengutuk sekeras-kerasnya serangan askar Israel terhadap misi kemanusiaan di Ghaza mengutuk sekeras-kerasnya kepungan kepada mereka terhadap penduduk Ghaza dan mengutuk sekeras-kerasnya penduduk serta pencerobohan pihak Israel terhadap tanah penduduk Palestin selama ini. Untuk itu kami menyokong penuh dan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 8 hari bulan Jun yang lalu iaitu mengutuk serangan kejam tentera rejim Zionis Israel ke atas konvoi kapal *Freedom Frotina* yang membawa bantuan kemanusiaan ke Ghaza dengan mengemukakan lima belas ketepatan. Tujuh daripada lima belas ketepatan tersebut ialah:

- 1) mengutuk sekeras-keras serangan tentera rejim zionis di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu ke atas kapal misi bantuan kemanusiaan ke Ghaza yang telah mengakibatkan kehilangan banyak nyawa dan kecederaan kepada orang awam.
- 2) Mendarangkan rasa kecewa tidak terhingga tindakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kenyataan yang begitu lemah, yang begitu lemah terhadap serangan ganas rejim Zionis ke atas kapal misi bantuan tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, itu usul di Dewan Rakyat. Sudah diluluskan. Sekarang ini usul di hadapan Dewan Negeri Selangor. Dah cakap dan sentuh sudahlah. Tadi, pagi tadi saya cakap menyentuh sudah jangan mendalam. Tak perlu.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Okay, so, so, sekian sahajalah ucapan saya. Kuala Kubu, Tuan Speaker, saya menyokong usul tersebut sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih. Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih, Tuan Speaker. Pertama sekali saya ucapkan terima kasih pada Sekinchan yang membawa usul, saya ucapkan tahniah kepada beliau sebagai orang bukan Islam yang membawa usul yang melibatkan majoriti umat Islam seluruh dunia dan tahniah ini sebenarnya kita ucapkan lebih kepada kerajaan Pakatan Rakyat kerana apabila seorang ADUN bukan Islam membawa satu usul yang berkaitan dengan umat Islam ini menunjukkan bahawa kejayaan kerajaan Pakatan Rakyat yang tidak mengira kaum, agama dan berjuang untuk kesamarataan dan keadilan sejagat.

Dewan bertepuk.

Untuk maklumat Permatang, Sekinchan ada menghubungi saya sebagai ADUN Pas dan kami saya mendorangkan, ini menunjukkan Pakatan Rakyat works dengan izin di Selangor. Dan oleh

itu ah! Saya ingin menegaskan sekiranya usul ini diterima dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini maka dasar kerajaan Negeri Selangor adalah mengecam dan mengutuk kezaliman dan keganasan rejim Zionis ISRAEL di Palestin dan Ghaza. Dan ini bermakna bahawa dasar merakyatkan maklumat ini perlu dilaksanakan. Kejayaan usul yang dibawa oleh orang bukan Islam di dalam Dewan disokong dan dibahaskan oleh orang Islam menunjukkan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat perlu memakmurkan perkara ini ke seluruh kerajaan ke seluruh rakyat Negeri Selangor. Dengan itu isu Ghaza bukan hanya semata melibatkan isu Umat Islam, bukan hanya melibatkan isu agama tetapi isu keadilan, kemanusiaan yang perlu dikongsi oleh setiap lapisan masyarakat umat Islam dan bukan Islam di Negeri Selangor. Dan itu saya menggesa mengesyorkan agar melalui EXCO dan jabatan-jabatan yang tertentu di Negeri Selangor agar program-program memaklumkan membuat penerangan yang meluas di kalangan lapisan umat Islam melalui persatuan-persatuan atau pun gereja, kuil, To Kong, gudwara dan rumah-rumah ibadat yang lain dilaksanakan dengan cara teratur dan terancang. Sekiranya perlu, sokongan NGO-NGO bukan Islam maka perlu digerakkan. Keduanya oleh kerana sokongan padu yang diterima dalam isu Ghaza, Palestin dan sebagainya adalah daripada umat Islam. Melalui masjid-masjid, surau-surau, tempat-tempat ibadat umat Islam, maka sudah pasti sokongan Kerajaan Negeri terhadap NGO-NGO yang telah menyemarakkan program ini perlulah dipertingkatkan dan pernyataan sokongan ini adalah dengan memudahkan penceramah-penceramah yang didatangkan oleh NGO-NGO ini ke surau dan ke masjid tanpa memerlukan satu kawalan yang terlalu ketat. Asalkan syarat-syarat lulus maka perlu dilaksanakan. Contohnya dalam bulan Ramadhan yang akan datang ini, saya dapat maklumat ada beberapa NGO yang ingin membawa tokoh-tokoh ulama besar dari Palestin untuk datang. Tetapi di antara halangannya adalah tentang tauliah, dan tauliah sementara dan sebagainya dari pihak yang berkuasa agama negeri. Jadi, saya ingin mengesyorkan agar satu rancangan yang selaras di kalangan jabatan yang berkenaan dan NGO-NGO yang akan membawa ulama-ulama, tokoh-tokoh agama daripada Palestin dan dunia Arab datang untuk membuat penerangan di masjid-masjid diberikan pengecualian khas tentang tauliah dan dengan ini mereka akan dapat memberi penerangan dan dapat sambutan yang lebih padu daripada umat Islam seluruh Negeri Selangor. Dan selaras dengan sikap praktikal kita untuk mengajak rakyat membenci kezaliman dan keganasan Zionis Israel maka satu langkah yang sungguh-sungguh perlu ditunjukkan. Iaitu tentang pemoikotan barang. Mungkin ini boleh digerakkan oleh NGO, tetapi kerajaan boleh melakukan satu kempen. Saya ingin mengesyorkan kalaularah sekiranya kerajaan boleh mengadakan hari tanpa plastik. Maka pilihlah produk-produk yang tertentu. Mungkin boleh dicadangkan rokok. Ya! Maka diadakan kerajaan melaksanakan kempen hari tanpa rokok sebagai pilihan kita memboikot barang Israel kerana rokok di antara produk yang paling besar sumbangannya kepada mendanai keganasan Israel di Ghaza dan di Palestin. Tuan Speaker, dengan ini saya mohon untuk menyokong usul ini diluluskan. Terima kasih.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Permatang

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Tuan Speaker, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, salam satu Malaysia. Ah! Tuan Speaker. Permatang juga ingin mengambil peluang ini untuk sama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Sekinchan yang mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap tindakan rejim Israel yang melakukan keganasan terhadap sekumpulan kumpulan sukarelawan berbagai Negara yang menghantar misi bantuan kemanusiaan ke Ghaza. Saya ucap tahniah kepada Sekinchan yang membawa usul ini walau pun dalam ucapan dalam perbahasan Sekinchan tadi saya tengok yang banyak dikutuk bukannya Israel tapi Barisan

Nasional dan UMNO. Jadi, jadi saya rasa bukan nak mengajak sama-sama kutuk Israel, tapi kutuk BN dan juga kutuk UMNO. Begitu juga daripada Meru. Jadi saya rasa ini dah. Walau bagaimana pun saya ucap tahniah kepada Sekinchan yang bersungguh-sungguh dan kami juga bagi pihak Barisan Nasional ingin mengucapkan takziah ingin serta berkongsi rasa simpati kepada sembilan sukarelawan yang terkorban dalam misi kapal ...yang membawa bantuan kemanusiaan ke Ghaza. Semoga Allah merahmati roh mereka dan merestui perjuangan mereka. Tuan Speaker. Saya juga ingin berkongsi perasaan marah geram, benci terhadap rejim Zionis Israel. Kerana tindakan askarnya yang menawan dan menyerang kapal sehingga membunuh sukarelawan yang tidak bersenjata tanpa usul periksa. Kita mengutuk sekeras-kerasnya serangan tentera Israel terhadap misi kemanusiaan ke Ghaza dan menggesa agar sekatan dan kepungan terhadap mereka, terhadap penduduk Ghaza serta, serta pendudukan mereka di wilayah Palestin segera dihentikan. Sikap bongkak dan tidak berperikemanusiaan Israel ini terhadap rakyat Palestin telah menggongangkan kestabilan politik dan keamanan sejagat serta menjadikan rantau Timur Tengah selama-lamanya tidak aman dan tegang. Memetik kata-kata *Nelson Mandela* maka benarlah *Palestine is the greatest moral issue of our age*. Saya ingin menyatakan sokongan juga dengan usul yang telah dibentangkan oleh yang Amat Berhormat Perdana Menteri diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 8 Jun yang lalu iaitu mengutuk serangan kejam tentera rejim Zionis Israel ke atas konvoi kapal Freedom Flotela yang membawa bantuan kemanusiaan ke Ghaza dengan mengemukakan lima belas ketetapan. Tuan Speaker. Dalam kehebatan hujah yang diberikan oleh Sekinchan tadi, yang menuduh UMNO dan Barisan Nasional berarak, berhimpun dan juga melakukan demonstrasi mengutuk kejam kekejaman ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa ketika kita hebat mengecam dan mengutuk soal Zionis dan Israel ini sebagai satu ancaman global dan di Timur Tengah kita dikejutkan dengan pendedahan bahawa seorang manusia bernama Anwar Ibrahim adalah menjadi alat kepada agensi perisikan Amerika Syarikat iaitu agensi perisikan pusat CIA.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya! Permatang, Sri Muda hendak minta penjelasan. Ya! Sila.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ini celah ke, hendak memberi penjelasan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Ya!, ini hendak beri penjelasan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Kalau penjelasan, saya nak cakap dulu baru boleh jelas.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Saya hendak mencelah dulu.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ya! mencelah.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih kepada Permatang. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Adun-adun daripada Pembangkang yang turut menyokong usaha ini dan pada masa yang sama kita juga menghargai usaha Kerajaan Malaysia untuk mengutuk dan juga mencela dengan keras akan kekejaman yang dilakukan oleh pihak Zionis, Yahudi ini. Tetapi saya hairan pada masa yang sama dalam keadaan mencela, mengutuk dan sebagainya itu Kerajaan Malaysia juga mengambil pendekatan untuk berbaik-baik dengan Yahudi Israel dengan melantik APCO sebagai penasihat. Jadi, apa komen dari Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Saya hairan sikitlah, dua-dua pihak saling memuji. Tapi hendak berbalah juga.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Itu seni dia, Tuan Speaker. Okey, nanti saya akan buat penjelasan sikit. Terima kasih, apa, Sri Muda. Ini juga menunjukkan bahawa Negara kita sedang menghadapi ancaman secara langsung kepada Negara kita. Ini bukan dakwaan melulu atau tuduhan tanpa asas. Ini bukan cakap kosong, atau pembohongan seperti pembohongan 16 September Sri Muda. Kenyataan bahawa Anwar Ibrahim adalah alat kepada CIA ini bukan daripada saya. Tetapi didedahkan oleh seorang penulis blog terkemuka. Di New York. Eline Manual Subkes. Saya minta maaf Tuan Speaker, kalau saya sebut tak betul.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Peraturan Tetap. Peraturan Tetap 36.1. Seseorang ahli hendaklah mengehadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Dalam hal ini Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak terlibat.

**TUAN SPEAKER** : Ya! Saya rasa juga, kalau seperti yang saya sebutlah, menyentuh sudahlah jangan mendalami.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tuan Speaker, saya tak sentuh dalam, Tepi ya.. Tak jauh Speaker, Tepi, tepi sahaja.

**TUAN SPEAKER** : Ah! Tepi ya.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker, itu Peraturan Tetap. Jadi kita minta Permatang akurlah.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya hendak buat penjelasan, tadi minta pasal APCO.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta, minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, nanti dulu, nanti dulu, nanti. Ya! Permatang, Sila, sila. Ya.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak jelaskan, tadi minta APCO kan, Okay.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Boleh minta laluan. Boleh Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sila, sila.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Terima kasih Tuan Speaker. Ini, saya nak tanya kepada sahabat saya daripada Permatang, inilah contohnya, adakah setuju dengan saya, inilah contohnya cara berpolitik Pakatan Rakyat kerana apabila kita di sini dalam Dewan membincangkan tentang isu kezaliman Israel maka kita kena tumpukan percakapan kita kepada tajuk tersebut. Tetapi apabila ADUN-ADUN khususnya daripada Sekinchan ini menyentuh tak tentu, tak tentu hala Barisan Nasional dan UMNO kononnya maka sekarang ini bila kita menyentuh sikit, belum banyak lagi, baru, kawan saya kata baru kena tepi-tepi saja dah melenting dah. Jadi, saya rasa kalau boleh bila menasihatkan orang tu tengok-tengok diri dululah cermin diri dulu. Setuju tak.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Taman Templer. Saya tak ada komenlah, Sama-sama kita boleh faham. Boleh saya teruskan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya! Sila. Sila.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : No komenlah.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima Kasih. Ah! Saya hendak teruskan. Bahawa penulis blog ini bukan asing kepada Anwar. Beliau sering berbalas-balas e-mail dengan Anwar. Ini juga melalui blognya. *Culture of the life news* dengan artikel bertajuk *CIA and mosad once Anwar Ibrahim assicinated*. Baru-baru ini telah mendedahkan bahawa Anwar Ibrahim adalah ajen dan alat yang dicipta oleh CIA. Bukan saya cakap. Ini /// Kalau semua tak puas hati boleh saman penulis ini.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Minta laluan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Mencelah ke atau nak penjelasan?

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Sama, dua-dua sekali.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Dua, dua.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Yang Berhormat Speaker. Apa yang diutarakan itu, ya kita semua baca, kita tahu, kita faham. Ya! Tetapi bukan kah penafian itu sudah pun dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan begitu juga tuduhan yang mengaitkan yang dia adalah mengupah kepada membayar kepada CNN untuk kononnya memberitahu kepada dunia yang dia tidak anti kepada Yahudi. Tetapi yang saya nak tegaskan ialah perkara-perkara ini ialah cuma *rumors* dan kalaupun dikatakan oleh penulis blog itu perkara itu sudah pun ditarik balik. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa perkara itu sudah pun ditarik balik oleh penulis yang terlibat.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Seri Muda terima kasih kerana mengingatkan perkara ini. Tapi Tuan Speaker yang menjelaskan bahawa yang membayar yang menuduh Anwar membayar CNN untuk dapatkan sesi temu bual bukanlah pemimpin UMNO, bukan pemimpin kerajaan, bukan ADUN-ADUN Barisan Nasional. Yang menuduh beliau membuat bayaran ini ialah Presiden *Tradino, Strategy dan Media Corporated Joshua Tradino*, tapi malang saya tak ada nombor *handphone* nya kalau ada boleh saya bagi pada semua untuk *contacts* betul ke tak betul.

**TUAN SPEAKER** : Baik ok dah melencongla balik

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih apa Tuan Speaker. Jadi dalam kita dalam isu *wide* saya bersetuju ah ketua pembangkang, Ketua Pakatan Rakyat bercakap dalam CF Co menuduh UMNO menggunakan agen Yahudi dan sebagainya. Tapi apabila didesak dalam Dewan Rakyat minta buktikan sampai hari ni pun ketua pembangkang gagal buktikan. Dan malahan ketua pembangkang akan di wujud jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat

**YB DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Minta laluan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ok ini saya bagi pasal biasa tak dapat ini saya bagi.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih kepada Permatang yang memberi peluang untuk Seri Setia bertanya. Jadi kalau betul tidak ada bukti yang diberikan oleh Ketua Pembangkang Parlimen dalam isu ini kenapa pendengaran Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen ditangguhkan *indefinitely* dengan izin. Kalau ada bukti saya yakin UMNO Barisan Nasional dah bawa ke hadapan tapi ditangguhkan *indefinitely*.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Seri Setia. Itulah baiknya UMNO dan Barisan Nasional di Parlimen. (Ketawa).

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Mengapa kata macam itu sebab UMNO Barisan Nasional Kerajaan Persekutuan bukan buat keputusan tak terburu-buru. Bagi peluang, bagi Ketua Pembangkang hadir sidang parlimen sampai habis, habis baru dibicarakan. Kalau nak gantung lepas tu. Ada baiknya Seri Setia.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah. Baiklah Pakatan Rakyat pun baik , Barisan Nasional baik kita teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Kita teruskan

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Sekinchan ni banyak buruk sangka

**TUAN SPEAKER** : Kita teruskan. Balik pada pokok, balik pada pokok.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ok Tuan Speaker saya ingin teruskan apabila Anwar Ibrahim yang juga turut serta bersama-sama dengan kita dalam satu Negara ya mengutuk, berdemonstrasi, mencerca, mengutuk Israel tiba-tiba setelah puas menghentam dan mencerca Yahudi di sini beliau dengan lekas-lekas melarikan diri ke New York dan membuat pula usaha-usaha untuk kembali mendapat keyakinan dan dokongan Yahudi. Ini yang menjadi persoalan kita. Di sini berdemonstrasi dengan kita. Dalam diam-diam ambil tiket pergi kat New York. Pergi mohon maaf cium tangan melutut kepada Yahudi dan beliau kembali untuk membuat penjelasan yang beliau bukanlah anti Yahudi, sedangkan ketika berdiri di pentas-pentas apatah ceramah di kampung- kampung termasuk di kampung saya di Permatang buat *road show* mengutuk Yahudi. Jadi saya nak tanyalah Sekinchan apa pendapatnya. Jadi sudah terang lagi bersuluh Anwar adalah manusia yang bermuka-muka. Manusia seperti ini kah yang kita sandarkan harapan untuk menjadi ketua Negara kita di masa yang akan datang dan ini kah

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ni saya nak bertanya kepada Permatang ni sekarang ni kita tahu yang Dato' Seri Anwar ni memanglah terlibat dengan Yahudi, saya nak tanya ni orang macam ni layak ke dijadikan penasihat kepada Negeri Selangor yang kita pun mengutuk orang yang bersubahat dengan Yahudi tetapi kita lantik dia sebagai penasihat kepada kerajaan Negeri Selangor.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Sungai Burong. Ya Tuan Speaker saya boleh bagi pendapat peribadi saya mungkin tak belum ini, tapi pendapat peribadi saya. Kalau-lah kita lihat dalam Negara-negara yang maju, Negara-negara yang matang seperti Amerika, England, apa ni Jepun, Korea barangkali kita boleh ambil contoh Negara-negara maju Negara-negara matang. Setiap pemimpin ada kredibiliti mereka. Ada integriti setiap apa yang mereka ucapkan sama ada dalam dewan atau di luar dewan dan mereka bertanggungjawab atas segala apa yang mereka hujahkan. Tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kalau di Negara maju pemimpin-pemimpin yang tak ada integriti yang mengeluarkan kenyataan palsu, dakwaan fitnah kalau didapati bersalah. Kita tengok di Negeri Jepun Perdana Menteri tak sampai 6 bulan Hatoyama meletakkan jawatan

**TUAN SPEAKER** : Baik Yang Berhormat daripada Ghaza kita dah pergi

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Dah jauh dah

**TUAN SPEAKER** : Amerika Syarikat sekarang pergi Jepun ke mana kita nak pergi. Tolong balik ke Shah Alam.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ok saya balik ke Shah Alam. Jadi

**TUAN SPEAKER** : Sesat pula Shah Alam.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Jadi Tuan Speaker rakan rapat Anwar ni apa ni Paul Wall juga bekas Presiden pernah berkata apa yang dilakukan oleh Anwar kenyataan anti Yahudi adalah salah. Tetapi memikirkan beliau sedang berjuang untuk dirinya serta *career politic* selepas dilabel sebagai boneka Yahudi kecuaian itu perlu diperbetulkan. Jadi saya bawa isu Anwar ini bukan kerana saya pun nak mengkritik Pakatan Rakyat tetapi kita nak menunjukkan bagaimana seorang pemimpin yang bermuka-muka, bertalam tiga muka di dalam Negara menghentam, membela, mengkritik Yahudi tetapi waktu yang sama dalam diam-diam pergi ke Negara Amerika memohon maaf memohon ampun memohon taubat di sana. Jadi ini yang saya nak dedahkan. Ini satu bentuk kezaliman dan beliau boleh dianggap sebagai ancaman kepada Negara kita dan sampai hari ni pun ramai Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional cabar ketua pembangkang. Sila saman Morgan daripada Amerika tapi kita sama kita dalam Negara ini.

**TUAN SPEAKER** : Tak ke mana Seri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI SHAFIE** : Saya nak minta Permatang untuk tarik baliklah yang kata talam tiga muka, belum pernah jumpa lagi ada tiga muka talam, yang ada cuma dua sahaja. Kalau ada, jadi tariklah perkataan itu. Itu sebab tak sedap sangat kita dengar.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya tariklah pasal tak ada di dalam bidalan dia muka dua aje. Jadi Tuan Speaker saya teruskan sikit lagi sikitlah. Jadi konteks ini kita Barisan Nasional saya memang mengalu-alukan sebenarnya usul yang dibawa oleh Sekinchan tapi biarlah kita menjurus sebenar-benarnya kepada apa ni perkara yang ingin kita bincangkan. Memang kita menyedari, amat menyedari bahawa hari ini umat Islam di Ghaza sebab di Ghaza itu, ini bukan sahaja orang Islam ada juga orang Kristian, ada orang Nasrani, dia ada orang pelbagai-bagai agama di sana dan hari ini semua tertekan dengan masalah ini. Yang lebih menghimpit mereka ialah apabila Yahudi buat sekatan laut, Mesir juga menutup sempadan. Jadi inilah menyebabkan sehingga hari ini apa ni rakyat-rakyat Palestin di Ghaza ini seolah-olah sedang menunggu hari-hari kematian mereka. Dan ini sangat menyedihkan. Kita rasa amat

simpati dan saya juga ingin melahirkan rasa bangga kerana DAP Sekinchan sanggup membawa usul ini dan saya rasa semangat ini perlu kita kongsi bersama kerana isu Ghaza ini melepas sempadan agama, bangsa dan juga sentimen politik, yang itu saya tetap bersetuju apa ni Tuan Speaker. Dan untuk menutup ucapan ini saya juga ingin

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang bangun mohon.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BN HAIRI :** Mohon penjelasan, penjelasan daripada Permatang. Pada satu ketika kita menentang Zionis Yahudi ini, tetapi pada satu ketika kita membenarkan kapal Israel berlabuh di Pelabuhan Klang di negeri kita yang kita sayangi apa pendapat Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya ingat ini Menteri Pertahanan kena jawablah. Saya tak mampu nak menjawab. Kalau benar perkara ini berlaku tak sepatutnya lah berlaku. Tapi macam kita dengan Israel saya percaya Israel juga menggunakan *strategy* tertentu mengeksport barang ke Amerika dan mereka Amerika menjadi *transit* mereka untuk mereka masuk ke Negara kita. Itu dari segi pandangan mungkin perlu penjelasan yang lainlah. Jadi Tuan Speaker untuk mengakhiri ucapan saya ini, ucapan perbahasan ini saya teringat kepada seorang pemimpin Israel yang begitu digeruni pada satu wakttu dulu pada tahun 1082, 1983, kalau tak silap saya beliau adalah merupakan Panglima tentera Israel seorang yang bertaraf *General* yang bernama Ariel Sharon yang kemudian dikenali dalam sejarah sebagai penyembelih kepada Kim Sabra dan Satila. Akhirnya pada tahun akhir 90han beliau dipilih menjadi Perdana Menteri Israel. Atas kerakusan beliau jugalah terus menyeksa dan juga apa ni menakluki wilayah-wilayah Palestin dan hari ini Allah Subhanahuwataala telah menjatuhkan hukuman masih hidup lagi kepada beliau belum pun lagi mati, belum pun lagi meninggal dunia Ariel Sharon telah dihukum oleh Allah Subhanawataala atas muka bumi ini dan kita dengar 5 tahun yang dahulu beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Israel yang akhirnya di ambil oleh Adyud Bharat, Adyud Omen kerana tidak mampu lagi untuk menjadi Perdana Menteri kerana berlaku pendarahan daripada perut. Daripada perut yang besar hari ini Ariel Sharon sudah terlantar dan tidak diketahui lagi apa keadaannya. Inilah seksaan jelas daripada Allah Subhanahuwataala kepada manusia yang benar-benar durjana dan zalim yang menzalimi seluruh rakyat Palestin dan saya mengharapkan mudah-mudahan semangat bersama ini kita boleh bera di dalam dewan yang mulia ini dan terima kasih Tuan Speaker, Permatang juga menyokong usul yang dibawa oleh Sekinchan tapi kurang menyokong perbahasan daripada Sekinchan. Terima kasih.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Baik Taman Templer ini perbahasan terakhir sebelum saya meminta pihak kerajaan untuk menjawab.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Terima kasih. *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum*, selamat petang. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker yang sentiasa ceria hari ini kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam satu usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan mengutuk serangan tentera Israel Zionis terhadap sukarelawan bantuan kemanusiaan Ghaza. Tuan Speaker saya sebenarnya akan ringkaskan ucapan saya hanya dalam mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada sahabat saya daripada Sekinchan kerana telah membawa satu usul yang baik yang mana perlunya dapat sokongan daripada semua pihak termasuk pembangkang dan kerajaan negeri. Tetapi persoalan saya hari ini, dewan ini sendiri telah pun melihat betapa orang kata dalam orang putih izin *sale centric* ahli-ahli politik yang ada dalam dewan ini sendiri

di mana usul ini, usul yang begitu baik yang telah dibawa seharusnya, seharusnya kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Selangor yang kononnya diterajui oleh Pakatan Rakyat hendak bawah satu perubahan pembaharuan dalam, dalam *mentaliti* cara kita cara pemikiran kita sepatutnya apabila usul ini dibawa oleh Yang Berhormat daripada Sekinchan kita sebagai ADUN-ADUN ini sepatut menyokong sepenuhnya kerana ini melibatkan satu pembunuhan kejam yang telah dilakukan oleh tentera Israel ke atas manusia tidak kira apa bangsa yang tidak berdosa langsung tetapi hanya kerana hendak memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan maka mereka telah pun dihukum dengan begitu zalim oleh tentera Israel. Tetapi saya nampak di sini usul yang baik dibawa tetapi motifnya berlainan. Kita nampak dalam setengah jam cakap, 5 minit cakap pasal usul tapi 25 minit cakap pasal hentam Barisan Nasional dan UMNO. Ini masalahnya saya rasa kita perlu mengambil satu pelajaran daripada insiden ini Tuan Speaker kerana sepatutnya kita sama-sama berganding bahu, berganding bahu dalam menyelesaikan ataupun membawa usul ini ke peringkat atasan Malaysia ataupun mahu pun dunia mengatakan bahawa kita semua sepakat dalam menghentam ataupun mengkritik tindakan Israel ke atas orang-orang yang tidak berdosa tetapi apabila kita hanya membawa usul ini untuk berpolitik maka bila Pakatan bercakap pasal Barisan, Barisan pula cakap pasal keadilan, maka saya rasa kita nampak kita tidak begitu ikhlas untuk menyelesaikan masalah ini. Macam Tuan Speaker ini yang begitu arif selalu memperingatkan kita kalau bawa usul tu biarlah kita tumpu pada usul yang kita bawa. Saya pun kalau boleh Tuan Speaker sekarang ni saya nak bercakap pasal bukit botak, tapi Speaker mesti tak bagi saya bercakap pasal bukit botak kerana dia kata tumpukan kepada usul, maka saya dalam ucapan saya ni saya berharaplah supaya kalau sekiranya ada usul-usul lain yang begitu baik yang dibawa oleh kita maka kita sepatutnya sepakat satu hati. Tidak semestinya kalau kita tidak satu orang kata berfikiran politik tetapi dalam usul-usul yang akan membawa kebaikan kepada manusia sejagat tak kira apa kaum, apa bangsa maka kita sepatutnya bersatu hati dan saya berharap selepas daripada usul ini mungkin satu usaha akan dilakukan oleh mungkin Kerajaan Pakatan Rakyat ataupun Kerajaan Barisan Nasional kita ADUN-ADUN Pembangkang di mana kita sepatutnya mengadakan satu mungkin demonstrasi aman atau sebagainya untuk membuktikan kesepakatan kita dalam menangani ataupun dalam memberi perhatian kita kepada masyarakat umum tentang usul ini maka saya rasa kalau sekiranya kita dapat bersatu hati kita dapat berdiri bersama menangani menunjukkan kesepakatan kita dalam usul ini maka saya rasa ini akan mengharumkan lagi dewan nama kita di negeri Selangor. Sekian terima kasih saya menyokong usul ini.

**TUAN SPEAKER :** Sekiranya pihak kerajaan hendak menjawab sila.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahi rahmani rahim.* Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Sekinchan yang membawa usul supaya mengutuk sekeras-kerasnya tindakan kejam rejim Israel yang melakukan keganasan terhadap kumpulan sukarelawan pelbagai negara yang menghantar misi bantuan kemanusiaan ke Gaza. Kerajaan Negeri Selangor sudah membuat beberapa peruntukan dan kita memberikan peruntukan kepada kumpulan yang pergi menjadi sukarelawan di sana. Dan Kerajaan Negeri tidak menyangka perkara ini berlaku. Walau bagaimanapun, alhamdulillahlah, rakan-rakan kita sukarelawan dari Malaysia selamat dan kita juga berharap kita dapat memperuntukkan sedikit sumbangan supaya bulan Ramadhan ini ada rakan-rakan kita, sukarelawan kita yang hendak pergi ke Gaza untuk bersama-sama menunaikan rukun puasa dan membawa beberapa sumbangan berupa ubat-ubatan sebagai salah satu cara meringankan kepahitan yang dirasai oleh masyarakat di sana.

Kita tidak perlu berbincang terlalu lama tentang perkara ini. Ia suatu pengajaran kepada kita -- bagi pengajaran kemanusiaan dan oleh sebab itu adalah tanggungjawab kita bersama untuk

menentang mereka yang menghalang keamanan; menentang mereka yang menghalang tiap-tiap manusia itu diberikan kebebasan dan menentang keperluan mereka yang tidak memberi *freedom* dan kebebasan kepada manusia. Jadi, itu sahaja. Kerajaan negeri hendak bersama-sama dengan rakan-rakan NGO's yang sudah bersedia untuk memberi sumbangan bakti supaya kita sama-sama dapat menyelesaikan perkara ini dan akhirnya Palestin menjadi sebuah negara bebas daripada kongkongan Israel dan juga sebuah negara bebas yang boleh berdiri dengan rakyatnya sendiri. Jadi sekali lagi terima kasih pada rakan-rakan Dewan dan saya harap usaha untuk memburukkan satu sama lain ini berkurangan. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun permasalahan di Dewan ini, adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap tindakan rejim Israel yang melakukan keganasan terhadap kumpulan sukarelawan berbagai Negara yang menghantar misi bantuan kemanusiaan ke Gaza. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya (semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun permasalahan di Dewan ini, adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap tindakan rejim Israel yang melakukan keganasan terhadap kumpulan sukarelawan berbagai Negara yang menghantar misi bantuan kemanusiaan ke Ghaza. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya (semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya usul No. 8 Tahun 2010. Usul menerima penyata Jawatankuasa Hak dan kebebasan Dewan Negeri Selangor.

**iv) Usul No. 8 Tahun 2010, Usul Menerima Penyata Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor.**

“ Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat dalam Penyata Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil 14 Tahun 2010 diterima. ”

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker, Kampung Tunku berdiri di bawah peraturan tetap 765, ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya mengikut perenggan 5 dalam peraturan tetap 76 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat di dalam penyata Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor dan dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2010 di terima. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tujuan usul ini adalah untuk menerima laporan dan meluluskan hukuman yang telah dibuat dan dipersetujui oleh Jawatankuasa hak dan kebebasan dewan seperti di perenggan 50A dan B, penyata oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ke atas Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Sri Serdang. Iaitu setelah mempertimbangkan keseluruhan perkara dan keterangan yang berbangkit maka Jawatankuasa ini sebulat suara mencadangkan untuk mengenakan hukuman berikut ke atas Yang Berhormat ADUN Sri Serdang :-

- a) bagi pertuduhan melanggari hak dan kebebasan Yang Berhormat Dato' Mohamad Satim bin Diman tidak bersalah tetapi di beri teguran supaya mengulangi perbuatan melanggari peraturan-peraturan tetap di dalam Dewan Negeri;
- b) bagi kesalahan menghina Dewan kerana enggan menghadiri pendengaran Jawatankuasa ini walau pun diperintahkan, Yang Berhormat Dato' Mohamad Satim bin Diman dikenakan hukuman pemotongan elaun khas Ahli Dewan Undangan Negeri sebanyak RM1,500.00 sahaja.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah meneliti penyata Jawatankuasa hak dan kebebasan Dewan Negeri Selangor ini dan telah mengetahui bahawa Mesyuarat Jawatankuasa telah diadakan pada satu sesi pendengaran telah dipanggil untuk mendengar keterangan daripada kedua-dua Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Yang Berhormat Sri Serdang. Dato' Menteri Besar telah diwakili oleh peguamnya Encik Malik bin Elias dan Encik Malik Elias mewakili Y.A.B. Dato' Menteri Besar ke atas kes tuntutannya terhadap CIMB Berhad dan sebaliknya. Sementara itu Yang Berhormat Sri Serdang tidak menghadiri langsung di dalam sesi pendengaran ini. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berbanding dengan apa yang berlaku ke atas wakil rakyat Pakatan yang lalu hukuman yang dikenakan ke atas mereka selalunya dilakukan secara tergesa-gesa, di mana wakil rakyat yang dihukum itu selalunya tidak diberi peluang untuk menghadirkan diri ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan membela diri sendiri. Bagi kali ini peluang yang seluas-luasnya telah diberi kepada mereka tetapi apa yang mengecewakannya ialah ADUN Barisan Nasional ini memilih untuk tidak membela diri. Hukuman yang diluluskan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor ini adalah berpatutan seperti yang dipesan oleh Tuanku Sultan Selangor semasa Majlis Santapan Ulang tahun Ke-50 Dewan Negeri Selangor martabat dan keutuhan Dewan Negeri Selangor perlulah dijunjung setiap masa.

Setiap anggota Dewan perlulah melaksanakan tugas masing-masing mengikut peruntukan Undang-undang dalam Negeri Selangor 1959 dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor juga berpandukan kepada peruntukan-peruntukan dalam Earths kinmay's Paractise edisi tahun 2004. Sebenarnya Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya telah menyatakan semasa perbahasan saya bulan November tahun lalu, bahawa ucapan bajet oleh Yang Berhormat Sri Serdang pada masa itu telah melanggari peraturan tetap 362 yang berbunyi tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah, kira-kira pada pertimbangan Pengerusi merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu. Juga perbahasan Sri Serdang pada masa itu melanggari peraturan mesyuarat 369 iaitu dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau siapa Pegawai-pegawai kerajaan selain daripada kelakuan daripada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau Pegawai Kerajaan.

Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini yang bermesyuarat kemudian juga mendapat perbahasan pada masa itu turut melanggari peraturan mesyuarat 366 iaitu seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Saban hari kita lihat ramai sangat orang khususnya wakil rakyat atau pun pemimpin daripada kerajaan Barisan Nasional cenderung membawa pertelingkahan atau pun perbezaan pendapat dalam isu-isu tertentu ke dalam mahkamah dan bukannya bukan dibawa ke dalam dewan ini. Saya ingin menyarankan cara yang betul adalah untuk membawa perkara-perkara ini ke dalam dewan ini dan diuruskan disiasat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tindakan Yang Berhormat Sri Serdang untuk tidak menghiraukan langsung pendengaran yang dilakukan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan walau pun beliau telah diperintahkan untuk berbuat demikian ini merupakan sesuatu yang tidak boleh dimaafkan. Jika beliau menghadiri pendengaran Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dewan dan memberi keterangan dan penjelasan sebagaimana yang diketahui beliau mungkin Yang Berhormat Sri Serdang tidak bersalah. Dan mungkin beliau tidak dikenakan sebarang hukuman. Ini adalah kerana kes asal yang dibawa terhadap Yang Berhormat Sri Serdang adalah kes mengenai kes pelanggaran hak dan kebebasan dan dalam laporan ini beliau didapati tidak bersalah dan hanya diberi teguran. Kes yang kedua yang menyebabkan eluan khas beliau dipotong, ini adalah disebabkan tindakan beliau sendiri tidak menghadiri pendengaran Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Apa yang lebih menyedihkan ialah Yang Berhormat Sri Serdang tidak hadir pada mesyuarat hari ini dan semalam. Jadi saya berharaplah kerajaan negeri ini akan menjadi satu peringatan kepada kita semua dan saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya usul ini dapat diluluskan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER** : Ya....sila.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker, saya menyokong usul ini kerana dasar kepada amalan datang kepada membela diri dan persepsi pada dasarnya adalah kerana Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah ditubuhkan oleh Dewan yang mulia ini sama ada pembangkang atau pun kerajaan sama-sama telah menyaksikan usul ini dikemukakan dibentangkan dibahaskan dan diluluskan. Tidak ada lagi anggota dalam seluruh masyarakat Selangor yang berhak dan sepatutnya menghormati sebarang usul peraturan dan ketetapan yang diluluskan oleh Dewan mulia ini selain daripada anggota dewan. Jadi menghormati mana-mana keputusan dewan adalah satu perkara yang wajib dan sebagai umat Islam, dulu masa Sungai Panjang tidak menghadiri apabila dipanggil oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Hak dan Kebebasan, saya mengingatkan beliau bahawa sebagai orang Islam hadir sebagai menjadi saksi adalah satu kefardhuan kerana ini terungkap dalam Al-Quran dengan izin ..... yang bermaksud janganlah para saksi tidak hadir apabila diminta hadir. Tokoh ulama besar Dr. Yusir Qadhari mengatakan bahawa termasuk dalam dosa besar apabila seseorang Islam itu dipanggil untuk menjadi saksi tidak hadir untuk menjadi saksi. Ini bukan masalah politik, ini masalah akidah masalah keimanan. Ini merupakan satu teguran kepada sesiapa-siapa sahaja di kalangan umat Islam khususnya apabila ia dipanggil untuk menjadi saksi untuk hadir dan keduanya dalam isu panggilan kepada pembelaan diri membela diri adalah satu kefardhuan satu yang wajib dan sudah pasti sekiranya menjadi saksi satu kefardhuan dalam agama Islam maka membela diri, menegakkan kebenaran menegakkan keadilan merupakan juga satu kefardhuan. Jadi dengan ini saya ingin mengingatkan rakan-rakan saya semua sama ada dari kerajaan atau pun pembangkang agar apabila mana-mana prosedur Dewan memanggil untuk memberi keterangan sebagai saksi membela diri hendaklah hormati kerana pertamanya kita orang Islam ini adalah kefardhuan agama kita di segi akidah dan keimanan. Dan keduanya kita adalah orang yang meluluskan peraturan dan Rang Undang-undang yang menjadi Enakmen dan peraturan dewan dan tidak ada contoh teladan

yang terbaik yang akan disaksikan oleh seluruh rakyat Selangor kecuali daripada Dewan Undangan Negeri Selangor. Dengan itu saya memohon untuk menyokong usul ini.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun permasalahan di hadapan Dewan ini, ialah satu usul yang berbunyi bahwasanya mengikut perenggan 5 dalam peraturan tetap 76 badi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat dalam laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor yang dibentangkan sebagai kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2010 diterima iaitu :

- a) bagi pertuduhan melanggari hak dan kebebasan Yang Berhormat Dato' Mohamad Satim bin Diman tidak bersalah tetapi diberi teguran supaya tidak mengulangi perbuatan membuat kenyataan yang melanggari peraturan-peraturan tetap di dalam Dewan Negeri dan ;
- b) bagi kesalahan menghina Dewan kerana enggan menghadiri pendengaran Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini walau pun diperintahkan Yang Berhormat Dato' Mohamad Satim bin Diman dikenakan hukuman pemotongan elauan khas Ahli Dewan Undangan Negeri sebanyak RM1,500.00 sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya (semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetuju.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan Dewan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan kita sudah pun tamat. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga satu masa yang ditetapkan kelak. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya mengucapkan tahniah kepada semua ahli yang berhormat di dewan ini. Saya berpendapat persidangan ke-12, penggal yang kedua ini sangat bermakna kepada saya dan saya percaya tentulah kepada rakan-rakan yang berhormat juga kerana kita dapat menunjukkan kematangan kita dalam perbahasan dan kita dapat membawa satu pembaharuan pemikiran terbuka. Umpamanya dalam usaha untuk mengenalkan undang-undang enakmen mengenai hak kepada maklumat. Ia belum tentu menjadi enakmen tetapi perkara ini penting dalam usaha kita untuk memantapkan pentadbiran negeri dan seterusnya negara. Dengan kita bersedia untuk menerima perubahan-perubahan ini, ia merupakan langkah yang terbaik untuk kita dan demokrasi.

Kedua, Dewan juga bersetuju memilih seorang pengurus untuk PAC daripada kumpulan pembangkang. Ini lagi satu kematangan yang kita bersedia menerima walaupun saya agak terperanjat daripada segi permintaan iaitu selain menjadi pengurus diminta pula supaya kumpulan yang diketuainya melebihi kumpulan yang memerintah negeri, ini saya ingat suatu perkara yang saya tak terfikir boleh diminta daripada segi strategi politik. Walau bagaimanapun, kita menerima. Kita berharap beliau dan rakan-rakan dalam kumpulan PAC sedia bekerja keras supaya dapat memberikan nasihat-nasihat dalam usaha untuk menentukan pemerintahan dalam negeri ini mantap, telus dan amanah. Dan sudah tentulah dalam pengurusan bukan semua boleh dibuat betul tetapi usaha yang disebut sebagai *continuous improvement*.

Kita boleh berjaya dalam keadaan yang mempunyai perbezaan-perbezaan dan perubahan-perubahan umpamanya daripada segi teknologi kita boleh bergerak kepada satu peringkat yang

disebut *paperless office* dan kita boleh bergerak kepada satu tempat yang kita tidak mahu lagi fail-fail mengenai geran-geran tanah bersepadu-sepadu di dalam pejabat dan kita boleh masukkannya ke dalam gudang yang dilengkapi komputer berserta pegawai dan mereka yang mengehendaki perkhidmatan tersebut. Sudah tentulah banyak perkara yang akan berlaku dan kerenah ini perlu kita perbaiki. Dan dengan cara ini pentadbiran negeri menjadi lebih cekap dan lebih telus dan sudah tentu hasilnya lebih berhemah. Saya juga berterima kasih kepada Sekinchan yang bersedia untuk membuat satu usul yang mengancam dan mengecam keadaan yang berlaku di Gaza. Dan ini adalah satu tanggungjawab kita bersama dan saya harap ahli-ahli yang berhormat yang juga berminat untuk ke Gaza. Kita Kerajaan Negeri boleh memberi sumbangan tambang untuk pergi ke sana.

**TUAN SPEAKER :** Hantar Sekinchan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Okey. Kita hadkan kepada empat orang sahaja bukan semua. Lagi sekali saya mengucapkan terima kasih dan saya berharap kita berjumpa pada penggal yang ketiga untuk terutamanya membincangkan belanjawan untuk 2011. Saya percaya rakan saya dari Taman Templer masih ingin berbincang mengenai Bukit Botak tetapi saya boleh sentuh selepas Dewan dan saya hendak melawat ke Bukit Botak dan memberikan penerangan-penerangan bagaimana hasilnya untuk memberi kebaikan kepada kita bersama. Terima kasih Tuan Speaker dan saya harap kita sentiasa berdoa supaya negeri Selangor menjadi makmur dan rakyat berasa senang bersama dengan kita. Terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli yang berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini saya mengambil peluang dan kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang berhormat ahli-ahli Kerajaan Negeri, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan yang telah memberikan kerjasama yang sesungguhnya bagi melicinkan perjalanan persidangan mesyuarat kedua bagi penggal ketiga ini. Ucapan terima kasih juga saya tujuarkan kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan, seluruh kakitangan pejabat dewan dan pelapor-pelapor yang telah berusaha sesungguhnya menyediakan dan menyiapkan penyata rasmi bagi mesyuarat kali ini. Seperti lazim saya berharap agar yang berhormat sekalian dapat menyemak kembali draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan-ucapan yang berhormat dan sila kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan / Pejabat Dewan dengan kadar segera agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada yang berhormat-yang berhormat sekalian. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahu tidak langsung di atas kerjasama tuan-tuan dan puan-puan menjayakan mesyuarat pada kali ini. Dengan ini saya menangguhkan sidang hari ini ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang)**